Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat

TUN ABDUL RAZAK



BAPA PEMBANGUNAN

(KEBENARAN DISEBALIK PERJUANGAN)

DHARMALA N.S.

Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat

TUN ABDUL RAZAK

BAPA PEMBANGUNAN

(KEBENARAN DI SEBALIK PERJUANGAN)

DHARMALA N.S.

Thinker's LIBRARY

Judul:
Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat
TUN ABDUL RAZAK BAPA PEMBANGUNAN
(KEBENARAN DISEBALIK PERJUANGAN)

© 2005 Hakcipta Terpelihara oleh:
Dharmala N.S.

Diterbitkan oleh:
THINKER'S LIBRARY SDN. BHD. (110008-D)
123, Jalan Jasa 3, Taman Jasa, Sungai Tua,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.
Tel: (603) 6189 7570 Fax: (603) 6187 8525
E-mail: thinkers@tm.net.my

Cetakan pertama 2005

ISBN : 967-69-0667-0

Grafik:
Yuslinda Yunus

Printed and bound in Malaysia

Sumbangan Ikhlas Daripada

UNDANGAN WAKTU

(*Mengenangi Allahyarham Tun Razak*)

Di sini kau menanti
undangan waktu
ke desir angin yang menjabat
genggaman setia di hujung jari
dan melepaskan
perjalanan paling selamat.

Ku lihat sebatang tiang
telah lama berdiri di depan
bangunan lengang
tercancang
antara bunga-bunga,
pasu-pasu dan batu-batu.

Terasa angin perlahan
mengibas-ngibas bendera
di tengah-tengah
tiang tercancang
antara hati berdarah
air mata tumpah
dan salam takziah!

Istirehatlah engkau
tamu abadi –
undangan waktu yang datang
undangan waktu yang pulang.

- Dharmala N.S.

Seremban 16 Januari 1976.

(*Utusan Zaman; 1 Februari 1976*)



Jasamu Dikenang



"Meskipun matlamat negara mengenai perlaksanaan Bahasa Melayu di peringkat universiti dijadualkan pada tahun 1983, iaitu sepuluh tahun dari sekarang, Universiti Kebangsaan telahpun mendahului matlamat ini dari mula-mula lagi kerana ia telahpun menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantarannya sejak ditubuhkan tiga tahun dahulu."

"Namun saya percaya bahawa Bahsa Melayu, sebagai satu bahasa yang hidup, akan terus berkembang maju menjadi bahasa pengetahuan moden di samping bahasa-bahasa lain. Kita sama-sama berharap dengan meningkatnya kemajuan ilmu pengetahuan dan penyelidikan ilmiah di Universiti ini [Universiti Kebangsaan], terutama dalam bidang kebudayaan Bumiputera maka ia akan menjadi tumpuan sarjana-sarjanan bukan saja dari rantau Asia Tenggara ini bahkan juga dari seluruh dunia."

Petikan Ucapan Canselor Di Majlis Konvokesyen Pertama UKM
Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussain
SMN, Barrister-at-Law (Lincoln's Inn)

Memorable Quotes

"Although the country's goal of using the Malay language at the university level is scheduled to be implemented in 1983, that is, 10 years from now, University Kebangsaan Malaysia has already achieved this goal from the moment it was incepted. UKM has used the Malay language as its medium of instruction ever since it was established three years ago."

"I believe the Malay language, as a living language, will continue to flourish as a modern language of knowledge amidst all other languages. We all hope that with the progress of knowledge and academic research in this university, especially in the area of Bumiputra culture, it will be the focus of scholars, not only from Southeast Asia, but also from all over the world."

Chancellor's Excerpt At The UKM's First Convocation
Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussain
SMN, Barrister-at-Law (Lincoln's Inn)

KANDUNGAN

Pendahuluan i

1. Langkah Perkasa:
Pemuda Harapan Bangsa 1

2. Manifestasi Kesetiaan:
Prinsip Pimpinan Dwi-Tunggal 35

3. Tradisi Kepimpinan:
Period Pra Kemerdekaan 67

4. Naratif Pendidikan:
Agenda Pembangunan Negara 99

5. Pendekatan Intelektual:
Perjalanan Misi Damai Ke Bangkok 129

6. Mengukir Martabat Bangsa:
Agenda Yang Berkesinambungan 161

7. Mentafsir Falsafah Bangsa:
Generasi Pewaris Pimpinan 195

8. Rumusan dan Analisis:
Tersurat dan Tersirat 227

9. Biodata 259

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Memang sudah banyak hasil penulisan yang membuat analisis mengenai perjuangan politik Tun Abdul Razak bin Hussein, tetapi ketokohan beliau bagaikan lautan yang terus bergelombang. Semakin diselami terlalu banyak khazanah tersembunyi di dasarnya yang berteluk-teluk, berceruk-ceruk dan bekelok-kelok. Kemunculan beliau dalam gerakan nasionalisme pra kemerdekaan, seolah-olah satu anugerah besar kepada bangsa Melayu sekalipun ianya boleh ditafsirkan kalau Tun Razak tak muncul pun mungkin orang lain akan mengambil tempatnya.

Tetapi sebelum Tun Razak sudah tampil ramai tokoh-tokoh nasionalisme silih berganti menentang penjajahan sama ada pada period pra sejarah moden mahupun ketika bermula awal abad ke 20. Misalnya orang Melayu tak lupa dengan sumbangan Dato' Dol Said di Naning (1831); Dato' Bandar Tunggal di Sungai Ujong, Negeri Sembilan (1874); Dato' Maharajalela Pandak Lam di Pasir Salak, Perak (1876) atau Dato' Bahaman di Semantan, Pahang (1892).

Kemudian diikuti oleh Tok Janggut Haji Mat Hassan di Pasir Putih, Kelantan (1915) dan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong di Hulu Terenggan (1928) sudah terbabit menggerakkan penentangan terhadap penjajah. Gerakan peringkat kedaerahan sekadar mampu menyumbang sedikit tekanan, tetapi tak menjejaskan langsung kekuatan penjajah. Justeru kepimpinan yang membentuk gerakan

massa di segenap peringkat, hanya bermula pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Dirawikan oleh Ibnu Rahawiah dan Khaisamah di dalam *Fadailus Sahabah*, ketika dilantik menjadi khalifah, Abu Bakar al-Siddiq dalam keadaan sedih menyembunyikan diri di rumah. Apabila Umar al-Khattab menemuinya, beliau lantas mencerca, "Kamulah yang telah menyebabkan aku memikul tanggungjawab ini dan kamu telah memaksa aku supaya menerima jawatan khalifah ini di hadapan orang ramai."

Bagaimanapun Abu Bakar mengalah selepas mendengar Umar menuturkan, "Adakah kamu tidak mengetahui bahawa Rasullullah SAW telah bersabda, 'Jika seseorang pemerintah itu, melakukan ijtihad lalu betul ijtihadnya maka ia akan memperolehi dua ganjaran dan sekiranya beliau tersilap ia akan memperolehi satu ganjaran'." Kata-kata Umar itulah yang mententeramkan hati Abu Bakar.

Begitu juga dirawikan oleh Abu Abid, al-Uqaily, at-Tabarani, Ibnu Asakir, Sa'ed bin Mansur dan selain daripada Abdul Rahman bin Auf seperti dalam *al-Kanz*, mengenai kebimbangan Abu Bakar r.a. apabila dilantik memegang jawatan khalifah. Tetapi aliran pemikiran sekarang berkaitan kuasa politk agak berbeza, hingga berlaku pergolakan yang menggugat kestabilan negara. Justeru penulisan buku ini tak menjurus kepada aqiliah

perbandingan, sebaliknya melihat pendekatan pada period yang berbeza.

Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein memang nama besar dalam politik tanahair, apalagi beliau dikenali sebagai negarawan terulung selepas Almarhom Tunku Abdul Rahman. Sekalipun gerakan nasionalisme pra kemerdekaan sudah dimulakan sejak Ibrahim Haji Yaacob, Dato' Ishak Haji Muhammad, Dr Burhanuddin al-Helmy, Dato' Onn Jaafar atau Dato' Ahmad Boestamam, tetapi peranan Tunku dan Tun Razak pada dekad 1950-an lebih bermakna sebagai sasaran terakhir perjuangan nasioanlisme itu.

Banyak pihak mengakui Tun Razak tak meninggalkan harta, tetapi beliau mewariskan tradisi kepimpinan kepada anaknya Dato' Seri Najib. Penulisan buku ini juga memang terilham semasa pilihanraya 2004, tatkala melihat poster di sekitar kawasan Parlimen Pekan memberi kesan positif. Dato' Seri Najib dilihat mewarisi tradisi kepimpinan yang sudah dimulakan oleh Tun Razak sebelum ini. Apalagi gelaran 'Bapa Pembangunan' kepada Tun Razak selaras dengan keprihatinan beliau terhadap isu kemiskinan, masalah penduduk luar bandar dan kalangan yang berpendapatan rendah.

Bagaimanapun penampilan Dato' Seri Najib dalam hiraki kepimpinan UMNO tak semudah yang dicapai oleh ayahnya Tun Razak, sebaliknya melalui jalan panjang yang berliku-liku, berlingkuk-lingkuk dan berbelok-belok. Berbeza

dengan Tun Razak diberi laluan mudah memimpin UMNO dengan latar belakangnya sebagai pemimpin pelajar, terbabit dalam pasukan sukarelawan WATANIAH yang radikal di samping aktif bersama persatuan belia di peringkat antarabangsa.

Pendekatan Tun Razak menuntut kemerdekaan sealiran dengan Tunku yang lebih tertumpu kepada perjuangan menerusi perlembagaan, malah mereka sentiasa mengelak daripada terbabit dalam gerakan revolusi. Kesedaran rakyat di Tanah Melayu ketika itu tak boleh dibandingkan dengan perjuangan revolusi di Indonesia sebagai satu sebab ianya tak sesuai mendamba gerakan revolusiner. Sekalipun Tun Razak dikatakan tertarik hati dengan perjuangan kemerdekaan di Mesir, tetapi beliau memahami iklim politik di negara itu jauh berbeza dengan Tanah Melayu.

Mengikuti perkembangan di Mesir yang memunculkan Jeneral Naguib mengetuai revolusi pada 1952, seolah-olah menjadi iltizam kepada Tun Razak memimpin negara kemudiannya. Bukan sahaja beliau menamakan anaknya Najib sempena keterampilan Jeneral Naguib dalam gerakan revolusi di Mesir; bahkan secara tak langsung Tun Razak semacam mempraktikkan penjelasan Jamal Abdul Naser dalam kata pengantar buku '*Revolt on the Nile*' (kemudian diterjemah oleh Ahmad Boestamam 'Pemberontakan Di Lembah Nil'):

"Kegelisahan (Angkatan Bersenjata) melihat kehancuran negara, kejatuhan maruah kuasa tradisional, dan kebencian rakyat Mesir kepada pendudukan British di tanah air mereka. Tidak selalunya mudah hendak mengalahkan tenaga penghancur, pengkhianatan dan sikap masa bodoh, tetapi para patriot telah meletakkan asas yang kukuh di atas pembangunan baru yang akan didirikan: Republik Mesir. Ketertiban menggantikan kekelam-kabutan."

Ketertiban inilah menjadi formula Tun Razak ketika menghadapi kemelut 1969, apabila beliau diberi tanggungjawab memimpin negara menerusi MAGERAN. Tetapi Tun Razak juga tak terlepas berdepan dengan kerenah kalangan ahli-ahli parti, apabila ketertiban tindak tanduknya mula dipertikai. Bagaimanapun tempoh pentadbiran Tun Razak yang singkat, apabila beliau meninggal dunia pada Januari 1976 memberi kesan kehilangan besar kepada negara dan rakyat Malaysia.

Justeru penulisan buku ini bukanlah satu perbandingan mengenai pendekatan politik dua generasi, tetapi memperlihatkan kecenderungan dalam penampilan pimpinan yang dianggap tradisi kepada hiraki UMNO sendiri. Peralihan kuasa secara tertib yang menjadi amalan UMNO merupakan tradisi kepimpinan yang diwarisi oleh Dato' Seri Najib, bukan berdasarkan keperibadian beliau sebagai anak negarawan terulung itu.

1

LANGKAH PERKASA: PEMUDA HARAPAN BANGSA

НАВАГАНАВАНСАЯ

ГЕЛЛІЯДА

ГАЛАКАЎНАГЕРОЙСКАЯ:

І

SEBAIK sahaja mengambil alih kepimpinan Perikatan Pemuda UMNO (sekarang Pegerakan Pemuda UMNO) dalam Majlis Mesyuarat Agung UMNO (sekarang ialah Perhimpunan Agung UMNO) pada 27 – 29 Ogos 1950 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak, Dato' Abdul Razak Hussein (kemudiannya dikenali Tun Abdul Razak) membuat kejutan budaya dalam perjuangan di peringkat awal memulakan langkah perkasa menggerakkan UMNO. Di persidangan tersebut wakil Kuala Pilah, Abdul Samad Idris (Tan Sri, Allahyarham) dalam ucapan penangguhannya mencadangkan slogan UMNO 'Hidup Melayu' ditukar kepada 'Merdeka'.

Tun Abdul Razak kemudiannya menjadikan cadangan Abdul Samad itu sebagai usul Pemuda UMNO yang bersidang pada 4 Februari 1951 di Kuala Lumpur bagi dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat Agung UMNO pada 24 – 25 Mac 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Perwakilan Pemuda UMNO yang diberi tanggungjawab membawa usul tersebut ialah Haji Ahmad bin Haji Abdullah Fahim (Allahyarham Dato' Ahmad Badawi, ayah kepada Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi) wakil Pulau Pinang dan Abdul Gharief Raof, wakil Johor.

Apabila berlangsungnya Majlis Mesyuarat Agung UMNO pada 24 – 25 Mac 1951, Abdul Gharief seorang pemidato terbilang Pemuda UMNO ketika itu membawakan usul tersebut bagi memansuhkan perkataan 'Hidup Melayu'

mengikut Fasal 34 undang-undang tubuh UMNO dan digantikan dengan perkataan 'Merdeka'. Sardon Jubir (Tun, Allahyarham) bertindak menyokong usul yang dikemukakan oleh Perikatan Pemuda UMNO itu. Senario politik Pemuda UMNO yang digerakkan oleh Tun Razak ternyata lebih radikal daripada yang dijangkakan.

Malah Yang Dipertua Agung UMNO (Presiden UMNO) ketika itu, Dato' Onn Jaafar terkejut dengan usul Pemuda UMNO yang dipimpin oleh Tun Razak. Di samping itu ramai kalangan pimpinan UMNO turut membantah dengan mencadangkan beberapa usul bagi menghalang 'Merdeka' menjadi cogankata atau slogan UMNO. Antaranya wakil Kaum Ibu (Pergerakan Wanita) Pulau Pinang, Dasimah Dasir yang mencadangkan 'Hidup Merdeka' dengan disokong oleh Mohamad Noh Omar (Allahyarham, Tan Sri, datuk kepada Dato' Seri Najib Tun Razak).

Wakil Selangor, Raja Ayub bin Raja Bot pula mencadangkan 'Hidup", kemudiannya disokong oleh Hajjah Zainon Sulaiman (Tan Sri, Ibu Zain) wakil Kaum Ibu, Johor. Dato' C. M. Yusof (Tan Sri Cik Mohamad Yusof, bekas Speaker Dewan Rakyat) wakil Perak turut membuat usul mencadangkan 'Hidup Malaya' yang disokong wakil Selangor, Jaafar Ali. Bagaimanapun ternyata pengaruh Pemuda dan Tun Razak telah mendapat sokongan majoriti dengan 34 undi menyokong daripada seramai 66 orang perwakilan yang hadir. Bermula dengan keputusan tersebut,

Dato' Onn amat menyedari pengaruh beliau dalam kepimpinan UMNO semakin dicabar.

Di samping itu dalam persidangan tersebut juga Dato' Onn menjadikan dirinya semakin tidak popular apabila mengusulkan keahlian UMNO dibuka kepada semua kaum di negara ini. Didorong oleh isu kerakyatan yang longgar dan usaha membuka keahlian UMNO kepada semua kaum mendapat tentangan hebat, Dato' Onn kemudiannya enggan dicalonkan memegang jawatan Yang Dipertua Agung pada Majlis Mesyuarat Agung (ketika itu dua kali setahun) 25 – 26 Ogos 1951, di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Dalam pergolakan tersebut sekali lagi Tun Razak memainkan peranan penting memantapkan semula kepimpinan UMNO.

Ternyata hala tuju UMNO pada awal dekad 1950-an banyak digerakkan oleh Tun Razak apabila mengambil alih kepimpinan Pemuda UMNO. Sebenarnya Tun Razak tidaklah muncul secara mendadak dalam kepimpinan UMNO, malah tidak menyertai perwakilan Pahang ketika Kongres Melayu berlangsung pada 1 – 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Tiga buah persatuan Melayu di Pahang yang menghadiri kongres berkenaan ialah Persatuan Melayu Pahang, WATANIAH dan Persekutuan Guru-Guru Melayu Pahang.

Aktivis dari Pahang yang menyertai Kongres Melayu tersebut ialah Mohd Yassin Salleh (ayah Tan Sri Kamarul

Ariffin), Shariff Daud, Abdul Rahman Talib, Mokhtar Haji Daud, Jaafar Haji Mohd Noor dan Yahya Mat Shah dari Persatuan Melayu Pahang; Nordin Ibrahim mewakili WATANIAH dan Cikgu Abdul Razak Hussain dari Kuala Lipis sebagai wakil Persekutuan Guru-Guru Melayu Pahang. Sekitar dekad 1940-an Tun Razak merupakan aktivis WATANIAH yang terbabit bergerak secara militan menentang penjajahan tentera Jepun di Pahang.

Pembabitan Tun Razak sebagai aktivis pemuda dalam gerakan WATANIAH yang dipimpin oleh Yoep Mohiddin ketika pendudukan Jepun, memang tidak diwarisi oleh anak-anaknya. Bagaimanapun kepimpinan beliau dalam Perikatan Pemuda UMNO pada 1950, memang diwarisi oleh anak sulungnya Dato' Seri Mohd Najib apabila dipilih memimpin Pergerakan Pemuda UMNO pada 1986. Di samping itu dalam kerjaya politik Tun Razak beliau bukanlah pemidato yang mampu membakar semangat audien.

Sebaliknya Tun Razak lebih banyak menitik beratkan keintelektualan dalam ucapan beliau, sekalipun mesejnya sukar diterjemahkan oleh masyarakat di desa-desa. Misalnya isu 'masyarakat subsidi' memang diterapkan oleh Tun Razak semenjak beliau masih lagi Timbalan Perdana Menteri pada dekad 1960-an. Pendekatan yang dibawa oleh Tun Razak dianggap menjadikan orang Melayu pessimis

kerana bergantung kepada 'subsidi' kerajaan sama ada dalam bidang ekonomi, pendidikan mahupun sosial.

Apalagi ketika beliau turut memegang jawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar selepas Pilihanraya Umum 1959, pendekatan beliau melaksanakan prasarana di segala pelusuk kampung hampir tak menepati sasaran. Misalnya pembinaan balairaya, telefon awam atau penurapan tar (aspal) bagi jalan-jalan kampung banyak dirosakkan apabila 'masyarakat subsidi' tak menghargai kepentingan sivik. Balairaya pula tak digunakan sebaik mungkin, hingga dijadikan seolah-olah kandang kambing atau lembu mereka.

Bagaimanapun tak bermakna agenda pembangunan luar bandar yang dijana oleh Tun Razak gagal mencapai matlamatnya. Sebaliknya matlamat beliau mewujudkan retorik 'masyarakat subsidi' itu hampir dieksploit oleh penduduk-penduduk yang kurang prihatin dengan erti pembangunan, malah menolak nilai-nilai kesedaran mental. Satu ketika dalam satu pertemuan dengan penduduk-penduduk di Kampung Teriang, Jelebu sekitar 1966 Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu Tan Sri Dr Mohd Said Mohammad mengaggap pendekatan yang dibawa oleh Tun Razak boleh menjadikan orang Melayu pasif.

Dengan menjadikan orang Melayu 'masyarakat subsidi' mereka kurang mampan untuk berdaya saing kerana

mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata. Justeru Dr Said lebih menjurus kepada masyarakat Jepun sebagai model ketatanegaraan kerana ianya jelas mementingkan sistem berdikari bukan menunggu 'bulan jatuh ke riba'. Sekalipun dalam perjumpaan itu Dr Said menyampaikan mesej secara peribadi, tetapi penduduk-penduduk di kampung berkenaan menganggap beliau menolak pendekatan yang dibawa oleh Tun Razak.

Sewaktu memberikan ceramah kepada Pemuda UMNO Bahagian Jelebu-Jempol (sekarang Jelebu) sempena sambutan ulangtahun ke 20 UMNO di Kuala Klawang pada Mei 1966, Tan Sri Abdul Samad Idris ketika itu Timbalan Menteri Besar Negeri Sembilan seolah-olah menyangkal pandangan Tan Sri Dr Said. Bagi Tan Sri Samad pendekatan yang dibawa oleh Tun Razak lebih relevan mengikut keperluan semasa. Orang Melayu memerlukan bantuan kerajaan sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi mahupun sosial kerana baru sahaja terlepas daripada cengkaman penjajah.

"Dalam masa kaum lain sudah berlari berpuluh-puluh batu, orang Melayu baru sahaja mahu bertatih (anak kecil baru belajar berjalan jatuh). Jadi pendekatan yang dibawa oleh Tun Razak ibarat memberikan tongkat kepada orang Melayu sehingga mereka mampu berjalan betul," menurut Tan Sri Samad dalam ucapan beliau. Keprihatinan Tun Razak membantu orang Melayu juga dieksploit oleh lawan

politiknya sebagai berpendirian anti-bukan Melayu, malah apabila menjadi Perdana Menteri pada 22 September1970 beliau masih dilabel sebagai anti-bukan Melayu sekalipun pada era beliau diwujudkan 'Majlis Perpaduan Nasional' bagi memantau masalah intergrasi kaum.

Menyuntik Semangat Pemuda

Liku-liku kerjaya politik Tun Razak yang dianggap maraton dalam perjuangannya ini memang tak pernah dilalui oleh Dato' Seri Najib. Tetapi kesinambungan yang diwarisi oleh Dato' Najib mempunyai ciri-ciri yang hampir sama ketika melalui kemelut politik UMNO yang menggegar, mendebar dan mencabar itu. Kesabaran Tun Razak ketika parti terdesak, kesetiaan kepada kepimpinan parti yang bergolak dan ketegasan mencari titik penyelesaian untuk bertindak terdapat pada maraton kerjaya Dato' Seri Najib apabila beliau menyertai politik pada 1976.

Dalam rekod sejarah menunjukkan Tun Razak menyertai UMNO pada 1950, ketika pergolakan parti itu memuncak selepas Dato' Onn mengumumkan peletakan jawatan Yang Dipertua Agung pada persidangan 10 – 11 Jun 1950 di Kuala Lumpur. Tun Razak ketika itu berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaya turut serta bersama rakan-rakannya Tan Sri Yahya Mohd Seth, Yoep Mohiddin dan Mohd Noor Sulaiman memujuk Dato' Onn dalam satu

perhimpunan di kediamannya di Jalan Jepun, Johor Bahru pada 28 Julai 1950 supaya kembali memimpin UMNO.

Bagi menyokong kepimpinan Dato' Onn ketika itu, Tun Razak bersetuju menerima pelantikan sebagai Ketua Perikatan Pemuda (Naib Yang Dipertua) dalam persidangan di Kuala Kangsar pada 27 – 29 Ogos 1950 menggantikan Kapten (Tun) Hussein Onn yang dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO. Kebetulan pula pada persidangan tersebut Dato' Zainal Abidin Abbas dari Perak meletakkan jawatan Setiausaha Agung untuk urusan peribadi di London. Tun Razak kemudiannya buat pertama kali dipilih (bukan lantikan) memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO dalam persidangan pergerakan tersebut pada 4 Februari 1951 di Kuala Lumpur.

Berdasarkan rekod sejarah ini Tun Razak merupakan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang pertama dipilih menerusi persidangan. Sebelum itu Tun Hussein merupakan Ketua Pemuda yang dilantik termasuk juga Ketua Kaum Ibu (Pergerakan Wanita) iaitu menerusi bidang kuasa Yang Dipertua Agung. Tun Razak seterusnya mengubah hala tuju Pemuda UMNO kepada pegerakan yang lebih radikal dengan konsep 'Pemuda Harapan Bangsa', di samping menukar slogan UMNO kepada 'Merdeka'.

Kepimpinan Pemuda UMNO terlalu singkat di bawah Tun Razak, apabila beliau melepaskan jawatan tersebut

berikutan pergolakan menjelang persidangan 25 – 26 Ogos 1951, dengan Dato' Onn buat kali kedua enggan menjadi Yang Dipertua Agung UMNO. Bagaimanapun tempoh yang singkat itu membolehkan Tun Razak mencorakkan Pemuda UMNO sebagai tenaga pendesak, selepas diambil alih oleh Sardon Jubir apabila Tun Razak dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung (Timbalan Presiden). Jawatan status quo dalam UMNO turut mengalami perubahan apabila Tun Razak mengambil alih kepimpinan pada 1970.

Pada era kepimpinan beliau jawatan Yang Dipertua Agung ditukar kepada 'Presiden'; bagi Timbalan Yang Dipertua Agung disebut 'Timbalan Presiden'; seterusnya Naib Yang Dipertua Agung dipanggil 'Naib Presiden'. Bagi sayap pemuda sebelumnya dikenali 'Perikatan Pemuda' ditukar kepada 'Pegerakan Pemuda', sementara 'Kaum Ibu' pula disebut 'Pergerakan Wanita'. Perubahan pada nama jawatan dan sayap pergerakan parti selaras dengan perkembangan semasa apabila UMNO bergerak dari landasan menuntut kemerdekaan kepada terminal mengisi kemerdekaan.

Selepas melangkaui empat dekad negara kehilangan Tun Razak, warisan kepimpinan beliau seolah-olah kembali menepati pepatah Melayu '*sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk*' apabila Dato' Seri Najib sebulat suara dipilih menjadi Timbalan Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung 2004. Jawatan yang pernah disandang oleh Tun

Razak bermula 1951 hingga 1970 kembali diisi oleh Dato' Seri Najib sebagai kesinambungan kepimpinan generasi seterusnya.

Memang tak dinafikan dalam retorik kepimpinan akan wujud penyokong-penyokong setia yang dilabel oleh pihak lawan sebagai kroni-kroni. Setiap pemimpin memang memerlukan rakan seperjuangan dan penyokong-penyokong setia sebagai tokoh yang berkarisma dan berwibawa. Malah Tunku Abdul Rahman Putera sendiri sewaktu memberi kenyataan akhbar pada 15 Januari 1976 berikutan berpulangnya ke rahmatullah Tun Abdul Razak dengan menyebut, "*Saya bernasib baik mempunyai Tun Razak kerana dia melakukan apa sahaja untuk kepentingan rakyat dan negara.*"

Justeru dalam kepimpinan Tun Razak sendiri beliau turut mempunyai orang-orang kepercayaan sebagai rakan seperjuangan dan penyokong setia dalam melaksanakan tugas selaku ketua parti dan kerajaan. Mungkin pada hemat sesetengah pihak kalangan yang pernah dilabelkan sebagai 'orang Tun Razak' ialah Dato' Abdullah Ahmad (dikenali Dollah Kok Lanas), Abdullah Majid dan Tan Sri Abdul Samad Ismail. Mereka dianggap menjadi pagar di sekeliling Tun Razak yang menimbulkan krisis dalam isu Pergerakan Pemuda UMNO ketika dipimpin oleh Dato' Harun Idris.

Tetapi mengikut sumber kalangan veteran UMNO Dollah Kok Lanas dan Abdullah Majid dianggap rapat dengan Tun Razak disebabkan kelantangan bersuara mereka amat menonjol, seolah-olah mendapat restu ketua parti. Sementara Tan Sri Samad Ismail mendominasi bidang kewartawanan, malah ramai penulis-penulis muda direkrut untuk menjadi stringer (pemberita sambilan) di akhbar Berita Harian pada era beliau menjadi Ketua Pengarang Kumpulan di Berita Harian. Kalangan penulis-penulis muda pula seolah-olah digalakkan melaporkan isu kemiskinan rakyat, kerenah birokrasi dalam jabatan-jabatan kerajaan dan penindasan di kalangan masyarakat 'berada' dan mayarakat 'tak berada'.

Galakan media yang dipimpin Tan Sri Samad Ismail dalam penekanan terhadap isu-isu kemiskinan rakyat, kemudiannya mencetuskan keprihatinan kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Antara gerakan pelajar yang ketara membangkitkan isu kemiskinan berlaku pada 1974, apabila aktivis pelajar di pusat pengajian tinggi yang diketuai Anwar Ibrahim (Dato' Seri) dan Hishamuddin Rais melancarkan tunjuk perasaan di Baling, Kedah dengan tema 'Kebuluran di Baling'. Media memainkan isu berkenaan sebagai landasan untuk menjaring agenda yang berangkai-rangkai, berantai-rantai dan berbingkai-bingkai. Mungkin!

Rangkaian tunjuk perasaan tak berakhir di Baling, malah berterusan pula di Johor Bahru di selatan tanah air.

Aktivis pelajar menjadikan isu kemiskinan rakyat sebagai propaganda nasional ketika Tun Razak berusaha membawa manfaat kepada rakyat Malaysia dalam agenda Dasar Ekonomi Baru (DEB) di bawah pentadbiran beliau. Di samping itu pelajar-pelajar di luar negeri juga turut mengadakan demonstrasi, termasuk ketika Tun Razak mengadakan lawatan ke Australia. Isu kebuluran di Baling menjadi mauduk apabila pelajar-pelajar Malaysia memakai topeng mengadakan demonstrasi sempena lawatan Tun Razak ke Australia.

"Mereka yang dikenalpasti terbabit dalam demonstrasi itu dihantar balik ke Malaysia dengan tak dibenarkan meneruskan pengajian. Memang saya terbabit dalam demonstrasi memakai topeng, tetapi kurang jelas dengan isu sebenar mengenai masalah kemiskinan. Sebab itu saya dihantar balik ke Malaysia sebelum sempat menamatkan pengajian dalam bidang akaun," beritahu seorang aktivisi pelajar berasal dari Seremban kepada penulis, menyebabkan ibunya guru besar di salah sebuah sekolah Cina berasa kecewa. Aktivis pelajar berkenaan ialah Hu Sepang, bekas Ahli Parlimen dan ADUN pembangkang di Negeri Sembilan.

Aspirasi Rakan Seperjuangan

Di sebalik segala tanggapan mengenai kalangan pemimpin UMNO yang rapat dengan Tun Razak, memang

tak ramai yang memberi fokus kepada Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Abdul Samad Idris. Misalnya dalam beberapa isu, Tun Razak dikatakan banyak meminta pandangan dua rakannya itu, malah di satu peringkat beliau pernah menukar keputusan yang dibuat pada saat-saat akhir selepas mendengar pandangan lebih bernas dari Tan Sri Ghazali atau King Ghaz. "Tun memang sayangkan Ghazali Shafie, tapi tak mahu tonjolkan sebagai pemimpin kanan parti," jelas Tan Sri Samad Idris kepada penulis sepanjang lebih 20 tahun berdampingan dengan beliau.

Di kalangan pemimpin UMNO pula Tan Sri Ghazali dan Tan Sri Samad sahaja yang membahasakan 'abang' apabila memanggil Tun Razak, sekalipun jarak usia mereka tak jauh sangat perbezaannya. Tan Sri Ghazali misalnya hanya beberapa bulan sahaja lebih muda daripada Tun Razak, sementara Tan Sri Abdul Samad pula setahun lebih muda usianya. Di samping itu Tan Sri Samad yang lebih muda di antara mereka bertiga turut membahasakan panggilan 'abang' kepada King Ghaz. Begitulah!

Bagaimanapun Tun Razak lebih awal mengenali King Ghaz ketika mereka sama-sama menuntut di Sekolah Clifford, Kuala Lipis sebelum meneruskan pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Mereka berdua juga turut sama terbabit dalam gerakan radikal WATANIAH bagi menentang penjajahan Jepun dengan memegang jawatan Kapten. Sebelum pendudukan Jepun, Tun Razak mendapat

biasiswa pada 1940 bagi melanjutkan pelajaran ke Raffles College di Singapura sebagai pusat pengajian tertinggi di Malaya ketika itu. Tun Razak juga berkhidmat dalam perjawatan Perkhidmatan Awam Malaya di Pahang, sebelum ke London pada 1947 menuntut dalam bidang undang-undang.

Dilahirkan di Pulau Keladi sebuah desa di daerah Pekan di Pahang pada 11 Mac 1922 di tengah keluarga elit, Tun Razak tidaklah dibesarkan sebagai anak pembesar Melayu ketika itu. Beliau dipelihara oleh datuknya Haji Daud yang menetap di Kampung Jambu Langgar dalam suasana sama seperti anak-anak penduduk desa dengan bersekolah hanya berjalan kaki sejauh enam kilometer (empat batu) setiap hari. Ayahnya pembesar Melayu bergelar Orang Kaya Syahbandar (salah seorang Orang Besar Berempat Negeri Pahang) Dato' Hussain bin Mohd Taib seolah-olah mahu mengasuh beliau sebagai pemimpin berjiwa rakyat.

Ibu beliau Datin Hajjah Teh binti Haji Daud pula bersetuju Tun Razak dibesarkan oleh datuknya di kampung bagi meneruskan tradisi kepimpinan berjiwa rakyat. Bagaimanapun Hajjah Teh tak menyangka puteranya yang diramal mewarisi kedudukan ayahnya sebagai Orang Kaya Syahbandar Pahang, rupa-rupanya terserlah sebagai negarawan Melayu yang disegani di rantau Asia kemudiannya. Dalam sorotan akhbar arus perdana Berita

Harian pada 15 Januari 1976, berikutan kematian Tun Razak menyebut:

"Semasa mula menjadi pemimpin politik dan memegang jawatan penting dalam kerajaan, Tun Razak memang terkenal dengan jiwa rakyatnya dan beliau juga bertanggungjawab untuk menghasilkan rancangan pembangunan luar bandar. Dan bila beliau menjadi Perdana Menteri maka tepat jolokan yang diberikan kepadanya 'Razak lambang kejayaan seorang anak desa'..."

Justeru beliau mengenali King Ghaz semenjak di bangku sekolah lagi, sementara Tan Sri Samad pula ketika bergerak cergas dalam UMNO. Beliau tertarik dengan ucapan penangguhan Tan Sri Samad pada persidangan di Kuala Kangsar yang mencadangkan slogan UMNO ditukar kepada 'Merdeka'. Apabila Tan Sri Samad menjadikan ianya usul Pemuda UMNO Bahagian Kuala Pilah dalam persidangan di Kuala Lumpur pada 4 Februari 1951, Tun Razak menerimanya sebagai usul Perikatan Pemuda UMNO Malaya bagi dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Agung UMNO pada 24 – 25 Mac 1951.

Seterusnya selepas dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO, hubungan beliau dengan Tan Sri Samad semakin terjalin rapat. Apalagi ketika itu Tan Sri Samad bukan sahaja pemimpin berpengaruh di Negeri Sembilan selaku Ketua Pemuda UMNO Negeri, malah dipilih menjadi

Pengerusi Tetap Perikatan Pemuda UMNO paling lama memegang jawatan yang dipilih pada setiap tahun persidangan berlangsung. Sepanjang Tun Sardon memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaya, Tan Sri Samad Idris merupakan Pengerusi Tetap Pemuda UMNO Malaya yang berterusan.

Hubungan rapat mereka bertiga inilah menyebabkan King Ghaz dan Tan Sri Samad memanggil Tun Razak dengan membahasakan 'abang', begitu juga Tan Sri Samad lebih selesa memanggil King Ghaz 'abang'. Kadangkala terdapat juga andaian menyebut Tan Sri Samad menjadi tempat 'lapangan sasar' Tun Razak dalam beberapa isu penting. Misalnya sebelum terjalin kerjasama UMNO-PAS selepas pilihanraya 1969, Tan Sri Samad mendahului Tun Razak membuat saranan supaya kedua-dua parti berkenaan mengadakan kerajaan campuran di semua peringkat, yakni tak terbatas di negeri Kelantan sahaja.

Saranan Tan Sri Samad yang disiarkan dalam akhbar Utusan Melayu itu dianggap oleh Tun Razak sebagai pendapat peribadi, disamping tak menampakkan rasa kesal apabila timbalan menterinya (ketika itu Tan Sri Samad ialah Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar) membuat saranan di luar konteks keputusan Majlis Tertinggi UMNO. Selepas pro-kontra di kalangan pelbagai pihak dalam UMNO mengenai isu tersebut, Tun Razak kemudian membuka ruang bagi membolehkan kerajaan

campuran UMNO-PAS di semua peringkat menjadi kenyataan.

Berikutan sikap terbuka Tun Razak inilah bermulanya pembentukan Barisan Nasional (BN) menjelang pilihanraya 1974 yang menggabungkan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) dengan beberapa buah parti pembangkang selepas kejayaan menubuhkan kerajaan campuran di Pulau Pinang (bersama Parti Gerakan) dan di Kelantan (bersama PAS) yang meliputi di semua peringkat. Selepas itu parti-parti pembangkang yang lain termasuk PPP di Perak; SUPP dan SNAP di Sarawak turut menyertai BN.

Dalam hubungan ini banyak pihak berpendapat saranan Tan Sri Samad sebagai '*test market*' dalam usaha Tun Razak mahu merealisasikan kerajaan campuran UMNO-PAS itu. Sebaliknya Tan Sri Samad sewaktu didesak penulis sekitar 1980 ketika beliau masih lagi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, enggan memberi penjelasan. Beliau mengakui saranan tersebut berlaku secara spontan sewaktu berucap dalam satu majlis; sama juga seperti syor beliau mahu menukar slogan UMNO dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' pada 1950 di Kuala Kangsar dikatakan berlaku secara spontan juga. Wallahua'lam!

Bagaimanapun Tan Sri Samad mengakui Tun Razak merupakan tokoh yang menjadi aspirasi beliau dalam kerjaya politiknya. Bekas wartawan Utusan Melayu

Allahyarham Hussein Yaacob yang pernah berkhidmat di Seremban dalam tulisannya mensifatkan pergolakan politik di Negeri Sembilan sekitar dekad 1950-an dan 1960-an dicorakkan oleh Tan Sri Samad. Justeru dalam analisis seterusnya tak mungkin Tan Sri Abdul Samad bertindak bersendirian, sekiranya tak mendapat sokongan pimpinan tertinggi. Memang Tun Razak dikatakan sentiasa memberi 'lampu hijau' kepada Tan Sri Samad terutama menyuarakan isu ketuanan Melayu.

Akrab Seorang Sahabat

Memang peringkat awal gerakan menentang Malayan Union pada 1946, Tun Razak tak terbabit sebagai tenaga penggerak. Bukan disebabkan beliau anak pembesar di Pahang iaitu Orang Kaya Syahbandar Dato' Hussein, tetapi beliau kurang menonjol berbanding kepimpinan Melayu di Pahang ketika itu seperti Mohd Yassin Salleh, Dato' Abu Samah, Yoep Muhiddin (sekalipun berasal dari Perak), Shariff Daud, Abdul Rahman Talib, Mokhtar Haji Daud, Jaafar Mohd Noor, Yahya Mat Shah, Nordin Ibrahim atau Cikgu Abdul Razak Hussein.

Apatah lagi disebut tokoh-tokoh radikal di Pahang yang lebih terkemuka ketika itu seperti Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Haji Muhammad, ketokohan mereka jauh lebih menonjol. Sebaliknya Tunku Abdul Rahman yang menjadi regu beliau memimpin UMNO menuntut kemerdekaan,

sekalipun tak terbabit dalam Kongres Melayu pertama tetapi sentiasa dihubungi oleh Dato' Onn bagi memantapkan perjuangan UMNO. Malah Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent melalui Sir Theodore Adams dalam suratnya bertarikh 30 Mei 1946, meminta jasa baik Tunku bagi membolehkan Inggeris bertemu dengan wakil-wakil UMNO yang dipimpin oleh Dato' Onn.

Seterusnya Tunku menerima kecaman hebat daripada UMNO Kedah, berikutan persetujuan beliau memujuk Dato' Onn menemui Sir Edward Gent bagi mencapai titik persefahaman. Akibat kecaman tersebut Tunku enggan meneruskan perjuangan bersama UMNO, dalam masa UMNO Negeri Kedah memerlukan kepimpinan beliau. Sebaliknya Tunku mengambil keputusan melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di London buat kali kedua; seterusnya bermulalah persahabatan akrab Tunku dan Tun Razak semasa mereka sama-sama menuntut dalam bidang perundangan di London pada 1947.

Krisis Tunku dengan pemimpin UMNO di Kedah berkaitan dengan surat Sir Theodore Adam menjadi punca beliau rasa tersinggung, hingga membawa diri ke London sekalipun ketika itu memegang jawatan Pegawai Daerah (DO) Kulim. Sebaliknya Tun Razak pula ke London sebagai anak muda berusia menjangkau 25 tahun yang dahagakan ilmu, di samping mahu memperlengkapkan diri sebagai peneraju bangsa. Ketika itu Tunku sudah pun berusia 44

tahun, tetapi hubungan akrabnya dengan Tun Razak tetap terjalin semasa sama-sama menuntut di London.

Memang latar belakang politik mereka berdua tak banyak berbeza, sekalipun sikap radikal Tun Razak terlalu menonjol. Tunku juga bukanlah bersikap feudal dengan latar belakang beliau dilahir dan dibesarkan di istana. Sekitar 1920-an, Tunku sudah pun dihantar oleh ayahandanya menuntut di England, tetapi sikapnya sering menimbulkan masalah dengan pihak pengurusan sekolah. Dalam bukunya '*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*' (1956), Abdul Aziz Ishak menulis mengenai keberanian Tunku membuat kritikan terhadap gurunya sebagai bangsa penjajah.

Tun Razak pula menyertai aktiviti Parti Buroh di London iaitu gerakan politik yang radikal, malah dianggap puak kiri ketika itu. Dalam wawancara penulis dengan Tunku pada 1982 (*25 TAHUN MERDEKA*; Abdul Samad Idris; Pustaka Budiman, Kuala Lumpur; 1982), beliau mengakui sering bertentangan pendapat dengan Tun Razak dalam isu gerakan puak kiri. Sebaliknya Tun Razak bukanlah 'suka berbalah', justeru beliau memberitahu Tunku pembabitannya dalam aktiviti Parti Buroh sekadar mahu mencari pengalaman sahaja.

Pembabitan Tun Razak dalam gerakan radikal sudah bermula di Pahang sejak 1944 apabila beliau menyertai

WATANIAH yang dipimpin oleh Yeop Mohoddin bin Mohd Shariff. Dalam gerakan tersebut Tun Razak berpangkat Kapten, dengan mengambil langkah bekerjasama dengan *Force 136* (Pasukan 136) yang ditubuhkan oleh kerajaan Inggeris di India. Antara yang pernah terbabit dalam Pasukan 136 ini termasuklah Tunku Osman Mohd Jiwa dan Tan Sri Ibrahim Ismail; kedua-duanya bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia.

Di Pahang rakan-rakan Tun Razak yang turut bergerak secara militan menentang Jepun termasuklah King Ghaz yang berpangkat leftenan dan Mohd Taib Salleh (bekas aktor filem, Datuk S. Roomai Noor). Sekalipun Tun Razak dilahirkan di kalangan pembesar Melayu yang hampir dengan institusi istana, tetapi beliau dibesarkan di tengah-tengah masyarakat desa serba tertindas pada era penjajah. Apabila beliau memilih gerakan yang radikal semasa menjadi aktivis pelajar di London, bukanlah bermakna Tun Razak lebih cenderung kepada politik berhaluan kiri.

Tak dinafikan peluang beliau melanjutkan pelajaran dengan mendapat biasiswa kerajaan disebabkan Tun Razak anak pembesar Melayu dalam sistem feudal pada era penjajah Inggeris. Selepas menamatkan pengajian di Raffles College, Singapura misalnya pada 1939 beliau mula berkhidmat dengan kerajaan di bawah Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (MAS). Pada 1947 selepas tamat Perang Dunia Kedua, beliau terus diberi peluang mendapat

biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di London

Sebagai pelajar cerdas sejak di sekolah rendah lagi, Tun Razak lulus pengajian dalam tempoh dua tahun sahaja apabila mencapai keputusan cemerlang pada April 1949, malah diterima menjadi Anggota Terhormat Persatuan Lincoln's Inn. Pencapaian Tun Razak ini menyebabkan beliau pulang ke tanah air lebih awal daripada Tunku. Sebelum pulang ke tanah air beliau mengambil Kursus Devonshire di Universiti Cambridge sebelum diterima menjadi peguam oleh English Bar dalam bulan Mei 1950.

Seterusnya beliau dilantik menjadi anggota tidak rasmi Majlis Undangan Federal (atau ahli Parlimen yang dilantik) pada 1951, sebelum memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 1952. Beliau juga dilantik menjadi Menteri Besar Pahang pada 1955 sehingga pilihanraya (27 Julai 1955) menggantikan Tengku Muhammad ibni Almarhum Sultan Ahmad, yang juga bekas pejuang radikal bersama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Pahang. Maknanya golongan radikal ketika itu bukanlah menentang sistem feudal dengan pembabitan kerabat-kerabat diraja termasuk Raja Shahriman di Perak dan Tunku Muhammad bin Tunku Besar Burhaniuddin di Negeri Sembilan.

Berdasarkan fakta sejarah juga menunjukkan Tun Razak menyertai kepimpinan UMNO pada Ogos 1950 selepas tiga bulan beliau diterima menjadi peguam oleh English Bar. Beliau dilantik menjadi anggota tidak rasmi Majlis Undangan Persekutuan juga sebelum memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Ternyata kerajaan Inggeris tak memberi tekanan kepada beliau dengan pembabitannya dalam politik, malah mereka terus berkompromi dengan Tun Razak sekalipun menyedari kegiatan beliau menentang prinsip penjajahan.

Kepimpinan Tun Razak dalam Pemuda UMNO pula mencorak hala tuju parti itu setelah berlaku kemelut pada Jun 1951. Apabila Dato' Onn enggan memimpin UMNO, krisis kepimpinan menjadi lebih rumit, sengit dan perit. Dalam menghadapi situasi yang mencabar minda, mendebar dada dan melakar agenda ini, Tun Razak tampil meneruskan kesinambungan perjuangan UMNO. Beliau memujuk rakan akrab yang sama menuntut di London untuk menggantikan Dato' Onn; ketika itu rakannya Tunku Abdul Rahman juga baru pulang ke tanah air dan memegang jawatan Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di Kedah.

Kuah Tumpah Ke Nasi

Laluan Tun Razak mencapai kecemerlangan dalam kepimpinan ternyata berbeza daripada anaknya Dato' Seri

Najib, sekalipun trek mereka sama-sama meluncur di atas landasan yang sama. Tun Razak memulakan kepimpinan menerusi Pemuda UMNO, tetapi terus melonjak sebagai pemimpin utama ketika berusia 29 tahun selaku Timbalan Yang Dipertua Agung UMNO. Dalam kepimpinan di peringkat Pemuda UMNO pun Dato' Seri Najib bermula selaku Exco pergerakan berkenaan, walaupun dalam usia 22 tahun beliau sudah dipilih menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1976.

Malah penyertaan beliau dalam politik secara mendadak apabila dipilih menjadi calon UMNO dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Pekan, menggantikan ayahandanya yang berpulang ke rahmatullah. Dato' Seri Najib pula diterima secara total mewakili kawasan Pekan berikutan Sultan Pahang sendiri, Sultan Haji Ahmad Shah meminta jasa baik kepimpinan UMNO mencalonkan Dato' Seri Najib. Seterusnya pada hari penamaan calon, beliau diumumkan menang setelah tak dicabar oleh mana-mana pihak lawan.

Memang seluruh negara terkejut dengan berita kematian Tun Razak ketika beliau menjalani rawatan di London Clinic di bawah pengawasan doktor pakar, Sir Ronald Bedley Scott yang juga doktor peribadi Queen Elizabeth. Beliau menghembuskan nafas terakhir jam 10.11 pagi waktu London (5.41 petang waktu Malaysia ketika itu, atau 6.11 petang waktu Malaysia sekarang) di sisi Toh Puan Hajjah Rahah dan tiga anak-anaknya Johari, Nazim dan Nizam,

pada 14 Januari 1976. Sudah ditakdirkan pula Dato' Seri Najib tak dapat menatap wajah ayahnya pada saat-saat terakhir itu. Aduhai!

Pemangku Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn beberapa kali tersekat suara akibat menahan sebak sewaktu membuat pengumuman menerusi TV. Tak siapa pula kalangan keluarga termasuk teman-teman rapatnya menyedari Tun Razak menghidap dua jenis penyakit kronik. Sejak enam tahun beliau dikesan oleh doktor pakar menghidap *os-teo-skler-rosis*, malah dalam tempoh beberapa bulan pula mengalami *infectious mo-no-new-kieo-sis*. Penyakit yang dihidapi Tun Razak dikategorikan sebagai barah darah yang serius atau disebut dalam bahasa mudah leukimia.

Pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat tak menduga kunjungan Tun Razak ke London mendapat rawatan merupakan perjalanan terakhir beliau, apabila meninggalkan Parlimen yang sedang bersidang ketika itu. Presiden Pekemas (Tan Sri) Dr Tan Chee Khoon yang merupakan pengkritik utama beliau di Parlimen dalam kenyataan media pada 15 Januari 1976 menyebut: "*Hanya beberapa hari lalu kita diberitahu menerusi kenyataan rasmi bahawa Tun Razak akan pulang hari ini, malangnya kita menerima berita yang amat sedih tentang kematiannya yang sungguh-sungguh tidak disangka.*"

Berita kematian Tun Razak turut dirasakan oleh parti-parti pembangkang yang lain termasuk DAP. Pengerusinya ketika itu Dr Chen Man Hin yang juga Ahli Parlimen Seremban mengakui dalam kenyataan medianya pada 15 Januari 1976 itu: "*Kali terakhir saya menemui Tun Razak di bangunan Parlimen, beliau kelihatan sihat saja. Kematian beliau adalah satu kehilangan besar kepada negara. Beliau adalah seorang pemimpin yang mengorbankan masa hidupnya kepada politik dan rakyat.*"

Presiden MCA, (Tan Sri) Datuk Lee San Choon yang sedang mempengerusikan satu mesyuarat Syarikat Kerjasama Serbaguna di Kuala Lumpur tergamam beberapa minit sebaik sahaja menerima panggilan telefon mengenai kematian Tun Razak. Beliau yang juga Menteri Buroh dan Tenaga Rakyat ketika itu hampir menangis apabila diminta oleh wartawan membuat ulasan. "Tolong hubungi saya di rumah dua jam selepas ini," jelas Lee San Choon kepada pihak media, sebelum meninggalkan mesyuarat berkenaan.

Sementara itu Tunku diberitahu mengenai kematian Tun Razak sewaktu menghadiri satu majlis makan malam anjuran Kelab Lion George Town di Hotel Merlin Pulau Pinang. Tunku terus keluar dari majlis tersebut dengan air mata kelihatan mengalir di pipinya, sekalipun sempat menjawab soalan pihak media dengan menyebut, "*Saya terperanjat dan amat sedih atas kematian Tun Razak.* Malah Ketua Pergerakan Wanita UMNO ketika itu (Tan Sri)

Hajjah Aishah Ghani memberitahu media apabila dihubungi menerusi telefon, "Saya tak dapat bercakap apa-apa, saya terperanjat. Sekarang kita telah kehilangan pemimpin besar negara."

Semua pihak memang tak menduga Tun Razak pergi terlalu cepat dalam usianya menjangkau 53 tahun sahaja. Sekalipun beliau bertolak ke Eropah secara tergesa-gesa menaiki pesawat Perancis yang mendarat di luar jadual pada 17 Disember 1975, tetapi kawan-kawan dan lawan politiknya menganggap beliau menjalani rawatan biasa. Tak kelihatan tanda-tanda beliau mengalami masalah kesihatan yang serius, walaupun keadaan fizikal beliau menampakan kekurangan berat badan.


Justeru kemunculan Dato' Seri Najib di Parlimen mengisi tempatnya mewakili kawasan Pekan, memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang diwarisi daripada Tun Razak. Pihak media tertunggu-tunggu ucapan sulung beliau di Dewan Rakya dengan diberi liputan istimewa. Memang Dato' Seri Najib membuktikan kecekapan berpidato sebagai memenuhi ciri-ciri ahli politik. Misalnya sewaktu berucap dalam kempen membanteras rasuah pada 19 Julai 1997, penulis turut menelusuri ucapan beliau yang menegaskan:

"Terdapat empat kategori manusia dalam masyarakat berhubung kait dengan rasuah ini, iaitu kategori pertama selalunya si anak bertanya pada si ayah, 'pak, hari ini

kita mahu makan apa?'. Pada kategori kedua si anak berkata kepada si ayah, 'pak, hari ini kita mahu makan di mana?'; diikuti kategori ketiga si anak bertanya, 'pak, hari ini kita makan dengan siapa?'. Seterusnya bagi kategori keempat pula si anak akan bertanya kepada si ayah, 'pak hari ini, siapa yang kita mahu makan?' ..."

Kalangan yang rapat dengan Tun Razak mengakui, nama Dato' Seri Najib yang dilahirkan pada 27 Julai 1953 dipilih untuk dinamakan anaknya adalah sempena nama tokoh radikal tentera Mesir, Jeneral Mohammad Naguib yang mengetuai rampasan kuasa pada 1952 menggulingkan pemerintahan monarki Raja Farouk. Naguib dipilih menjadi Presiden Mesir pertama pada 21 Julai 1952 oleh tentera-tentera revolusi iaitu setelah Tun Razak memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Dalam kerjaya politiknya Dato' Seri Najib pula di samping dipilih Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada 1986 – 1990, beliau turut mengikut jejak ayahandanya menjadi Menteri Besar Pahang (1982 – 1986); Menteri Pendidikan (Menteri pelajaran) dan Menteri Pertahanan. Apabila memulakan tanggungjawab selaku Timbalan Perdana Menteri pada 2004, beliau juga kekal selaku Menteri Pertahanan. Sepanjang tempoh tersebut, beliau hanya belum memegang jawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar.



Hussein bin Mohd Taib, bapa kepada Allahyarham Tun Abdul Razak



Teh Fatimah binti Daud, ibu kepada Allahyarham Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak
Dato' Seri Najib (Berdiri dua dari kiri)

2

MANIFESTASI KESETIAAN: PRINSIP PIMPINAN DWI-TUNGGAL

KECENDERUNGAN menukar slogan UMNO kepada 'Merdeka' pada 1951 memang mempunyai kaitan dengan kejayaan Republik Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Slogan 'Merdeka' juga menjadi manifestasi kepada rakyat Indonesia di bawah pimpinan dwi-tunggal Sukarno-Hatta ketika memproklamir kemerdekaan negara mereka, sekalipun secara politik ditolak oleh penjajah Belanda. Justeru rakyat di Indonesia terus mengangkat senjata mempertahankan kemerdekaan yang dikenali dalam perjuangan mereka sebagai 'merdeka dengan darah' atau period 'bambu runcing'.

Selepas tamat perang pada 1945, kebanyakan negara-negara di Asia yang pernah dijajah kuasa barat mula mengorak langkah menuju kemerdekaan berikutan ketetapan Geneva yang dicapai di kalangan kuasa-kuasa besar terutama Amerika Syarikat, Soviet Union (Russia), Perancis dan Great Britain (England/United Kingdom). Di Indonesia rakyatnya berbangga dengan kepimpinan dwi-tunggal iaitu Ir Sukarno dan Dr Hatta; dua tokoh besar kelahiran Pulau Jawa dan Pulau Sumatera yang bergabung menentang penjajahan Belanda sebelum dan selepas memproklamir kemerdekaan.

Di Tanah Melayu (Malaysia) tak wujud pimpinan dwi-tunggal ketika itu apabila Ibrahim Haji Yaacob ditonjolkan sebagai penggerak utama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan rakan-rakannya menjadi penyokong setia

termasuk (Dato') Ishak Haji Muhammad, (Dato') Ahmad Boestamam dan Dr Burhanuddin Mohd Noor (al-Helmy). Ketika Dato' Onn Jaafar mengasaskan UMNO, rakan-rakannya juga dianggap penyokong setia sama ada Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin To' Muda Abdul Aziz mahupun Mohd Tahir bin Setia Raja, Dato' Hamzah Abdullah, Zaaba, Dato' Zainal Abidin Abbas atau (Tan Sri) Dato' Nik Ahmad Kamil.

Bagaimanapun UMNO di bawah kepimpinan baru pada 1951 memperlihatkan mirip kepada retorik dwi-tunggal di Indonesia dengan kemunculan Tunku-Tun Razak selaku Yang Dipertua Agung dan Timbalan Yang Dipertua Agung. Malah dalam pengakuan Tunku kepada media sebaik sahaja diberitahu mengenai kematian Tun Razak pada 1976, beliau menjelaskan banyak tugas-tugas kepimpinan negara mereka kongsi bersama untuk memikul tanggungjawab. Setiap kali UMNO mengadakan rundingan dengan kerajaan Inggeris di London, mereka berdua sentiasa '*tegak sama berdiri; jatuh sama berlutut*'.

Bagi tempoh 1945 – 1951, rantau Asia Tenggara turut bergolak dengan agenda putrabumi masing-masing menuntut kemerdekaan. Selain Indonesia dengan kemunculan pimpinan dwi-tunggal Sukarno-Hatta; di Filipina pimpinan dwi-tunggal mereka Roxas-Elpidio Quirino juga turut mengisytiharkan kemerdekaan negara tersebut pada 4 Julai 1946. Bagi pimpinan dwi-tunggal di

Malaysia Tunku-Tun Razak pula tak memakan masa lama mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, selepas mereka memulakan pimpinan dalam UMNO pada 1951 itu.

Kemelut awal dekad 1950-an itu memang memberi impak yang besar kepada skruktor organisasi UMNO. Pengunduran Dato' Onn daripada pucuk pimpinan parti tak bermakna beliau meninggalkan gelanggang politik seperti langgam Melayu: *Datang nampak muka, pergi nampak belakang*! Sebaliknya Dato' Onn meneruskan cita-cita politik dalam terma membuka pintu keahlian kepada semua kaum, atau lebih sinonim sekarang sebagai 'parti berbilang kaum'. Justeru sebaik sahaja meninggalkan UMNO, beliau terus menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang berasaskan keahlian berbilang kaum setelah tak dapat menjadikan UMNO sebagai landasan perjuangan.

Apalagi penampilan Tunku-Tun Razak ketika itu masih diragui kemampuan mereka oleh majoriti ahli UMNO berbanding ketokohan Dato' Onn. Menjelang persidangan Majlis Mesyuarat Agung pada 25-26 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur masih diteruskan usaha mencari pengganti Dato' Onn, apabila beliau enggan dicalonkan semula menjadi Yang Dipertua Agung (ketika itu pencalonan dilakukan semasa hari mesyuarat berlangsung). Terdapat juga kalangan pemimpin UMNO di Johor terus memujuk Dato' Onn, sebaliknya beliau mengambil pendirian tegas menolak pencalonan tersebut.

Pimpinan UMNO di Perak pula mencadangkan Dato' Panglima Bukit Gantang sebagai pilihan tepat menggantikan Dato' Onn. Bukan sahaja kedudukannya selaku Menteri Besar Perak, malah Dato' Panglima Bukit Gantang salah seorang pengasas UMNO sejak di peringkat awal. Beliau juga merupakan graduan undang-undang di London bersama Tunku pada dekad 1920-an, termasuk juga Tuanku Abdul Rahman, kemudiannya Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (Yang Dipertuan Agong pertama). Setelah UMNO tiada pilihan lagi, kalangan pemimpin parti meminta Tun Razak selaku Ketua Pemuda pula mengambil alih kepimpinan parti.

"Saya tak dapat menerima jawatan itu, kerana saya terlalu muda dan saya tak mahu menerimanya kerana saya tahu orang Melayu tak akan menyokong saya sebab saya masih muda untuk memegang jawatan itu," jelas Tun Razak apabila Tunku mendesaknya agar memenuhi harapan ahli-ahli UMNO. "Saya akan menyokong awak dari belakang," ujar Tunku memberi semangat, setelah masing-masing sama menolak. Tun Razak yang lebih awal memujuk Tunku terus berkeras menyatakan, "Tunku lebih layak, saya boleh terus menyokong. Saya sanggup memimpin seluruh UMNO di Pahang di belakang Tunku. Kalau Tunku sanggup tegak di hadapan, saya juga sanggup tinggal tetap di dalam UMNO." (**Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu**; Ibrahim Mahmood; Pustaka Antara, Kuala Lumpur; 1981).

Tun Razak mewakili Pemuda UMNO berkeyakinan Tunku mampu menyaingi wibawa Dato' Onn, menjadi tenaga penggerak awal bagi memujuk beliau. Dalam memenuhi janji menyokong kepimpinan Tunku menghadapi kemelut tersebut, Tun Razak bersetuju menerima pencalonan menjadi Timbalan Yang Dipertua dengan melepaskan jawatan Ketua Pemuda UMNO. Menerusi persidangan tersebut Sardon Jubir, peguam dari Johor dipilih mengetuai Pemuda UMNO, dengan Naib Ketua kekal disandang oleh Dato' Ahmad Badawi dari Pulau Pinang.

Bagaimanapun Tun Razak bukanlah tokoh awal memujuk Tunku, sebaliknya sebelum itu usaha sudah dijalankan oleh Syeikh Ahmad Hashim, pemimpin UMNO Perlis yang menyedari UMNO akan berkubur kalau dipimpin oleh rakyat biasa. Bagi menghadapi tekanan British, termasuk juga insiden perpecahan selepas pengunduran Dato' Onn, UMNO memerlukan pimpinan kalangan kerabat diraja. Apalagi masyarakat Melayu pada ketika itu tenaga massa sukar digembeling sekiranya kepimpinan politik digerakkan oleh golongan bukan elit.

PKMM sendiri berkubur bukan disebabkan berhaluan kiri atau diharamkan oleh Inggeris, sebaliknya kepimpinan parti berkenaan ditunjungi oleh golongan massa atau rakyat jelata. Ibrahim Haji Yaacob misalnya, guru Melayu lepasan MPSI Tanjung Malim berasal dari Bentong, Pahang tak mendapat sokongan istana dalam gerakan nasionalisme

pada peringkat awal. Gerakan politik yang tak mendapat sokongan istana akan dilabel oleh Inggeris sama seperti perjuangan Dato' Dol Said di Naning, Dato' Maharajalela Pandak Lam di Pasir Salak atau Dato' Bahaman di Semantan.

Pemilihan Tunku memimpin UMNO pula memang dinanti-nantikan oleh Inggeris bagi meredakan krisis dengan pihak istana, berikutan sebelum itu berlaku perbalahan serius antara Dato' Onn dengan Sultan Kedah (Sultan Badli Shah, yang juga kekanda Tunku). Sultan Kedah tersinggung dengan usul Dato' Onn mahukan kerajaan Inggeris memenuhi tuntutan UMNO mewujudkan jawatan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi bagi disandang oleh orang Melayu. Kedudukan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi pula secara langsung menafikan fungsi istana, apabila anak Melayu di kalangan rakyat biasa melebihi kuasa raja mereka atau disebut dalam pepatah orang tua-tua '*pelepah melampaui pucuk*'. Begitulah!

Bagaimanapun pengaruh Dato' Onn di kalangan golongan elit Melayu bukanlah mudah dihakis, terutama di setiap negeri Menteri Besar memberi sokongan kepada beliau. Malah dalam pimpinan UMNO yang dipilih pada 25-26 Ogos 1951 itu ramai di kalangan penyokong Dato' Onn mengisi kedudukan kepimpinan tertinggi parti. Barisan pucuk pimpinan baru UMNO selepas era Dato' Onn terdiri daripada:

Pengerusi Tetap (Tan Sri) Mohd Noh Omar, Yang Dipertua Agung Tunku Abdul Rahman Putra, Timbalan Yang Dipertua Agung Dato' (Tun) Abdul Razak Hussein, Naib Yang Dipertua Agung Dato' C.M. Yusoff Sheikh Abdul Rahman, Jawatankuasa Kerja Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmood, Ahmad Fuad Hassan. Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid, Nasaruddin Rais (Tan Sri) Bahaman Shamsuddin (Tun) Syed Nasir Ismail.

Pimpinan baru yang bersama Tunku selain daripada Tun Razak dikatakan Bahaman Shamsuddin dan Syed Nasir Ismail sahaja. Ahmad Fuad dan C.M. Yusuff pula calon yang ditaja oleh Dato' Onn menentang Tunku dalam pertandingan merebut jawatan Yang Dipertua Agung itu. Senario yang dihadapi oleh Tunku dan Tun Razak apabila mereka mengambil alih kepimpinan UMNO memang kalut, berkemelut dan berserabut. Malah Tunku sendiri mengakui dalam wawancara dengan penulis ketika menyiapkan buku '25 Tahun Merdeka' (selaku ghost writer Tan Sri Samad Idris) pada 1982, beliau juga hampir merajuk akibat sambutan dingin orang Melayu terhadap kepimpinannya.

Pasca Pimpinan Dato' Onn

Pimpinan UMNO di Johor termasuk Tan Sri Mohd Noh Omar, Tun Syed Nasir Ismail dan Tan Sri Syed Jaafar Albar berhadapan dengan dilema dalam pergolakan yang kian meruncing. Tan Sri Syed Nasir pernah memberitahu Tan

Sri Samad Idris, selama tiga bulan beliau bersama rakan-rakan di Johor sukar membuat keputusan sama ada mahu menyokong Tunku-Tun Razak atau menyertai perjuangan Dato' Onn. Dengan kedudukan ibu pejabat UMNO di Johor Bahru, merumitkan lagi proses penyusunan semula gerakan UMNO di seluruh negara.

Tunku yang mengambil keputusan meletakkan jawatan DPP bekerja keras bersama Tun Razak bagi mengukuhkan semula perpaduan UMNO selepas Ogos 1951. Dalam wawanara dengan penulis pada 18 Mac 1982, Tunku menjelaskan: "*Saya sendiri tidak menaruh harapan orang sanggup pun 'down pen'. Jadi, saya cakap pada Tun Razak, 'you pegawai kerajaan kena kerjalah dalam kerajaan'. Apabila saya isytihar 'non-cooperation' semua pegawai kerajaan orang Melayu, semua orang yang taat setia dengan perjuangan kita untuk merdeka, mesti undi dari office. Down pen!*

"Tun Razak kemudian datang menemui saya mengajak menemui orang-orang MCS. Saya tahu orang-orang MCS yang kuat menyokong kita pada masa itu ialah Bahaman Shamsuddin dan Ismail Ali. Hanya mereka berdua ini saja; yang selebihnya langsung tidak mencampuri kegiatan kita. Jadi, Tun Razak bawalah saya menemui orang-orang MCS seorang berdua sahaja yang saya tidak tahu namanya. Sebaliknya mereka semua ini bukan hendak menyertai

UMNO, tetapi mempermain-mainkan UMNO pula." (25 **Tahun Merdeka**; Tan Sri Abdul Samad Idris; Pustaka Budiman, Kuala Lumpur; 1982).

Usaha Tun Razak di Pahang bagi mendapatkan sokongan kalangan pegawai MCS dan golongan elit Melayu menyokong UMNO juga berhadapan dengan masalah, kerenah dan blah blah blah! Bagaimanapun kalangan guru-guru Melayu seperti Cikgu Abdul Razak Hussein di Kuala Lipis dan Abdul Rahman Talib di Kuantan memberikan respons yang menggalakkan. Begitu juga di negeri-negeri lain kalangan guru-guru Melayu termasuk (Tun) Ghafar Baba di Melaka, Dato' Yusuff Badin di Negeri Sembilan, Tan Sri Haji Hassan Yunus di Johor dan ramai lagi menyertai UMNO di bawah kepimpinan Tunku-Tun Razak.

Seterusnya Tunku mengambil tindakan drastik selepas solat sunat Hari Raya tahun berkenaan mengisytiharkan pemecatan pemimpin-pemimpin UMNO yang terus menjadi penyokong Dato' Onn di masjid Pudu (sekarang Masjid Alam Shah, Pudu). Antara yang dipecat oleh Tunku termasuklah Datin Putih Mariah bersama suaminya Dato' Zainal Abidin Abbas. Langkah Tunku memecat ahli-ahli UMNO sekalipun tak dirujuk terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Kerja, terus mendapat sokongan positif daripada Tun Razak sebagai rakan seperjuangan '*lenggang sama dihayun; langkah sama diatur*'.

Kesetiaan Tun Razak kepada kepimpinan Tunku inilah membolehkan UMNO kembali mendapat kepercayaan orang Melayu setelah menghadapi pergolakan yang meruncing, genting dan kesing. Di Johor pula sokongan kepada UMNO terus mantap selepas tiga bulan menghadapi period mencemaskn, merimaskan dan melemaskan itu. Bukan sahaja Tan Sri Mohd Noh Omar, Syed Nasir Ismail dan Syed Jaafar Albar menyatakan kesetiaan kepada Tunku-Tun Razak, malah persatuan graduan Melayu bekas penuntut luar negeri yang dipimpin Dato' Sulaiman Abdul Rahman bersama adiknya (Tun) Dr Ismail secara terbuka menerima kepimpinan baru UMNO.

Dengan sokongan semakin memberangsangkan inilah, Tunku baru memasuki ibu pejabat UMNO di Johor Bahru. Beliau melantik Zulkifli Hashim dari Pulau Pinang selaku Setiausaha Agung menggantikan (Tun) Hussein Onn yang turut meletakkan jawatan selepas pengunduran ayahnya Dato' Onn pada persidangan 25-26 Ogos 1951 itu. Bagaimanapun Zulkifli Hashim bukanlah berminat dengan politik, menyebabkan Tunku sekali lagi mengganti jawatan Setiausaha Agung dengan pemimpin dari Kedah (Tan Sri) Khir Johari yang juga kalangan guru Melayu.

Setiap tindak tanduk Tunku bagi memperkukuhkan semula UMNO, sentiasa diberi sokongan oleh Tun Razak. Sebelum ibu pejabat UMNO dipindahkan ke Kuala Lumpur semua kakitangan yang pernah dilantik oleh Dato' Onn

turut diganti termasuk pekerja-pekerja am (kerani) seperti Ariffin Ishak dan Hussein Akil. Tunku juga melantik Abdul Rahim Kimin selaku Bendahari UMNO dengan Sheikh Anwar menjadi pengarang organ UMNO akhbar 'SUARA MERDEKA'. Berikutan perubahan drastik yang dibuat oleh Tunku, ramai pegawai-pegawai MCS kembali menyertai UMNO termasuklah Dato' Ahmad Perang.

Tun Dr Ismail bersama Tan Sri Syed Jaafar Albar terus menyuntik semangat dengan kerapkali kelihatan di ibu pejabat UMNO membantu penyusunan semula aktiviti dan struktor organisasi. Kalangan guru-guru dan wartawan Melayu yang sebelumnya lebih condong kepada perjuangan berhaluan kiri, ternyata memberi sokongan kepada pimpinan baru dwi-tunggal Tunku-Tun Razak. Antara wartawan berhaluan kiri yang menyertai UMNO pada pasca pimpinan Dato' Onn ialah Aziz Ishak dan Dahari Ali. Malah Aziz Ishak wartawan Utusan Melayu ketika itu dikatakan sering mengkritik UMNO setelah diambil alih oleh Tunku-Tun Razak. Dalam bukunya '*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*', Aziz Ishak menulis:

"Tunku dan (Tun) Dato' Razak ada mempunyai suatu kemusykilan terhadap saya khasnya dan terhadap Utusan Melayu amnya. Utusan Melayu selalu membuat teguran-teguran yang tidak patut, kata mereka terhadap kelas yang mereka wakili yang menurut Utusan Melayu 'kelas feudal Melayu yang menindas rakyat jelata Melayu'..."

Pilihanraya municipal pada awal 1952 merangkumi 12 kawasan, memperlihatkan UMNO bekerjasama dengan MCA di bawah lambang 'Perikatan UMNO-MCA'. Dalam pilihanraya tersebut Perikatan UMNO-MCA memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Justeru ianya turut memberi kemenangan moral kepada kepimpinan Tunku-Tun Razak menewaskan IMP yang dipimpin oleh Dato' Onn. Kekecewaan Dato' Onn dalam pilihanraya Majlis Perbandaran berikutnya di Johor Bahru, Muar, Segamat, Batu Pahat dan Keluang menyebabkan beliau kemudiannya menukar landasan baru kepada Parti Negara.

Ketika menghadapi pilihanraya peringkat Majlis Perbandaran di beberapa negeri lain termasuk Alor Setar dan Sungai Petani di Kedah; Seremban di Negeri Sembilan, memang Perikatan UMNO-MCA mencapai kejayaan bergaya, berbangga dan berharga. Tenaga guru-guru Melayu memainkan peranan sama ada semasa berkempen, merayu undi atau menyuntik semangat ketuanan Melayu. Dalam tempoh beberapa bulan sahaja Tunku-Tun Razak mengambil alih kepimpinan UMNO, ternyata ianya memberi impak kemerosotan kepada pengaruh politik Dato' Onn.

Sokongan terbuka golongan elit termasuk pegawai-pegawai MCS kepada Dato' Onn ternyata tak mampu menggugat tenaga rakyat jelata yang digembeling oleh kalangan guru-guru dan wartawan Melayu di bawah pimpinan Tunku-Tun Razak bersama UMNO. Sokongan

hambar pegawai-pegawai MCS yang dikatakan kenalan baik Tun Razak ketika beliau menemukan Tunku kepada mereka, memang menimbulkan kemarahan kepada kedua-dua pemimpin UMNO itu. Malah Tunku mengakui ketika di wawancara penulis bersama Tan Sri Samad Idris dengan menyebut:

"Untuk melepaskan geram atas sikap pegawai-pegawai MCS yang tak ada kesedaran nasionalisme ini saya katakan kepada Tun Razak, 'Tak apalah, kalau dia orang tak mau bersama kita, kuli-kuli pun semua bekerjasama dengan kita. Hindu-Hindu semua, Cina-Cina semua, mereka yang sapu jalan, mereka yang angkat najis, mereka semua bersama dengan kita pun, cukuplah. Kita tak perlu tenaga orang-orang MCS lagi' ..."

Sokongan pegawai-pegawai MCS kepada Dato' Onn disebabkan Menteri Besar di setiap negeri sebagai ketua eksekutif pentadbiran merupakan penyokong-penyokong setia. Misalnya di Perak Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak mengambil langkah menukarkan pegawai-pegawai kerajaan ke kawasan pendalaman bagi menyekat perkembangan UMNO. Bagaimanapun tindakan beliau menukar pegawai pertanian (Tan Sri) Ghazali Jawi ke Hilir Perak menjadikan UMNO bertapak kuat di daerah berkenaan.

Begitu juga Menteri Besar Negeri Sembilan (Tun) Dato' Abdul Malik Yusoff tersalah langkah apabila menukarkan DO Seremban, (Tan Sri) Bahaman Shamsuddin ke Teluk Anson (sekarang Teluk Intan) di Perak, membolehkan UMNO semakin mantap di situ. Bagaimanapun ketika pergolakan period 1952/53 itu Menteri Besar Pahang (Tengku Muhammad ibni Almarhum Sultan Ahmad) dan Menteri Besar Perlis (Raja Haji Ahmad bin Raja Endut) tak bersekongkol dengan rakan-rakan sejawatnya yang lain menyokong gerakan politik Dato' Onn.

Ahli Majlis Perundangan

Kedudukan Dato' Onn dalam kerajaan bertambah kuat apabila dilantik menjadi ahli '*Member System*' (atau sekarang bertaraf menteri) mengetuai jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri pada Mac 1951. Dua lagi wakil orang Melayu turut dilantik ialah Tunku Yaacob (abang Tunku Abdul Rahman) mengetuai jabatan Pertanian dan Kehutanan di samping Dato' Setia Wangsa Mahmood Mat memegang portfolio Tanah Galian dan Perhubungan. Sebelum itu Dato' Mahmood adalah Menteri Besar Pahang pada period Tun Razak memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Tun Razak mula mengangkat sumpah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan Tanah Melayu (Ahli Parlimen yang dilantik) pada 25 April 1951 bersama-sama dengan Tengku Muhammad atas kapisitinya selaku Pemangku Menteri Besar Pahang ketika itu (atau Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Pahang). Sementara Tunku yang meletakkan jawatan selaku DPP di Kedah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada 19 Mac 1952. Pelantikan mereka dibuat bukanlah ianya berdasarkan untuk mewakili parti politik, sebaliknya kriteria yang menepati kepentingan masyarakat tempatan.

Pelantikan Tunku dan Tun Razak menyertai Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan juga menolak tanggapan kalangan pegawai-pegawai MCS yang pro-Dato' Onn usia UMNO akan berakhir dalam tempoh enam bulan selepas Ogos 1951. Sebaliknya UMNO terus melebarkan pengaruh ke Singapura dengan penubuhan Bahagian UMNO Singapura yang merangkumi 76 Cawangan pada 1951 itu diasaskan oleh Syed Harun al-Habshi, (Tan Sri) Abdul Hamid Jumat, Syed Ahmad Jamalullail, Syed Ali Redha al-Sagoff, Syed Ahmad al-Sagoff, Darus Shariff, Syed Ali al-Attas dan Abdullah Mohd Noor..

Pada 2 Disember 1951 UMNO juga mengadakan perjumpaan dengan Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British, Oliver Littleton yang melawat Persekutuan Tanah Melayu.

UMNO yang diwakili oleh Tunku, Tun Razak, Tun Sardon dan Tan Sri C.M.Yusoff bukan sahaja mengemukakan isu darurat serta gerakan militan komunis, malah turut menyampaikan hasrat bangsa Melayu mahu menuntut kemerdekaan. Inisiatif UMNO di bawah Tunku-Tun Razak sentiasa mencari peluang terbuka asal sahaja berkesempatan menemui wakil-wakil kerajaan Inggeris yang melawat negara ini.

Gerakan diplomasi Tunku memudahkan kompromi dicapai dengan pihak Inggeris, sekalipun dalam beberapa perkara memang tak disenangi oleh Tun Razak yang lebih bersikap radikal. Sebaliknya beliau tetap membuktikan kesetiaannya kepada kepimpinan Tunku dengan memberi sokongan dalam setiap inisiatif yang dijalankan. Misalnya dalam isu kebajikan orang-orang tahanan berikutan pengisytiharan darurat 1948, Tun Razak keberatan membabitkan UMNO disebabkan beliau masih penjawat awam dalam kerajaan yang tertakluk dengan etika perkhidmatan.

Justeru dalam isu kebajikan orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ini Tunku mendapat sokongan Aziz Ishak. Beliau menubuhkan sebuah jawatankuasa parti-parti siasah Melayu bagi membela orang-orang tahanan, dengan Aziz Ishak selaku setiausahanya. Sekalipun parti-parti siasah lain menarik diri, tetapi Tunku bersama UMNO terus mengambil inisiatif

berdiplomasi bagi menjamin kebajikan mereka yang ditahan di bawah ISA pada period Inggeris.

Ketika mengadakan rundingan meja bulat dengan MCA pada 3 Februari 1953, Tunku juga tak membawa Tun Razak ikut bersama. Sebaliknya beliau bersama UMNO diwakili oleh Tun Dr Ismail, Tun Sardon Jubir, Tan Sri Bahaman Shamsuddin dan Tan Sri Syed Nasir Ismail. Rundingan meja bulat bersama MCA pusingan seterusnya diadakan di Singapura pada 21 Februari 1953, diikuti pusingan ketiga di Johor Bahru pada 16 Mac 1953. Berikutan ketiadaan Tun Razak dalam rundingan meja bulat bersama MCA beliau mula dilabelkan sebagai anti-bukan Melayu.

Langkah diplomasi yang diambil Tunku dalam kerjaya politiknya dianggap terlalu 'bertolak ansur', malah ketika itu sudah kedengaran tohmahan sebagai usaha menjual bangsa Melayu. Parti Negara di bawah Dato' Onn semakin lantang mengkritik kerjasama UMNO-MCA berlandaskan persefahaman mengikut konsep 'perikatan' iaitu gabungan parti-parti komponen, bukan cenderung kepada konsep 'berbilang kaum' mewujudkan satu parti sahaja. Di akhir-akhir kepimpinan Tunku selepas pilihanraya 1969 pun beliau terus dilabel sebagai kuat berpegang kepada prinsip 'tolak ansur'.

Pendekatan yang diambil Tun Razak terlalu tegas, tak mahu 'bertolak ansur', malah dianggap radikal. Di sebalik

ketegasan Tun Razak inilah berlaku gejala tak sihat di kalangan pimpinan UMNO, apabila setiap tindakan dikatakan di bawah 'arahan Tun'. Misalnya berlaku krisis di Perak pada 1974 menyebabkan Ketua Perhubungan UMNO Perak, Tan Sri Ghazali Jawi memecat keahlian seorang tokoh Pemuda di negeri itu atas alasan 'arahan Tun', sekalipun pada dasarnya Tun Razak sendiri tak pernah menyedari berlaku pemecatan.

Pendekatan Politik Tun

Berbeza dengan Tunku apabila berlaku krisis pimpinan seperti dengan Cikgu Mohd Noor Ahmad (1958) mengenai isu bahasa; dikritik hebat oleh Aziz Ishak dalam isu kilang baja urea pada 1961, malah pembabitan Tun Dr Mahathir menolak kepimpinannya pada 1969, Tunku masih menghubungi mereka bagi mengelakkan pergolakan parti. Sebaliknya Tun Razak berhadapan dengan dilema apabila pimpinan UMNO sering bertindak mengaitkan nama beliau sebagai 'arahan Tun'.

Disebabkan Tun Razak kurang *politiking* pada awal dekad 1950-an itu, beliau tak menyertai Tunku menghadiri Kongres Asia Bagi Persekutuan Dunia (*Asian Congress For World Federation*) di Tokyo pada November 1952. Dalam persidangan tersebut Tunku disertai oleh Aziz Ishak dan Syed Abdullah Omar al-Sagoff mewakili UMNO. Ketika balik dari Tokyo mereka dikecam oleh lawan UMNO apabila

Tunku menerima hadiah gambar lukisan pemimpin-pemimpin dunia yang turut memuatkan Mao Tze Tung dari China dan Joseph Stalin pemimpin Russia.

Dengan etika perjawatan yang disandang Tun Razak selaku Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada period 1951 – 1955, memang dalam beberapa kegiatan penting yang membabitkan UMNO beliau tak turut serta. Ketika itu Aziz Ishak lebih banyak terbabit dalam kegiatan Tunku membuat lawatan sama ada di dalam mahupun di luar negeri, disebabkan kapisiti beliau selaku wartawan Utusan Melayu. Tun Razak pula tak menaruh sebarang syak wasangka dengan hubungan baik Tunku-Aziz Ishak, disebabkan kalangan pemimpin UMNO ketika itu sibuk dengan tugas perjawatan masing-masing.

Aziz Ishak juga dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan oleh Inggeris sejak 1951, malah lebih awal daripada Tun Razak mahupun Tunku sendiri. Pada awalnya memang Aziz Ishak menyokong kepimpinan Dato' Onn, tetapi beliau mengubah pula pendirian memberi sokongan kepada pimpinan Tunku-Tun Razak setelah Dato' Onn mengambil langkah-langkah kurang popular. Misalnya dalam persidangan Majlis Mesyuarat Perundangan pada 31 Mac 1954 berlaku pertelagahan Aziz Ishak dengan Dato' Onn ketika menyokong pimpinan Tunku-Tun Razak.

Dalam ucapannya Dato' Onn menegaskan, "*Mereka yang memekik-mekik mahukan pilihanraya dan kemerdekaan negeri ini di dalam masa yang segera adalah sebenar-benar tidak insaf akan segala akibah yang akan timbul di belakangnya. Apakah guna mendapat kemerdekaan hari esok dan hilang pada hari lusanya?*". Aziz Ishak segera bangun mencelah dengan menyindir Dato' Onn, "Tuan telah menukar haluan, Tuan!" Ketika itu Tun Razak tak lagi menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan, malah Menteri Besar Pahang, Tunku Muhammad juga tak hadir mengikut rekod mesyuarat.

Ketika rombongan Tunku berangkat ke London pada 21 April 1954 bagi mendesak kerajaan Inggeris mengadakan pilihanraya, memang tak kelihatan Tun Razak ikut serta. Sebaliknya Tunku bersama pemimpin MCA (Tan Sri) T.H. Tan dilihat menaiki pesawat dari lapanganterbang Kalang di Singapura. Sementara Presiden MCA Sir Tan Cheng Lock (dikenali sebagai Cheng Lock Tan, ayah Tun Tan Siew Sin) pula dijangka menaiki kapal laut menuju ke London. Ketika itu MIC belum lagi menyertai Perikatan UMNO-MCA sebagai komponen dalam perjuangan politik negara.

Bukan sahaja Tun Razak tak menyertai misi awal menuntut diadakan pilihanraya secepat mungkin bagi mendapat mandat rakyat sebagai 'pungutan suara' ke arah konsep berkerajaan sendiri (bukan kemerdekaan), malah

Naib Yang Dipertua Agung UMNO Tun Dr Ismail juga tak menyertai Tunku ke London. Di samping itu Aziz Ishak yang sering berdampingi dengan Tunku juga seolah-olah tak dibawa sama dalam strategi mahkukan pilihanraya diadakan segera.

Pihak lawan politik sudah menyibarkan tohmahan berlakunya keretakan pimpinan dwi-tunggal Tunku-Tun Razak ketika itu. Apalagi pendekatan Tunku yang cenderung kepada diplomasi, tak sehaluan dengan Tun Razak yang dianggap radikal. Kalau Tunku mahukan pilihanraya ke arah 'berkerajaan sendiri', Tun Razak pula tak berganjak dengan slogan UMNO iaitu 'merdeka'. Bagaimanapun dakwaan pihak lawan mengenai perpecahan awal kepimpinan UMNO tak berlaku, kerana Tun Razak ketika itu sebenarnya mengadakan lawatan kerja ke Ameriksa Syarikat.

Tun Razak terus ke London dari Amerika Syarikat bagi menyertai Tunku menemui Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British (iaitu menteri kabinet) Oliver Littleton, tetapi gagal disebabkan menteri berkenaan ke Uganda di Afrika sehingga 28 April 1954. Bagaimanapun Tunku secara diplomasi meminta bantuan pemimpin-pemimpin Britain termasuk Ahli *House of Lords*, Lord Ogmore (iaitu Leftenan Kolonel David Rees William) Ahli Parlimen British yang pernah berkunjung ke Tanah Melayu dalam isu menentang Malayan Union pada Mei 1946.

Sekalipun gagal menemui Littleton, tetapi Tunku, Tun Razak dan T.H. Tan menerima surat dari menteri tersebut bertarikh 19 Mei 1954 bersetuju dengan cadangan UMNO bagi mengadakan pilihanraya dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan dipilih oleh rakyat; bukan lagi dilantik oleh kerajaan Inggeris. Disebabkan misi mereka ke London dapat diselesaikan lebih awal, Sir Tan Cheng Lock membatalkan pelayarannya bagi menyertai rundingan tersebut, sebaliknya memberi mandat penuh kepada T.H.Tan mewakili MCA.

Usaha melaga-lagakan Tunku dan Tun Razak bukan sahaja gagal, malah pihak lawan terpaksa menerima hakikat kerajaan Inggeris bersetuju mengadakan pilihanraya ke arah membentuk 'kerajaan sendiri'. Memang dalam konsep 'kerajaan sendiri', Inggeris masih campurtangan dalam pentadbiran negara, tetapi Tunku dapat meyakinkan ahli-ahli parti hanya dengan pembentukan 'kerajaan sendiri' memudahkan mereka merintis jalan bagi menuntut kemerdekaan. Pendekatan Tunku menggunakan kaedah diplomasi ini, memang tak disenangi oleh pihak lawannya terutama Parti Negara di bawah pimpinan Dato' Onn.

Persetujuan Littleton mengadakan pilihanraya mengikut kaedah 'berkerajaan sendiri' ialah pemilihan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Perundangan mengikut kuota 50 peratus, sementara 50 peratus tertakluk di bawah kuatkuasa

kerajaan Inggeris membuat lantikan. Justeru sejumlah 104 ahli Majlis, 52 sahaja dipilih menerusi pilihanraya sementara 52 lagi dilantik oleh kerajaan Inggeris mengikut kriteria mewakili kaum masing-masing. Mereka yang terbabit dalam parti-parti politik dibenarkan bertanding dalam pilihanraya, tetapi tak berpeluang lagi dilantik mengikut kuatkuasa kerajaan Inggeris.

Tun Razak pula menyertai Tunku di London setelah dihubungi, bukan dirancang lebih awal. Beliau menerima jemputan Tunku sebagai bukti kesetiaan kepada ketua dan setiap langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan parti. Tak hairanlah Tunku mengakui, beliau bernasib baik mendapat timbalan seperti Tun Razak. Sekalipun berlaku percanggahan pendapat dalam pendekatan politik mereka, tetapi Tun Razak terus menyokong langkah yang diambil ketuanya. Malah beliau sanggup datang ke London ketika menjalankan tugas di Amerika Syarikat, dalam usaha memberi sokongan moral kepada Tunku.

Tak pernah pihak media dapat mendedahkan percanggahan pendapat mereka berdua sepanjang meneruskan kepimpinan UMNO. Tun Razak yang tak mahukan *politiking* lebih menumpukan kepada perkhidmatan, malah dianggap 'banyak bekerja daripada bercakap'. Apalagi Tun Razak juga bukanlah pemidato yang setanding dengan Sukarno di Indonesia; Pandit Nehru di India; Muhammad Ali Jennah di Pakistan atau Jamal Abdul

Nasir di Mesir. Malah di Malaysia sendiri beliau tak dianggap pemidato yang mampu memukau audien seperti beberapa tokoh pembangkang termasuk Dato' Onn sendiri.

Perwatakan sederhana Tun Razak sejak pembabitan awal beliau dalam politik hampir ditenggelamkan di bawah bayang-bayang Tunku. Sekalipun beliau banyak memainkan peranan dalam melorongkan hala tuju UMNO pada era pasca pimpinan Dato' Onn sekitar dekad 1950-an, tetapi beliau membawa pendekatan '*duduk dahulu sebelum berlunjur; tak melompat sebelum bersetumpu*'. Beliau sentiasa menunggu keputusan ketua; tak mudah melatah menghadapi krisis, malah mengambil pendekatan mengurangkan *politiking*.

Paksi Kepimpinan

Kebanyakan pemimpin politik mengakui menceburkan diri dalam kerjaya tersebut memang berhadapan dengan fenomena '*kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai*'. Tan Sri Abdul Samad Idris yang menganggap Tun Razak sebagai rakan, guru dan abang pernah memberitahu penulis, krisis dalam pucuk pimpinan UMNO tak kurang dengan tekanan-tekanan yang merimaskan kerana sentiasa berpintal-pintal, berpilin-pilin dan berbelit-belit.

Senario yang dilihat pada dekad 1950-an masih menular selepas kepimpinan Tun Razak pada 1976, malah turut dilalui oleh Dato' Seri Najib sendiri. Serangan peribadi menerusi surat layang, mahupun kempen senyap memberi impak dalam kepimpinan UMNO sendiri. Dato' Seri Najib yang dikira mewarisi paksi kepimpinan Tun Razak, sejak dilantik menyandang pesaka Orang Kaya Syahbandar, Orang Besar Berempat Pahang pada 1976, ternyata tak dapat melepaskan diri daripada *intrigue* politik menerusi sumber dalaman.

Misalnya pada pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO 1984, tersibar kononnya Dato' Seri Najib berura-ura mahu merebut jawatan Naib Presiden. Ketika itu beliau Menteri Besar Pahang selepas pilihanraya 1982 bagi meredakan senario politik di Pahang berikutan krisis kerajaan negeri dan istana. Dato' Rahim Bakar yang dilantik menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya 1978 dikatakan kurang disenangi oleh pihak istana, menyebabkan UMNO bersetuju membawa ADUN Basrah itu bertanding di kawasan Parlimen Kuantan pada pilihanraya 1982.

Krisis kepimpinan UMNO Pahang memang diketahui umum selepas beberapa nama yang diramalkan menjadi Menteri Besar pada 1978 tak dapat dihantar ke istana. Tan Sri Khalil Yaakob yang menang di kerusi DUN Bukit Ibam dan Abdul Razak Hitam ADUN Batu Talam sudah disebut-sebut akan dilantik menjadi Menteri Besar. Bagaimanapun

Ketua Perhubungan UMNO Negeri ketika itu Tan Sri Hamzah Abu Samah, membuat pengumuman mengejut dengan mengemukakan nama Dato' Rahim Bakar.

UMNO di Pahang tak bersetuju dengan pelantikan Dato' Rahim Bakar, tetapi mereka terpaksa mematuhi keputusan pucuk pimpinan. Krisis dengan pihak istana sekadar satu agenda di kalangan pucuk pimpinan UMNO negeri Pahang sendiri sebagai protes apabila mereka dikecewakan berikutan pemilihan jawatan Menteri Besar itu. Peralihan pucuk pimpinan UMNO pada 1982, membuka ruang kepada pentadbiran Pusat memenuhi tuntutan peringkat akar umbi merombak kepimpinan peringkat negeri.

Dato' Rahim Bakar dan Tan Sri Khalil Yaakob dipindahkan bertanding ke kerusi Parlimen, manakala Dato' Seri Najib diletakkan di DUN bagi meredakan krisis di Pahang yang memuncak, menjolak dan bergolak. Strategi meletakkan Dato' Seri Najib mengetuai kerajaan negeri di Pahang selaku Menteri Besar ternyata berkesan, malah dapat diterima oleh istana bagaikan '*sirih pulang ke gagang; pinang pulang ke tampuk*'. Ketika beliau memegang jawatan Menteri Besar inilah tersibar desas desus menyebut Dato' Najib berhasrat merebut posisi Naib Presiden.

Sebaliknya pada Perhimpunan Agung 1984, Datuk Seri Najib terus mengekalkan kedudukan beliau selaku Naib

Ketua Pergerakan Pemuda dengan tak pula menyertai persaingan bagi jawatan Naib Presiden. Apabila dipindahkan semula ke kerusi Parlimen pada pilihanraya 1986, Dato' Seri Najib dikekalkan juga memegang jawatan Ketua Perhubungan Negeri. Akibatnya tersibar juga desas desus UMNO Pahang menghadapi krisis kepimpinan berikutan Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob tak pula dilantik selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri. Alahai!

Ketika didesak oleh penulis buku '**Challenger: Siapa Lawan Siapa?**" S.H. Alatas, Tan Sri Khalil Yaacob menjelaskan mengenai desas desus tersebut, "*Ini tidak benar. Saya sentiasa memberi kerjasama pada Najib. Najib masih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Pahang. Semua Cawangan masih dipimpin oleh Najib dan kami sentiasa bekerjasama.*" Sekalipun Tan Sri Khalil menafikan tetapi di Pahang seolah-olah tak dapat membendung berlakunya krisis kepimpinan. Begitulah!

Seolah-olah mewarisi paksi kepimpinan Tun Razak yang tak mudah melatah ketika desas desus tersibar luas, Dato' Seri Najib juga mengambil pendekatan sederhana dalam isu 'Orang Presiden' dan 'Bukan Orang Presiden' di Pahang. Beliau mendiamkan diri sekalipun pada terma politik boleh menjejaskan kewibawaan dalam kepimpinan kerana desas desus yang dibendung boleh ditafsirkan sebagai menepati sasaran. Kesederhanaan pendekatan politik Dato' Seri Najib juga memudahkan peranannya


selaku Naib Ketua Pergerakan Pemuda memenangi jawatan tersebut tiga penggal berturut-turut dengan tak ditandingi.

Tun Razak juga tak pernah ditandingi dalam kepimpinan UMNO sejak dilantik oleh Dato' Onn memegang jawatan Ketua Pemuda di persidangan di Kuala Kangsar pada Ogos 1950. Beliau juga tak ditentang calon lain pada persidangan di Kuala Lumpur pada Ogos 1951 bagi jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung, sekalipun regunya Tunku terpaksa berhadapan tiga calon bagi mengisi kekosongan Yang Dipertua Agung, apabila Haji Ahmad Fuad (Terengganu), Dato' C.M. Yusof (Perak) dan Mutapha Hussein (Kuala Lumpur) turut bertanding.

Dalam kepimpinan UMNO Dato' Seri Najib pernah bersaing ketika merebut salah satu tiga jawatan Naib Presiden. Bagi satu sahaja jawatan dalam pemilihan UMNO, memang Dato' Seri Najib tak pernah ditentang bagi mengisi posisi berkenaan.



Datuk Seri Najib
(di sebelah ayahandanya)



Datuk Seri Najib
(memegang senapang mainan)

Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

3

TRADISI KEPIMPINAN: PERIOD PRA KEMERDEKAAN

PERUBAHAN senario politik pada 1955 banyak merombak pendekatan penjajah Inggeris terhadap isu kemerdekaan yang diperjuangkan oleh UMNO. Pilihanraya pada 27 Julai 1955 memberi impak besar terhadap dasar penjajahan yang sebelumnya lebih bersifat membuli, dengan menukar taktik lebih banyak bertoleransi. Kemenangan besar UMNO dalam pilihanraya tersebut menjadikan penjajah Inggeris bersedia membuka pintu rundingan kepada pemimpin-pemimpin UMNO diketuai oleh Tunku, Tun Razak dan Tun Dr Ismail.

Dalam pilihanraya tersebut Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan mengikut formula yang dipersetujui iaitu 50 peratus ahli dipilih menerusi pilihanraya, sementara 50 peratus lagi dilantik oleh kerajaan Inggeris. Tun Razak pula menang di kerusi Semantan yang dianggap kubu kuat pemimpin radikal Ishak Haji Muhammad (Pak Sako, Allahyarham) dengan memperoleh 14,094 undi menewaskan calon Pas Mohamed Yassin bin Mohd Salleh (ayah kepada Tan Sri Kamarul Ariffin) yang hanya mendapat 1,999 undi. Bagaimanapun dalam pilihanraya tersebut Ishak Haji Muhammad tidak bertanding, disebabkan belum menyertai mana-mana organisasi politik selepas dibebaskan daripada tahanan ISA.

Kemenangan besar Parti Perikatan memang di luar dugaan, sekalipun pada peringkat awal berhadapan dengan

risiko besar. Dengan jumlah pengundi pada 1955 itu 1,280,000 ternyata pecahan kaum ialah 84.2 peratus Melayu; 11.2 peratus Cina dan 4.6 peratus India. Sebaliknya Tunku bersama Tun Razak mengambil langkah drastik meletakkan hanya 35 orang sahaja calon UMNO (68 peratus); 15 calon MCA (29 peratus) dan dua calon MIC (3 peratus). Di samping itu sejumlah semua 52 kawasan Dewan Perundangan Persekutuan yang terbabit hanya dua kawasan sahaja majoritinya pengundi bukan Melayu.

Malah lebih mengejutkan sebahagian besar calon MCA dan MIC menang di kawasan majoriti pengundi Melayu menewaskan tokoh-tokoh besar Parti Negara yang dipimpin Dato' Onn. Misalnya di Kinta Utara, Perak calon daripada MIC (Tun) V T Sambanthan menewaskan (Tan Sri) Cik Mohamed Yusuff bin Sheikh Abdul Rahman (C.M. Yusuff, kemudiannya Speaker Dewan Rakyat); di Batu Pahat, Johor S Chelvasingam Mac Intyre (MIC) menewaskan bekas Menteri Besar Johor, calon Parti Negara Dato' Haji Syed Abdul Kadir bin Mohamed dengan majoriti 16,251 dan di Muar Selatan, Tan Suan Kok (MCA) mengatasi Dato' Mahmud Md Shah (Parti Negara) dengan majoriti 19,472.

Penganalisis politik ketika itu membuat rumusan kekalahan teruk Parti Negara yang meletakkan 30 calon mempunyai manifesto berasingan dengan rakan gabungannya di Perak, Ikatan Melayu Perak (PML) di bawah pimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang. Parti Negara

mengemukakan manifesto: i) Kemerdekaan dalam masa lima tahun; dan ii) Membawa masuk orang-orang Indonesia bagi mengimbangi pertambahan penduduk di Malaya di kalangan bukan bumiputera. Isu berkenaan menjadikan golongan bukan Melayu menganggap ianya sebagai polisi perkauman. Sebaliknya manifesto UMNO bersama rakan-rakan komponen dalam Parti Perikatan menggariskan:

i) Kemerdekaan dalam masa empat tahun;
ii) Berkerajaan sendiri dalam masa dua tahun;
iii) Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi ialah bahasa Melayu;
iv) Pemakaian bahasa Inggeris dilanjutkan selama 10 tahun selepas tarikh kemerdekaan;
v) Sultan dan raja-raja Melayu kekal sebagai raja-raja yang berperlembagaan;
vi) Kerakyatan – satu kebangsaan sahaja dalam negeri ini, dan usaha ini akan diserahkan kepada usaha Suruhanjaya Bebas yang akan dibentuk;
vii) Memberi pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis.

Tun Razak sebagai salah seorang penggubal dasar kepimpinan UMNO berperanan sama dalam mewujudkan manifesto mantap yang mudah diterima oleh majoriti rakyat. Pilihanraya pada 1955 diumumkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Geald Templer pada April 1954 memang

bertentangan dengan tuntutan asal UMNO mahukan 60 peratus ahli dipilih melalui pilihanraya, sementara 40 peratus sahaja dilantik oleh kerajaan. Justeru Tunku bersama Tun Razak mengambil keputusan memulaukan kerjasama dengan kerajaan Inggeris dalam semua bentuk.

Tindakan UMNO-MCA memulaukan kerjasama itu mendapat kritikan akhbar *Strait Times*, tetapimenerima simpati dari akhbar-akhbar berbahasa Inggeris yang lain seperti *Singapore Standard* dan *Indian Daily Mail*. Dalam peranan awal tersebut Tun Razak tidaklah menonjol, disebabkan banyak keputusan parti memang ditentukan oleh Tunku. Sikap Tunku sering mengambil keputusan sendiri disebut oleh Aziz Ishak dalam bukunya '*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*' dengan menulis:

*"Lagi suatu peristiwa yang menunjukkan bahawa dia (Tunku) suka mengambil keputusan terlebih dahulu dan memperbincangkan keputusan itu kemudian ialah peristiwa pembakaran majalah '**Qalam**' dan harian '**Warta**'. Tindakan Tunku itu dibidas dengan hebat oleh Encik Bahaman (Tan Sri Bahaman Shamsuddin) yang menyatakan bahawa pekerjaan sedemikian itu hanya dilakukan oleh Facist. Encik Bahaman seorang ahli yang kanan dalam Jawatankuasa Kerja Agung UMNO telah membuat bidasan itu dalam persidangan jawatankuasa tersebut."*

Insiden yang sama pernah berlaku ke atas (Tun) Dr Ismail Abdul Rahman dan (Tun) Kolonel H. S. Lee ketika Tunku memintanya menemui Gerald Templer di Federal House pada Ogos 1953 jam 4.30 petang dengan membawa sepucuk surat. Apabila surat tersebut dibuka di hadapan Gerald Templer, rupa-rupanya persetujuan Tunku memberi restu mereka berdua dilantik menjadi menteri dalam *Member System* yang dilaksanakan oleh kerajaan Inggeris di Tanah Melayu ketika itu. Keputusan Tunku menerima tawaran pihak kerajaan memang mengecewakan Dr Ismail dan H.S. Lee tetapi terpaksa menerimanya juga disebabkan kesetiaan mereka kepada kepimpinan.

Bagaimanapun perbezaan pendapat Tunku dengan pemimpin-pemimpin kanan parti terutama Tun Razak sendiri memang tak pernah bocor kepada pengetahuan media. Tun Razak pula begitu peka dengan kemantapan parti, hingga terpaksa melupakan sebarang perselisihan pendapat yang boleh menjejaskan perjuangan kemerdekaan. Di samping itu di kalangan pimpinan parti menyedari pengorbanan besar Tunku mengukuhkan UMNO apabila menjualkan sebahagian hartanya untuk membiayai kewangan dan pentadbiran parti. Aziz Ishak merupakan orang yang sering menjadi 'perantara' dalam urusan jual beli berkenaan termasuk rumah mahupun tanah milik Tunku.

Tun Razak hanya diberitahu selepas Dr Ismail dilantik Menteri Hasil Bumi dan H.S. Lee menjadi Menteri Pengangkutan. Ketika H.S. Lee dilantik menyertai *Member System* selaku Menteri Pengangkutan, MCA belum secara rasmi membentuk Parti Perikatan bersama UMNO, sebaliknya masih lagi dalam bentuk persefahaman. Majlis Mesyuarat Sementara Perikatan (*Pro-Team Alliance Council*) hanya dibentuk pada persidangan 16-17 Oktober 1954 di Pulau Pinang. Sementara MIC pula menyertai pakatan berkenaan pada akhir 1954, sebelum pilihanraya bagi Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang pada awal 1955.

Kejayaan Parti Perikatan membentuk format berkerajaan sendiri selepas piliharnaya 1955 dengan Tunku memegang jawatan Ketua Menteri, Tun Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran. Langkah pertama diambil oleh Tun Razak ialah memansuhkan dasar pendidikan mengikut 'Laporan Thuraisingam' dengan memperkenalkan 'Laporan Razak' pada 1956. Di samping agenda pendidikan diberi tumpuan, UMNO juga menghadapi senario perubahan menuju kemerdekaan pada 1956 itu, setelah beberapa siri rundingan dibuat dengan kerajaan British di London.

Sebelum rundingan dengan kerajaan British diatur, Tunku memulakan agenda bagi menamatkan darurat sebagai membuktikan format berkerajaan sendiri itu mampu dalam usaha menangani keselamatan dan pertahanan. Rundingan dengan pemimpin Parti Komunis yang diketuai

oleh Chin Peng diadakan di Baling, Kedah pada 28 Disember 1955. Bagaimanapun Tun Razak tidak menyertai rombongan Tunku ke Baling dalam misi berunding dengan Chin Peng, tetapi bersama beliau ialah David Marshall (Ketua Menteri Singapura) dan Presiden MCA Tan Cheng Lock.

Rundingan tersebut gagal mencapai persetujuan bersama, sebaliknya Chin Peng memberi jaminan bersedia meletakkan senjata sebaik sahaja Tunku berjaya menuntut kemerdekaan menerusi perlembagaan. Sebaliknya Chin Peng tidak mengotakan janjinya setelah kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957, tetapi terus menjalankan tindakan militan di hutan-hutan sehingga pergerakaan komunis dilumpuhkan pada 1960. Justeru kegagalan rundingan tersebut, tak mematahkan semangat Tunku bersama UMNO dalam usaha merealisasikan matlamat yang termaktub dalam manifesto pilihanraya 1955.

Misi Bersama Ke London

Sasaran empat tahun bagi mencapai kemerdekaan dalam manifesto pilihanraya Parti Perikatan ternyata lebih singkat, apabila misi menuntut kemerdekaan mencapai rumusan persetujuan menetapkan tarikh merdeka pada 31

Ogos 1957. Tun Razak turut menyertai misi tersebut mewakili Parti Perikatan yang diketuai oleh Tunku dengan ahli-ahli yang lain termasuk Tun Dr Ismail, Tun H.S. Lee dan T.H. Tan selaku setiausaha. Sementara wakil raja-raja Melayu pula diketuai oleh Menteri Besar Perak, Dato' Panglima Bukit Gantang dengan ahli-ahlinya Menteri Besar Selangor, Abdul Aziz Majid; Menteri Besar Johor, Dato' Mohd Seth Mohd Said; Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmood dan (Tan Sri) Abdul Kadir Shamsuddin selaku setiausaha.

Sepanjang istiadat menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di Lancaster House, London pada 8 Februari 1956, Tun Razak sentiasa di sisi Tunku. Perdana Menteri British ketika itu Sir Anthony Aden juga turut menyambut rombongan Tunku di No 10 Dawning Street pada 14 Januari 1956 sebelum perjanjian tersebut ditandatangani bersama Setiausaha Tanah Jajahan Takluk British, Sir Alan Lennox Boyd yang mewakili kerajaan British. Justeru dalam setiap upacara rasmi di London, Tun Razak tak pernah berenggang dengan Tunku sebagai pemimpin terkanan UMNO.

Memang kota London bukanlah asing kepada perwakilan dalam misi kemerdekaan itu disebabkan mereka pernah menuntut di United Kingdom. Bagi Tun Razak kota London mengajarnya mengenai perkembangan politik dengan pembabitannya dalam gerakan radikal di United

Kingdom pada 1947. Beliau juga mengenali Tunku lebih dekat semasa sama-sama menuntut di London, sekalipun Tunku sudahpun berusia 40-an ketika itu. Semua rakan-rakan yang sama menuntut di London pada 1947 itu lebih muda sekurang-kurangnya 15 tahun dari Tunku.

Di samping Tun Razak mereka yang menuntut bersama Tunku termasuklah (Tan Sri) Taib Haji Andak, (Tun) Suffian Hashim, Syed Isa al-Munawar dan Eusofi Abdul Kadeer. Memang Tunku banyak bergantung kepada rakan-rakannya yang lebih muda membantu mengulangkaji nota-nota kuliah dengan Tun Razak bergilir-gilir membacakan buku-buku teks undang-undang bersama Taib Andak, Syed Isa dan Eusofi Abdul Kadeer. Sebaliknya Tun Razak tak mengambil masa lama untuk menamatkan pengajian apabila lulus kursus undang-undang dalam tempoh 18 bulan sahaja.

Bagaimanapun beliau tak meneruskan hingga ke peringkat ijazah lanjutan berikutan ayahnya Dato' Hussein meninggal dunia pada tahun 1949. Di samping itu Sultan Abu Bakar pula mendesaknya balik ke tanahair bagi menggantikan posisi ayahnya memegang jawatan Orang Besar Berempat di Pahang bergelar Dato' Orangkaya Indera Syahbandar. Kepulangan Tun Razak lebih awal ke tanahair menyebabkan persahabatan dengan Tunku terpisah buat sementara, kerana sepanjang menuntut di London mereka

berdua begitu akrab disebabkan Dato' Hussein sendiri dikatakan memang kenalan baik Tunku.

Kota London juga mendedahkan Tun Razak dalam aktiviti bercorak politik apabila turut menubuhkan *Malayan Forum* sebagai medan menggerakkan perjuangan pelajar dari Tanah Melayu dan Singapura. Antara yang terbabit bersama Tun Razak menubuhkan *Malayan Forum* ialah Dr Goh Kheng Swee dari Singapura (kemudiannya menteri kabinet Lee Kuan Yew); menerusi pertubuhan tersebut mereka menjadikan landasan meniup semangat perjuangan nasionalisme di kalangan pelajar-pelajar yang menuntut di England sebelum balik ke tanahair.

Sikap anti penjajah Tun Razak pernah menimbulkan perbalahan denngan Tunku apabila masing-masing mempunyai pendekatan yang berbeza menghadapi isu kemudahan yang disediakan oleh kerajaan Britain. Tun Razak dikatakan enggan tinggal di asrama yang disediakan untuk penuntut-penuntut dari Tanah Melayu, sebaliknya Tunku pula menganggap mereka berhak mendiaminya kerana sumber kewangan yang digunakan adalah dari rakyat negara yang dijajah oleh pemerintah Inggeris.

Sebaliknya semangat nasionalisme yang disemaikan di kalangan pelajar-pelajar di England ketika itu sekaligus berubah apabila mereka balik ke tanahair setelah diberi kedudukan sebagai pegawai tinggi oleh pemerintah

Inggeris. Berbeza dengan Tun Razak setelah beliau balik ke tanahair semangat nasionalismenya tak pernah padam sekalipun diberi kedudukan menjadi pegawai tinggi kerajaan. Sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negeri memang Tun Razak secara langsung terbabit dalam gerakan Wataniah menentang Jepun.

Dalam masa yang sama Tun Razak juga pernah menubuhkan Kesatuan Pelajar Melayu Pahang di tanahair, membolehkan beliau mudah menyesuaikan diri dalam aktiviti pelajar semasa menuntut di London. Malah ketika pembentukan Pertubuhan Belia Sedunia (WAY) dibentuk pada tahun 1947 itu, Tun Razak dilantik mewakili negara disebabkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang dipimpin Aminuddin Baki mahu menjimatkan perbelanjaan. Kesatuan Pelajar Melayu Pahang juga merupakan badan gabungan GPMS turut memberi sokongan pelantikan Tun Razak mewakili negara ke dalam WAY disebabkan beliau sedang menuntut di London.

Tun Razak memang pelajar yang cerdas berbanding rakan-rakannya yang lain, hingga mampu menamatkan pengajian dalam tempoh 18 bulan sahaja. Seorang lagi pelajar dari Tenggara Asia yang mampu menamatkan pengajian undang-undang dalam tempoh 18 bulan ialah Lee Kuan Yew dari Singapura. Sekalipun Tun Razak bukan pemidato yang hebat, tetapi beliau meminati politik sejak menuntut di MCKK malah sanggup berdebat dengan sesiapa

sahaja mempertahankan hujahnya mengenai perjuangan nasionalisme.

Dalam bukunya '*Suka Duka Politik Tun Razak*', (Amir Enterprise, Kuala Lumpur; 1976) wartawan Subky Latiff menulis mengenai insiden dalam majlis perkahwinan keluarga di Kuala Lipis. Sekalipun Tun Razak menuntut di MCKK, tetapi beliau sering bertemu Tan Sri Ghazali Shafie yang menuntut di Sekolah Clifford, Kuala Lipis iaitu sekolah Inggeris terkemuka di Pahang ketika itu. (Kuala Lipis ialah ibu negeri Pahang sebelum pusat pentadbiran kerajaan dipindahkan ke Kuantan). Dalam majlis perkahwinan keluarga mereka itu, Tun Razak berhujah mengenai politik dengan Tan Sri Ghazali sepanjang malam.

Justeru saudara mara yang berkumpul untuk majlis perkahwinan tersebut asyik mendengar dua orang anak muda itu berhujah mengenai politik, sedangkan mereka semua masih lagi kurang memahami naratif gerakan nasionalisme. Bagaimanapun di Pahang pada period 1930-an memang sudah digegarkan dengan gerakan Ibrahim Haji Yaakob di Bentong apabila dihantar mengajar di sekolah Melayu di kampungnya. Apalagi ketika itu Penolong Pegawai Daerah Kedua (AADO) Bentong juga anak Pahang kelahiran Temerloh iaitu Ishak Haji Muhammad memberi sokongan kepada gerakan Ibrahim.

Bagi masyarakat di Pahang memang gerakan radikal tidak asing kepada mereka, malah insiden perjuangan Dato' Bahaman melawan Inggeris pada 1892 di Semantan, mereka yang terbabit dalam insiden tersebut masih ramai lagi yang hidup ketika itu. Justeru kebencian terhadap penjajah memang tertanam kukuh dalam jiwa generasi muda di Pahang sekitar dekad 1930-an itu, termasuklah dua pelajar cerdas Tun Razak dan Tan Sri Ghazali. Dalam masa pendudukan Jepun mereka berdua terbabit pula dalam gerakan militan 'Wataniah' dengan Tun Razak berpangkat kapten dan Tan Sri Ghazali pula ialah leftenan.

Apabila menyertai misi kemerdekaan bersama Tunku pada 1956 itu, Tun Razak, Tun Dr Ismail dan Tun H.S.Lee bukan sekadar mewakili Parti Perikatan, tetapi setara dengan kerajaan yang dipilih rakyat. Mereka mendapat mandat warga Tanah Melayu menerusi pungutan suara bagi memenuhi manifesto pilihanraya 1955 iaitu mencapai kemerdekaan secara berperlembagaan dalam tempoh empat tahun. Sewaktu perhimpunan raksasa pada 20 Februari 1956 di Bandar Hilir, Melaka menyambut kepulangan rombongan Tunku balik dari London, pekikan 'merdeka' bergema berulang kali.

Bagaimanapun dalam rapat raksasa tersebut Tun Razak tak memberikan ucapan di tengah ribuan orang ramai menyambut kepulangan rombongan misi kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku. Selain daripada Tunku yang

berucap dalam rapat raksasa tersebut, Dato' Panglima Bukit Gantang, (Tan Sri) Dato' Nik Ahmad Kamil, (Tun) Sir Tan Cheng Lock, Tun Dr Ismail dan Tun Sambanthan turut menyampaikan ucapan. Pengisytiharan tarikh kemerdekaan 31 Ogos 1957 yang dibacakan Tunku pada rapat raksasa itu, turut sama ditandatangani oleh Tun Razak.

Di samping Tunku dan Tun Razak, pemimpin yang turut menurunkan tandatangan pada surat pengisytiharan tersebut termasuklah Dr Ismail, Dato' Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab, Abdul Aziz Majid, Dato' Nik Ahmad Kamil, Kolonel H.S. Lee, Dato' Seth Said, Abdul Kadir Shamsuddin dan T.H. Tan. Surat pengisytiharan berkenaan disusun oleh (Tan Sri) Senu Abdul Rahman dan (Tun) Syed Nasir Ismail dengan tulisan tangan dilakukan oleh Ibrahim Mahmood, sementara pelawak Ismail Bontak membuat illustrasi.

Sebenarnya ketika bertolak balik dari London rombongan misi kemerdekaan berpecah kepada dua jadual penerbangan. Dr Ismail bersama Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Mohd Seth, T.H. Tan dan Abdul Kadir Shamsuddin bertolak lebih awal iaitu pada jadual penerbangan 10 Februari 1956. Sementara Tunku bersama Tun Razak, Dato' Nik Ahmad Kamil, Abdul Aziz Majid dan Kolnel H.S. Lee bertolak pada 16 Februari, di samping singgah terlebih dahulu di Kaherah menemui Presiden Gamal Abdul Naseer.

Ternyata Tun Razak sentiasa mengiringi Tunku sepanjang misi ke London itu, malah mereka sama-sama diberi sambutan meriah oleh kerajaan Mesir apabila menjadi tetamu Presiden Gamal Abdul Naseer. Di tanahair pula Senu Abdul Rahman selaku Setiausaha Agung UMNO menjadi tenaga penggerak utama bagi menyambut kepulangan misi rombongan kemerdekaan itu dengan mengatur rapat raksasa di Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956 itu. Dalam semua peristiwa pada period pra kemerdekaan ini Tun Razak sentiasa dibayangi oleh ketokohan Tunku ketika itu.

Sikap Tun Razak tak mahu menonjol diri ini memang sudah menjadi karektor beliau sejak di bangku sekolah lagi. Malah sewaktu menuntut di Raflles College, Singapura tahun 1940 beliau enggan bersaing merebut jawatan kepimpinan pelajar. Ketika itu Lee Kuan Yew dan Ungku Aziz dianggap dua orang aktivis pelajar terkemuka di Raffles College. Bagaimanapun Tun Razak memainkan peranan di belakang tabir dalam usaha membolehkan Ungku Aziz menewaskan Lee Kuan Yew sebagai pemimpin pelajar.

Naratif Isteri Pemimpin

Perjalanan jauh misi rombongan kemerdekaan ke London pada 1 Januari 1956, bukan sekadar menempuh gelombang menerusi kapal laut dari Singapura ke India, malah isteri-

isteri yang ditinggalkan turut sama memikul tanggungjawab. Naratif perjuangan isteri pemimpin pada period pra merdeka itu memerlukan mereka 'turun padang' membantu khidmat suami masing-masing. Justeru isteri Tun Razak sendiri, (Tun) Rahah juga tak terkecuali membabitkan diri dalam aktiviti sosial UMNO, semasa Tun Razak menyertai rombongan Tunku ke London bagi menuntut kemerdekaan.

Insiden kebakaran di kawasan sesak di Gombak Lane pada 8 Januari 1956 berlaku ketika rombongan kemerdekaan sudah bertolak ke London. Mangsa yang terbabit dalam kebakaran tersebut melibatkan berbilang kaum, justeru UMNO mengambil inisiatif menempatkan mereka di bangunan UMNO di Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman). Kaum Ibu UMNO (Pergerakan Wanita) Kuala Lumpur diketuai Puan Anchom binti Zainal Abidin ditugaskan oleh (Tan Sri) Senu mengetuai operasi memberikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa terbabit.

Tun Rahah bersama Puan Rahmah (isteri Abdul Rahman Talib, ketika itu Menteri Muda Kesihatan) mengambil inisiatif menjahit pakaian bagi didermakan kepada mangsa-mangsa berkenaan. Bukan sahaja Tun Rahah, malah Tun Syarifah Rodziah (isteri Tunku); Puan Saadiah (isteri Tun Sardon Jubir) dan Puan Selamah (isteri Tan Śri Ahmad Perang) turut sama 'turun padang' mewakili

suami masing-masing. Aktivis sosial seperti Puan Kamsiah Wahab (Ketua *Women Institute* – WI, Kuala Lumpur) pula menyediakan makanan untuk kemudahan mangsa-mangsa kebakaran.

Terdapat sumber menyebut pada peringkat awal Tun Rahah dilamar oleh Tun Razak, kebanyakan dato'-dato' (atau pembesar istana) di Pahang kurang senang keputusan yang diambilnya dengan kapisiti selaku Orangkaya Indera Syahbandar. Mereka menganggap pemilihan Tun Rahah anak Johor sebagai isteri Orang Besar Berempat, seolah-olah mengenepikan anak gadis di Pahang sebagai calon pasangan 'orang bergelar' di negeri itu. Pandangan tersebut bukan sahaja berlaku di Pahang, malah di negeri-negeri Melayu yang lain juga mempunyai persepsi yang sama.

Di Negeri Sembilan misalnya, isteri bagi penyandang pesaka 'orang bergelar' terutama bagi jawatan Dato' Undang Luak dikehendaki wanita di lingkung luak atau wilayahnya sendiri. Keadaan tersebut berdasarkan sistem sosial adat yang meletakkan 'suami' adalah ditakrifkan sebagai 'orang semenda' kepada keluarga isteri. Apabila pembesar adat beristerikan wanita di luar luaknya, secara automatik beliau tertakluk kepada prinsip 'orang semenda', yakni: *Disuruh pergi dipanggil datang/kalau cerdik teman berunding/kalau bodoh disuruh arah/kalau alim minta doanya.*

Prinsip dalam sistem sosial negeri-negeri Melayu memang tak banyak berbeza ketika itu, menyebabkan Tun Razak juga turut berhadapan dengan fenomena yang sama. Dari sumber kalangan yang rapat dengan Tun Razak menyebut, pernah satu waktu kawan-kawannya membuat temu janji dengan keluarga kenamaan dalam usaha mencarikan jodoh beliau. Bukan sahaja kawan-kawannya berasa hairan disebabkan Tun Razak masih tak memikirkan soal jodoh setelah berusia 30 tahun, malah ibunya juga sering mendesak beliau memilih pasangan hidupnya.

Insiden pertemuan di rumah orang kenamaan di Kuala Lumpur itu dikatakan memang melucukan, apabila kawan-kawan sengaja mengatur posisi bagi membolehkan Tun Razak duduk bersebelahan dengan anak gadis orang kenamaan berkenaan. Di samping wajah Tun Razak sentiasa kelihatan serius, beliau juga bukanlah suka berbual kosong apalagi dalam majlis sosial yang diadakan. Berikutan sikap Tun Razak membisu sepanjang majlis berkenaan diadakan, anak gadis berkenaan tak berkesempatan langsung untuk berbual-bual dengan beliau. Akhirnya majlis pertemuan itu bersurai dengan Tun Razak tak sepatah pun berbual dengan anak gadis yang dikenalkan oleh kawan-kawannya itu.

Sebagai pemimpin terkanan UMNO sekitar 1951 itu, Tun Razak juga turut dijemput menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh parti termasuk juga di negeri Johor

yang menjadi kubu kuat Dato' Onn. Ketika berkunjung ke rumah seorang kawannya yang sama-sama menuntut di London, (Tan Sri) Taib Andak, beliau turut menemui Pengerusi Tetap UMNO ketika itu (Tan Sri) Haji Mohd Noah Omar. Kunjungan beliau ke Johor itulah mulanya berputik perasaan mahu mengenali lebih dekat anak gadis pemimpin UMNO Johor berkenaan, iaitu Tun Rahah.

Keputusan Tun Razak memilih Tun Rahah anak pemimpin UMNO di Johor itu mendapat restu ibunya yang menunggu sejak sekian lama. Bagi ibunya yang mesra memanggil Tun Razak dengan panggilan Dato' (mungkin menghormati gelaran turun temurun keluarga suaminya), pilihan tersebut tak bertentangan dengan adat resam Melayu sekalipun kurang disenangi oleh kalangan dato'-dato' yang lain. Apalagi setiap kali mendesak, anaknya Si Dato' hanya menjawab spontan, "Ala mak, saya ni banyak masalah nak difikirkan, dalam kepala (saya) ni banyak masalah dunia yang kena fikirkan sama."

Sewaktu berkahwin dengan Tun Razak pada 1952, usia Tun Rahah masih lagi remaja kira-kira 18 tahun sahaja. Penglibatan Tun Rahah dalam UMNO juga bukanlah selepas menjadi isteri tokoh nombor dua dalam kepimpinan parti, malah sejak masih di bangku sekolah beliau turut memberikan sumbangan. Sebagai anak pemimpin UMNO di Johor yang terbabit sejak awal bersama Dato' Onn, Tan Sri Mohd Noah memberi dorongan kuat kepada anak-

anaknya termasuk Tun Rahah dan Suhaila mengambil bahagian dalam majlis anekaragam bagi mengutip dana UMNO ketika itu.

Tidak hairanlah Tun Rahah mudah mensesuaikan diri terbabit dalam usaha UMNO yang mengambil inisiatif memberikan bantuan kemanusiaan kepada mangsa kebakaran di Gombak Lane pada 8 Januari 1956 itu. Beliau tak berasa kekok menjahit pakaian bagi diagih-agihkan kepada mangsa sebagai sumbangan bakti peribadi, sekalipun ketika itu suaminya menunaikan tanggungjawab kepada negara dalam misi menuntut kemerdekaan di London.

Di samping terbabit dalam kerja-kerja amal yang dianjurkan oleh UMNO, ketika itu Tun Rahah juga sibuk menguruskan dua orang anaknya yang masih kecil iaitu Mohd Najib (tiga tahun) dan Ahmad Johari (dua tahun). Pasangan Tun Razak dan Tun Rahah dikurniakan lima orang anak; Mohd Najib (Dato' Seri Najib, Timbalan Perdana Menteri, 27 Julai 1953); Ahmad Johari (29 November 1954); Mohd Nizam (3 Oktober 1958); Mohd Nazim (23 Mac 1963) dan Mohd Nazir (19 November 1966). Menurut sumber kawan-kawan rapatnya, Tun Razak pernah juga mengimpikan untuk mendapat seorang anak perempuan.

Bagaimanapun impian beliau tak menjadi kenyataan hinggalah ke akhir hayatnya. Di sebalik wajah Tun Razak

sentiasa kelihatan serius menyebabkan fizikal beliau seolah-olah lebih tua daripada usianya sendiri. Tetapi Tan Sri Abdul Samad Idris mengakui, bagi mereka yang mengenali Tun Razak secara dekat, beliau sebenarnya gemar berjenaka. Misalnya dalam satu perarakan lintas hormat Hari Kebangsaan pada 1974, ketika pasukan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) bergerak di hadapan pentas, spontan Tun Razak secara berseloroh menyebut: "Hah, Red Guard Samad melintas." (Samad yang dimaksudkannya ialah Tan Sri Samad Idris, ketika itu Timbalan Menteri Dalam Negeri).

Kemelut Politik 1959

Memang Tunku mengakui beliau bernasib baik mendapat timbalan yang bekerja kuat dan setia seperti Tun Razak, dalam kenyataan akhbarnya pada 15 Januari 1976. Kesetiaan Tun Razak merupakan janji sewaktu memujuk Tunku memimpin UMNO pada 1951 iaitu akan sentiasa berdiri teguh di belakang sekiranya beliau (Tunku) menerima tawaran. Justeru berpegang kuat kepada ikrar tersebut, Tun Razak tak pernah cuba membayangi Tunku dalam kepimpinan parti mahupun kerajaan.

Setiap dasar yang dirangka bagi mengisi kemerdekaan selepas 31 Ogos 1957, banyak disuntik menerusi pelaksanaan yang diletakkan di bawah perancangan Tun Razak. Malah selepas pilihanraya 1959 misalnya, Tun

Razak mewujudkan 'Bilik Gerakan' di pejabatnya bagi memantau semua agenda pembangunan dilaksanakan mengikut jadual. Beliau juga turut mencetuskan idea kerangka pembangunan negara bagi tempoh lima tahun yang dikenali kemudiannya RMK (atau Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan seterusnya). Sebelum itu ianya dipanggil 'Rancangan Lima Tahun Pertama', apabila beliau merangka pembangunan negara.

Idea jitu Tun Razak dalam pembangunan negara yang berkesan inilah menjadikan beliau diberi gelaran 'Bapa Pembangunan' pada pasca merdeka. Disebalik segala kejayaan UMNO itu, terdapat juga krisis dalaman yang membabitkan Parti Perikatan menjelang pilihanraya 1959. Kemuncak daripada kesetiaan yang ditunjukkan oleh Tun Razak ialah kesediaan beliau memegang jawatan Perdana Menteri dalam tempoh singkat apabila Tunku secara mengejut meletakkan jawatan. Beliau menyerahkan semula jawatan Perdana Menteri setelah Tunku bersedia kembali memegang posisi tersebut.

Insiden tersebut berlaku pada Februari 1959, ketika Tunku berhadapan dengan senario paling meruncing berikutan tindakan agresif Presiden MCA, Dr Lim Chong Eu. Selepas mengambil alih pucuk pimpinan MCA, Dr Lim mendesak agihan kerusi bagi menghadapi pilihanraya partinya perlu diberi prioriti. Disebabkan UMNO menolak tuntutan beliau, Dr Lim mula meniupkan sentimen di

kalangan ahli-ahli MCA menentang polisi yang sudah dimetrai bersama di kalangan komponen Parti Perikatan.

Dr Lim yang berpengaruh di Pulau Pinang menganggap kekalahan teruk Parti Perikatan dalam pilihanraya Municipal Pulau Pinang pada Disember 1956 disebabkan MCA terikut-ikut dengan rentak UMNO. Kekalahan itu ditafsirkan sebagai bermulanya era gelap perjuangan Parti Perikatan di negeri berkenaan. Di samping itu krisis dalaman UMNO sendiri mendorong Pegawai Penerangan (sekarang Ketua Penerangan) Tan Sri Jaafar Albar meletak jawatan. Ketua Kaum Ibu UMNO, Khadijah Sidek pula dipecat pada 10 Oktober 1956, selepas cawangan UMNO Johor Bahru yang dianggotainya memecat keahlian beliau.

Bagi menghadapi kemelut politik yang meruncing, Tunku mengambil keputusan meletakkan jawatan sekalipun pada peringkat awal Tun Razak memujuknya supaya bercuti panjang. Tunku melahirkan hasrat untuk meletakkan jawatan selaku Perdana Menteri pada Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO, 9 Februari 1959 untuk menumpukan kempen sepenuh masa menentang musuh politiknya. Bagaimanapun hasrat Tunku hanya diterima meletakkan jawatan pada 15 April, seterusnya Tun Razak mengangkat sumpah memegang jawatan tersebut. Ketika itu pilihanraya tak dijalankan serentak sama ada bagi Dewan-Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen.

DUN Kedah dan Perlis misalnya diadakan pada 20 Mei 1959; Melaka (23 Mei); Perak (27 Mei) dan Selangor (30 Mei). Sementara itu sepanjang Jun 1959 diadakan pula bagi DUN Negeri Sembilan (2 Jun); Pulau Pinang (6 Jun); Johor (10 Jun); Terengganu (20 Jun); Kelantan (24 Jun) dan Pahang (27 Jun). Keputusan yang mengejutkan berlaku di Terenggan dan Kelantan, apabila kedua-dua kerajaan negeri berkenaan jatuh ke tangan Pas. Sementara di Pulau Pinang yang menjadi kubu kuat Dr Lim, Parti Perikatan mampu bertahan dengan 17 dari sejumlah 24 kerusi, di samping tujuh lagi dimenangi oleh Sosialis Front.

Pilihanraya Parlimen pada 19 Ogos 1959, Tun Razak bertanding di kawasan Pekan, Pahang; sementara Tunku pula di Kuala Kedah, Kedah. Tun Razak menang dengan mendapat 8,811 undi menewaskan calon Pas Mohamed Ariff Abas (2,593 undi). Di kawasan Parlimen Kuala Kedah, Tunku memperolehi 13,032 undi mengalahkan calon Pas, Haji Hassan bin Abdul Rahman (5,542 undi). Kabinet yang dipimpin oleh Tun Razak terus berfungsi sehingga 22 Ogos, 1959 apabila beliau menyerahkan semula jawatan Perdana Menteri kepada Tunku.

Kabinet baru Tunku yang diumumkan pada 22 Ogos memperkenalkan muka-muka baru selaku pembantu menteri dipanggil Menteri Muda termasuk Syed Jaafar Albar (penerangan dan perkhidmatan radio); Ismail Yusoff (dalam negeri); Haji Khalid Awang Osman (pembangunan luar

bandar); Abdul Hamid Khan Sakhwat Ali Khan (pelajaran); V. Manickavasagam (buruh) dan Cheah Tiam Swee (perdagangan dan perusahaan). Tun Razak kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan disamping portfolio baru Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Lain-lain menteri kabinet selepas pilihanraya 1959 ialah Tun Dr Ismail (Menteri Hal Ehwal Luar Negeri); Tun Tan Siew Sin (Menteri Kewangan); Tun Leong Yew Koh (Menteri Keadilan); Tun V.T. Sambanthan (Menteri Kerjaraya, Pos dan Telekom); Dato' Sulaiman Abdul Rahman (Menteri Dalam Negeri); Abdul Aziz Ishak (Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama); Tun Sardon Jubir (Menteri Pengangkutan); Tun Omar Ong Yoke Lin (Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat); Tan Sri Khir Johari (Menteri Pelajaran); Tan Sri Bahaman Shamsuddin (Menteri Buruh) dan Dato' Abdul Rahman Talib (Menteri Perdagangan dan Perusahaan).

Ketika Pergolakan Meruncing

Krisis yang dihadapi Parti Perikatan menjelang pilihanraya 1959, memang pergolakan meruncing terpaksa ditempuhi oleh kepimpinan UMNO. Ketika Tunku melahirkan hasrat meletakkan jawatan bagi menghadapi krisis tersebut, Tun Razak ditugaskan memikul

tanggungjawab meredakan keadaan. Insiden tersebut memang diwarisi oleh Dato' Seri Najib apabila UMNO berhadapan dengan krisis kepimpinan kerajaan negeri Pahang di bawah Menteri Besar, Dato' Rahim Abu Bakar dengan pihak istana pada awal 1980-an.

Isu terbabit tak dapat dibendung menjelang pilihanraya 1982, setelah krisis tersebut kian meruncing. Kepimpinan UMNO menyedari dalam kemelut di Pahang ketika itu, peranan Dato' Seri Najib memang diperlukan bagi meredakan keadaan. Justeru pada pilihanraya 1982, Majlis Tertinggi UMNO mengambil langkah drastik meletakkan Dato' Seri Najib bertanding di peringkat DUN bagi membolehkan beliau dilantik menjadi Menteri Besar. Sementara Dato' Rahim Bakar pula dipindahkan ke kawasan Parlimen dalam mengatasi krisis yang berlarutan sejak 1978.

Dalam percaturan politik UMNO di peringkat Pusat, tak banyak perubahan yang dilihat apabila Dato' Seri Najib dihantar memimpin kerajaan negeri Pahang, disebabkan ketika itu beliau masih belum menonjol dalam kepimpinan utama. Kedudukan Dato' Seri Najib dalam kerajaan masih belum mantap dengan memegang jawatan timbalan menteri, selepas berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Pekan pada pilihanraya 1978. Ternyata karektor beliau mewarisi profil ayahnya Tun Razak, yang lebih banyak berhati-hati dalam meniti liku perjuangan politiknya.

Sekalipun mula terpilih menjadi Ahli Parlimen pada 1976, tetapi dalam kepimpinan UMNO Dato' Seri Najib tidaklah menonjol secara mendadak. Berbeza dengan Tun Razak ketika dilantik mengetuai Perikatan Pemuda UMNO pada tahun 1950, beliau terus mendapat kepercayaan Yang Dipertua Agung UMNO. Sebaliknya Dato' Seri Najib terpaksa bersaing bagi menduduki kerusi Exco Pemuda UMNO, ketika itu dipimpin oleh Dato' Haji Suhaimi Kamaruddin dan Dato' Mokhtar Hashim. Ketika itu ternyata bakat kepimpinan beliau masih dibayangi oleh ketokohan ayahnya, Tun Razak.

Fokus setiap pemerhati politik pada akhir dekad 1970-an dan awal 1980-an itu lebih tertumpu kepada tokoh-tokoh utama UMNO ketika itu selain daripada Perdana Menteri Tun Hussein Onn, mahupun Timbalan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Pergolakan UMNO juga banyak digerakkan oleh Tengku Razalegih Hamzah, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba, termasuk dalam beberapa isu seperti skandal BMF di Hongkong, pindaan perlembagaan dan pemecatan Dato' Harun Idris.

Ketika Tun Hussein mengumumkan peletakan jawatan Perdana Menteri pada 15 Julai 1981, pergolakan politik banyak difokuskan kepada peranan Tengku Razaleigh dan Tan Sir Musa Hitam. Dato' Seri Najib masih jauh di belakang pemimpin-pemimpin utama UMNO, hinggalah beliau ditunjuk oleh pucuk pimpinan untuk menjadi Menteri Besar

Pahang selepas pilihanraya 1982. Dengan peraturan selepas pilihanraya itu jawatan bagi Ketua Perhubungan Negeri wajar dipegang oleh Menteri Besar, justeru Dato' Seri Najib diberi mandat memimpin UMNO negeri Pahang.


Kedudukan beliau selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pahang mula memberi ruang kepada Dato' Seri Najib meyerlah dalam kepimpinan di peringkat Pusat. Langkah awal dirintis oleh Dato' Seri Najib apabila beliau diberi laluan mudah mengisi posisi Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO pada Perhimpunan Agung tahun berkenaan. Bagaimanapun pada pilihanraya 1986, Dato' Seri Najib dibawa semula ke peringkat Pusat, seterusnya dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan.

Pergolakan UMNO pada 1987 secara tak langsung Dato' Seri Najib mula diberi fokus oleh penganalisis politik apabila beliau dikatakan menjadi *turning point* kepada naratif kekalahan 'team B'. Dato' Seri Najib dianggap mengubah senario perwakilan setelah membuat pengisytiharan menyokong kepimpinan sebagai Ketua Perhubungan Negeri Pahang pada saat-saat terakhir. Terdapat juga sumber menyebut beliau berbuat demikian setelah kononnya didesak oleh ibunya Tun Rahah; tetapi di sebalik desas desus tersebut Dato' Seri Najib dikatakan berhadapan pula dengan dilema. Begitulah!





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak



Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

4

NARATIF PENDIDIKAN: AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA

MENGISI kemerdekaan menjadi agenda yang bertindan-tindan, berangkai-rangkai dan berantai-rantai antara pembangunan mental serta fizikal selepas pilihanraya 1959, apabila Tun Razak kembali memegang jawatan timbalan perdana menteri dan menteri pertahanan. Bagaimanapun dalam susunan kabinet Tunku yang baru, Tun Razak diberi satu lagi portfolio iaitu menteri pembangunan luar bandar yang diwujudkan khusus bagi memfokus kepada agenda membangunkan prasarana masyarakat desa.

Agenda pembangunan luar bandar Tun Razak popular dengan panggilan 'Buku Merah' bagi Rancangan Lima Tahun Pertama iaitu untuk tempoh 1959-1964. Projek membangunkan prasarana peringkat awal termasuk menurap jalan tar di kampung-kampung; membawa bekalan elektrik dan bekala air, membina balairaya atau perumahan kos murah memang menerima kritikan sebagai menggalakkan kemunculan masyarakat subsidi. Sebaliknya Tun Razak mengimbangkan pula dengan pembangunan fizikal dalam agenda membasmi buta huruf di kalangan masyarakat desa.

Tun Razak mewujudkan pembelajaran kelas dewasa yang dikatakan sebagai 'serampang dua mata' ke arah membawa golongan buta huruf kepada 'celik minda'. Guru-guru kelas dewasa pula diberi kursus pendek di bawah kementerian luar bandar, menjadi tenaga pengajar dengan

menggunakan balairaya-balairaya sebagai lokasi mengajar kelas dewasa. Sekalipun langkah membasmi buta huruf yang dilaksanakan di bawah kementerian beliau dilabelkan sebagai program pilihanraya, tetapi Tun Razak dapat membuktikan beliau prihatin dengan dasar pendidikan.

Misalnya, sebaik sahaja dilantik menjadi menteri pelajaran selepas pilihanraya 1955 beliau mengambil langkah segera merombak 'Penyata Barnes 1951' yang lebih memberi tumpuan kepada pendidikan menengah di bandar-bandar. Ketika itu pendidikan Melayu berkembang dari jangka hayat lima tahun pada period awal kepada enam tahun menjelang dekad 1950-an. Pada 1956 beliau mengemukakan 'Penyata Razak' menjadi dasar pendidikan negara yang menjuruskan kepada pembangunan sekolah aliran Melayu, sekalipun tempoh pembelajaran enam tahun dikekalkan

Tun Razak pula tak kekal memegang jawatan menteri pelajaran ketika Tunku umumkan kabinet merdeka pada 31 Ogos 1957, dengan melantik (Tan Sri) Khir Johari ke kementerian berkenaan. Berlaku juga kritikan berterusan ketika itu apabila Khir Johari merombak persepsi sekolah aliran Melayu kepada 'sekolah umum', menyebabkan guru-guru melahirkan rasa kecewa. Berikutan desakan orang-orang Melayu tak mahu enggan menerima konsep 'sekolah umum', kerajaan terpaksa akur dengan menukarnya kepada 'sekolah kebangsaan'.

Bagaimanapun kerangka daripada 'Penyata Razak 1956' itu menjadi perintis kepada perkembangan pendidikan aliran Melayu ke arah mewujudkan retorik 'sekolah menengah Melayu'. Hubungan rapat Tun Razak dengan kalangan pemimpin kesatuan guru-guru Melayu, membolehkan beliau memahami aspirasi pejuang-pejuang bahasa mahukan pembelajaran aliran Melayu diberi penekanan segera. Ketika itu kesatuan guru-guru Melayu dipimpin oleh Cikgu Mohd Noor Ahmad dari Pulau Pinang yang juga merupakan salah seorang Majlis Kerja Tertinggi (MKT; sekarang MT) UMNO.

Pada period pra kemerdekaan 90 peratus pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat cawangan pula terdiri daripada guru-guru Melayu. Justeru pengaruh Cikgu Mohd Noor dalam MT UMNO memberi impak dalam sebarang isu yang berkaitan dengan bahasa Melayu, sekalipun kurang menyenangkan MCA dan MIC. Tunku yang terkenal dengan prinsip 'tolak ansur' atau tolenrasi memang bimbang isu pendidikan aliran Melayu terus menerus diperjuangan oleh kesatuan guru-guru. Dalam mencapai matlamat perjuangan bahasa, Cikgu Mohd Noor dikatakan sering melobi Tun Razak sewaktu beliau memegang jawatan menteri pelajaran.

Sekalipun hubungan Tun Razak dengan Cikgu Mohd Noor akrab, tetapi beliau juga berhadapan dengan dilema apabila desakan mahukan pendidikan Melayu diberikan

prioriti bertali arus. Bagi mengurangkan politiking dalam kesatuan guru-guru, Tun Razak mengemukakan polisi mewajibkan guru-guru menduduki peperiksaan khas sebelum ditentukan 'darjah' kelulusan mereka. Ketika itu kedudukan guru-guru Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim tak ditakrifkan memiliki sijil atau diploma. Mereka dikategorikan sebagai guru-guru lepasan MPSI sahaja, bukan graduan atau pelajar-pelajar kolej.

Dalam satu perjumpaan di Kuala Lumpur, Cikgu Mohd Noor bertanya kepada Tun Razak di khalayak ramai mengenai isu peperiksaan khas itu, "*Darjah berapakah dalam sekolah Inggeris yang layak bagi seorang guru lepasan Tanjung Malim; adakah mereka sesuai untuk Darjah Enam atau Darjah Tujuh atau darjah berapa*?". Tun Razak juga berhadapn dengan protes guru-guru Melayu yang akan memulaukan peperiksaan khas tersebut atau meletakkan jawatan serentak beramai-ramai.

Ketika Tun Razak menerima tekanan guru-guru Melayu, rakan baiknya dari Kuala Lipis, Cikgu Razak Hussein (pernah menjadi Ahli Parlimen Kuala Lipis) meminta beliau menarik balik cadangan tersebut bagi menjaga imej sebagai menteri pelajaran. Tun Razak menerima baik nasihat Cikgu Razak, seterusnya peperiksaan khas kepada guru-guru itu terpaksa dibatalkan. Dalam masa yang sama MCA di bawah (Tun) Dr Lim Chong Eu juga menentang keras 'Penyata

Razak' kerana lebih memberi penekanan kepada sekolah aliran Melayu.

Mungkin disebabkan tekanan yang berterusan dihadapi Tun Razak sewaktu menjadi menteri pelajaran, mendorong Tunku tak mengekalkan beliau di kementerian berkenaan. Kalangan guru-guru Melayu pula seolah-olah menerima secara terbuka Tun Razak tak dikekalkan menjadi menteri pelajaran, kerana menganggap polisi peperiksaan khas yang ditetapkan pada period pra kemerdekaan itu mencerminkan guru-guru lulusan MPSI tak diiktiraf status perguruan mereka. Apalagi priod pra kemerdekaan memang pengaruh guru-guru Melayu dianggap sebagai tenaga akar umbi yang mengukuhkan perjuangan nasionalisme di dalam parti.

Memang Tun Razak tak terbabit dengan gerakan pendidikan pada period pasca merdeka, tetapi 'Penyata Razak' yang dirangka diguna pakai sebagai retorik perintis mewujudkan sekolah menengah aliran Melayu. Tahun 1959 bermula asas pembelajaran persekolahan menengah aliran Melayu, sekalipun dalam serba kekurangan termasuk bangunan sekolah, buku-buku teks dan tenaga pengajar. Misalnya di Negeri Sembilan sekolah menengah aliran Melayu pertama diwujudkan di Seremban dengan 80 murid, tiga orang guru di samping menumpang di Sekolah Kebangsaan Channer Road (sekarang Sekolah Kebangsaan Seri Kelana, Jalan Dato' Siamang Gagap).

Tenaga pengajar juga menggunakan buku-buku teks dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan secara langsung bagi mata pelajaran rampaian sains; fizik, kimia; geometri dan algebra. Pelajar-pelajar pula diambil dari murid-murid Darjah Enam sekolah Melayu yang lulus peperiksaan menengah, sama seperti dilakukan kepada pelajar-pelajar Darjah Tiga yang memasuki *Remove Class* bagi kemasukan ke sekolah aliran Inggeris (sebelum itu belum lagi dikenali sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan). Sekalipun sekolah menengah aliran Melayu tersekat hingga peringkat SPM disebabkan ketiadaan pusat pengajian tinggi untuk menampung mereka, tetapi ibubapa yang sudah tersemai dengan semangat nasionalisme memilih sekolah menengah aliran Melayu ini.

Tempoh Tun Razak memegang jawatan Menteri Pelajaran, memang terlalu singkat kira-kira tiga tahun sahaja, tetapi perubahan dalam pembelajaran aliran Melayu banyak dikaitkan dengan pemikiran beliau. Khir Johari kekal memegang jawatan menteri pelajara selepas pilihanraya 1959, tetapi pada 1960 diambil oleh (Dato') Abdul Rahman Talib dalam satu rombakan kabinet. Berikutan pelantikan Abdul Rahman Talib selaku menteri pelajaran beliau melakukan kajian semula 'Penyata Razak' yang kemudiannya dikenali pula 'Penyata Rahman Talib'.

Institusi Pengajian Tinggi

Pembelajaran aliran Melayu menjadi agenda kesatuan guru-guru sejak period pra kemerdekaan lagi dengan bersandarkan kepada pengaruh Tun Razak selaku Timbalan Yang Dipertua Agung UMNO. Malah terdapat banyak isu yang membabitkan orang Melayu tertumpu kepada kewibawaan Tun Razak, termasuk rumusan Kongres Ekonomi Bumiputera 1967 yang mendorong kepada penubuhan Bank Bumiputera Malaysia (BBMB). Tun Razak dilabelkan sebagai pemimpin UMNO yang tebal dengan sentimen keMelayuan; walhal prinsip yang beliau laksanakan tetap berpaksi kepada keputusan kolektif.

Misalnya Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) tetap mendesak diwujudkan institusi pengajian tinggi aliran Melayu dengan menonjolkan 'Penyata Razak' sebagai landasan. Mereka menganggap kerajaan tak serius dengan isu pembelajaran aliran Melayu yang kurang memberangsangkan pada period 1957-1967, di samping masalah pelajar-pelajar menengah aliran Melayu yang diasaskan pada 1959 gagal meneruskan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Tun Razak yang tak terbabit dalam isu pendidikan tetap menjadi sasaran pejuang-pejuang bahasa sebagai benteng terakhir bagi mencapai matlamat tersebut. Dalam tempoh lima tahun selepas menamatkan pembelajaran aliran

Melayu, pelajar-pelajar terkandas sehingga SPM disebabkan memasuki institusi pengajian tinggi di Universiti Malaya memerlukan kelulusan HSC (*Higher School Cerificate*) yang belum dilaksanakan di sekolah menengah aliran Melayu. Sehingga 1967 dialporkan pelajar-pelajar aliran menengah Melayu melebihi jumlah 128,000 orang tak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Dalam laporan buku cenderamata 'Sambutan 25 Tahun UKM, 1995' menyebut: "*Akhirnya, apabila Universiti Malaya gagal mengubah dirinya menjadi 'universiti kebangsaan' pada tahun 1967, sepertimana yang diharapkan oleh para pejuang bahasa dan pelajaran Melayu, maka kampus universiti tersebut telah menjadi medan perjuangan untuk memaksa pihak kerajaan menubuhkan sebuah universiti kebangsaan yang baru, yang berasingan daripada Universiti Malaya. Kali ini perjuangan tersebut telah dipelopori oleh para pensyarah Universiti Malaya sendiri, yang terdiri daripada Zainal Abidin Wahid, Abu Bakar Hamid, Tunku Shamsul Bahrin, Zain Abdul Majid, Dr Ghazali Abdul Rahman dan Syed Husin Ali.*"

Desakan yang berterusan mengenai isu pendidikan aliran Melayu menimbulkan keresahan di kalangan pemimpin UMNO sendiri, menyebabkan Menteri Pelajaran ketika itu Khir Johari dikritik habis-habisan. Beliau juga pernah dicabar berdebat secara terbuka mengenai dasar pendidikan oleh Presiden Parti Gerakan, Prof Syed Hussin

al-Attas pada 1968. Bagaimanapun pada 24 Januari 1969, Khir Johari mengumumkan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia menjelang 1970.

Disebabkan Tun Razak dilabelkan sebagai pemimpin UMNO yang tebal dengan sentimen keMelayuan, beliau dipandang serong oleh kalangan parti-parti komponen dalam MCA. Selepas merdeka dikatakan Tun Razak diberi saingan oleh Aziz Ishak yang turut dilabelkan sebagai tebal dengan sentimen keMelayuan. Terdapat juga sumber menyebut Aziz Ishak bercita-cita menandingi beliau untuk jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung UMNO, malah popularitи menteri berkenaan dikatakan membayangi kewibawaan Tun Razak.

Pembentukan kementerian pembangunan luar bandar juga dikatakan berkaitan dengan popularitи Aziz Ishak selaku Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama. Kejayaan Tun Razak memimpin angkatan tentera selaku Menteri Pertahanan menamatkan darurat pada 1960, tak mampu menarik perhatian masyarakat desa seperti keperihalan Aziz Ishak disayangi golongan petani dan nelayan. Menerusi gerakan syarikat kerjasama juga Aziz Ishak dilihat terlalu dekat dengan jiwa masyarakat desa, seperti disebut oleh Subky Latiff dalam bukunya '*Suka Duka Politik Tun Razak*':

"Aziz sentiasa mempunyai rancangan yang sangat menarik rakyat. Dia merancang syarikat kerjasama kilang kertas dan kilang baja urea. Dengan rancangan-rancangan lain terdapat satu rupa perkembangan bahawa begitu ramai rakyat mulai terpesona dengannya. Oleh yang demikian telah timbul satu macam persaingan antara Tun Razak dengan Aziz dalam barisan kedua UMNO. Dan Aziz sendiri pernah berazam untuk menandingi Tun Razak sebagai Timbalan Ketua UMNO. Sesungguhnya perkembangan ini adalah saat paling cemas bagi Tun Razak."

Perkembangan politik sekitar awal dekad 1960-an tak memperlihatkan Aziz Ishak menentang Tun Razak, sebaliknya beliau (Aziz) tak disenangi oleh segelintir pemimpin MCA. Projek kilang baja urea di bawah syarikat kerjasama kementeriannya, tak memberi impak kepada kelancaran dasar pembangunan luar bandar Tun Razak, sebaliknya diragui oleh syarikat pengeluar baja yang menyalurkan produk ke ladang-ladang milik asing yang masih beroperasi di negara ini ketika itu.

Apabila Tunku merombak kabinet pada 1960, beliau memindahkan Aziz Ishak ke kementerian kesihatan. Berikutan keengganan Aziz Ishak memegang jawatan Menteri Kesihatan, beliau meninggalkan UMNO sekalipun beberapa siri rundingan dilakukan oleh Tunku sebelum itu. Ternyata krisis Aziz Ishak tak membabitkan Tun Razak

walaupun spekulasi di kalangan penganalisis politik ketika itu dirumuskan sebagai persaingan dua tokoh berkenaan.

Prinsip Tun Razak yang tertumpu kepada 'lebih bekerja, kurang bercakap' tak banyak mengheret beliau dalam isu pergolakan UMNO. Misalnya, selepas keluar meninggalkan UMNO Aziz Ishak ternyata mengkritik pimpinan Tunku, malah tak pernah menyentuh kewibawaan Tun Razak sama ada di luar mahupun di dalam Parlimen. Begitu juga dalam insiden perwakilan UMNO Negeri Sembilan bertindak meninggalkan persidangan tahun 1957 kerana membantah 'undang-undang kerakyatan', Tun Razak turun ke Seremban kemudiannya memujuk mereka kembali semula menerima keputusan majoriti.

Apalagi kerenggangan hubungan Tunku-Aziz Ishak ketara menjelang kemerdekaan, berikutan langkah beliau tak memberikan jawatan dalam sambutan perayaan seperti dilakukan sebelum pilihanraya 1955. Ketika menghadapi kemelut pemulauan terhadap kerajaan Inggeris tahun 1954 misalnya, Aziz Ishak dilantik mengetuai UMNO zon tengah yang merangkumi Selangor dan Negeri Sembilan, sementara Tun Razak dan Abdul Rahman Talib mengetuai zon timur meliputi Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Begitu juga ketika menghadiri Kongres Asia bagi Persekutuan Dunia di Tokyo pada Oktober 1952, Tunku memilih Aziz Ishak menghadiri persidangan tersebut. Beliau

juga dilantik memegang jawatan penolong setiausaha Parti Perikatan apabila ditubuhkan dengan wakil MCA (Tan Sri) T.H. Tan selaku setiausahanya. Hubungan akrab Tunku dan Aziz Ishak juga dilihat ketika pembentukan jawatankuasa kebajikan orang-orang tahanan pada 1952 yang diketuainya dengan melantik Aziz Ishak menjadi setiasuaha.

Bagaimanapun dalam rundingan meja bulat bersama MCA di Kuala Lumpur pada 3 Februari 1953, kedua-dua Tun Razak dan Aziz Ishak tak dipilih oleh Tunku mewakili UMNO. Sebaliknya wakil UMNO selain daripada Tunku terdiri daripada Tun Dr Ismail, Tun Sardon Jubir, Tan Sri Bahaman Shamsuddin dan Tun Syed Nasir Ismail. Sementara MCA pula diwakili oleh Tan Cheng Lock, H.S. Lee, Leong Yew Koh, S.M. Yong dan Ong Yoke Lin. Tetapi bagi menyambut perayaan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 nama Aziz Ishak tak tersenarai dalam jawatankuasa induk.

Tunku yang menjadi pengerusi jawatankuasa pusat perayaan-perayaan hanya melantik Aziz Ishak sebagai anggota sahaja atas kapisiti selaku menteri. Jawatankuasa perayaan menyambut kemerdekaan di Kuala Lumpur dipengerusikan oleh Sardon Jubir dengan ahli-ahlinya Bahaman Shamsuddin, Khir Johari, Abdul Rahman Talib, Halimahton binti Abdul Majid, Syed Nasir Ismail, Abdul Rahim Kimin, Syed Jaafar Albar dan Senu Abdul Rahman.

Sementara Tun Razak pula dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa kerja pusat menyambut kemerdekaan itu.

Isu pendidikan aliran Melayu memang menjadi mauduk penting selepas kemerdekaan apabila kesatuan guru-guru enggan berkompromi. Tempoh 1957-1967 dianggap menjadi titik tolak dalam perjuangan bahasa Melayu, malah Syed Nasir Ismail ketika itu Pengarah DBP turut menjadi tenaga penggerak. Bulan Bahasa Kebangsaan pula dianjurkan setiap tahun bagi mendaulatkan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi tunggal dalam tempoh 10 tahun. Sebaliknya pada 1966 naratif perjuangan bahasa bertukar menjadi kalut, serabut dan mengecut, setelah kerajaan mengambil keputusan menangguhkan pelaksanaannya.

Pemikiran Ikon Pembangunan

Disebabkan tumpuan Tun Razak pada dekad 1960-an lebih menganjur kepada ikon pembangunan terutama kapisiti beliau selaku menteri pembangunan luar bandar, kaedah pendekatan yang dilakukan terarah kepada masyarakat desa. Justeru pemikiran beliau dirumuskan sebagai tebal dengan sentimen keMelayu, menyebabkan fasa perjuangan gerakan bumiputera pasca merdeka menjadikan Tun Razak sebagai idola kepimpinan mereka. Sekalipun tak pernah dilakukan seminar pemikiran

kepimpinan Tun Razak setakat ini, tetapi cendekiawan Melayu menerima beliau sebagai 'Bapa Pembangunan'.

Cendekiawan Melayu di institusi pengajian tinggi ketika itu lebih cenderung membawa isu permasalahan bumiputera kepada Tun Razak kerana menganggap polisi 'tolak ansur' Tunku tak bermanfaat untuk gerakan nasionalisme. Bagi mereka fasa pengisian pasca merdeka masih memerlukan gerakan nasionalisme apabila polisi 'tolak ansur' ternyata bersifat global dengan persaingan terbuka luas. Dekad 1960-an pula tahap pencapaian generasi bumiputera dalam sektor ekonomi, pendidikan dan sosio-budaya mempunyai jurang yang berceruk-ceruk, berkeluk-keluk dan berseluk-seluk.

Pendidikan aliran Melayu misalnya yang bermula sejak 1959 terkandas pada 1963, apabila pelajar-pelajar tak berpeluang ke institusi pengajian tinggi. Sebaik sahaja lulus Sijil Rendah Pelajaran (SRP) sebagai saingan kepada *Lower Certificate Education* (LCE) bagi aliran Inggeris; mereka sekadar mampu menyambung pendidikan ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau saingan kepada *Malaysia Certificate Education* (MCE) di sekolah aliran Inggeris, di samping kertas peperiksaan dikendalikan oleh pihak Oxford University di United Kingdom.

Pengajian aliran Melayu sukar memasuki peringkat *Higher School Certificate* (HSC) disebabkan belum terdapat

lembaga peperiksaan yang mengendalikan urusan Sijil Tinggi Persekolahan (STP). Pelajar-pelajar aliran Melayu yang menamatkan SPM pada 1963 sekadar menghadapi dilema menganggur pada usia 17 tahun atau ketika 15 tahun kalau gagal pada peringkat SRP. Bagi perjawatan rendah kerajaan misalnya tawaran hanya dibuka kepada mereka yang berusia 18 tahun ke atas, tetapi peluang pekerjaan ketika itu terpaksa bersaing dengan bekas pelajar aliran Inggeris juga.

Tun Razak yang tak lagi terbabit dengan pentadbiran pendidikan sejak 1957, tetap diheret sama dalam isu berkenaan pada dekad 1960-an. Malah isu bahasa yang bergolak pada 1966 hingga sekumpulan aktivis yang menggelarkan diri sebagai 'Front Bertindak Bahasa Kebangsan' mengadakan perarakan 'Keranda 152' di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai protes terancang. Mereka juga bertindak agresif mahu melimparkan Tun Syed Nasir Ismail, Pengarah DBP ke dalam unggun api menjadi simbolik kepada rasa kecewa dengan kegagalan meletakkan Bahasa Melayu selaku bahasa rasmi tunggal pada 1967.

Tun Razak menjadi Penyelamat meredakan keadaan kerana beliau dilihat oleh kalangan aktivis sebagai benteng terakhir menggerakkan ide perjuangan nasionalisme. Pendidikan aliran Melayu yang digerakkan terlalu awal seolah-olah memberi pengajaran mengenai impak besar yang dihadapi apabila dilaksanakan secara tergesa-gesa.

Kekurangan buku-buku teks, ketiadaan institusi pengajian tinggi menampung kemasukkan pelajar dan kekosongan pengendalian lembaga peperiksaan sendiri, akhirnya meletakkan golongan aliran Melayu bagaikan benang yang kusut, serabut dan kalut.

Buku-buku teks bagi subjek Bahasa Melayu masih bergantung kepada 'Pelita Bahasa Melayu I, II dan III' karangan Zaaba; sementara subjek Kesusasteraan pula ialah 'Sejarah Kesusateraan Melayu' oleh Abdul Samad Ahmad yang disediakan oleh DBP. Lain-lain buku yang dijadikan teks termasuk 'Musafir' (Hassan Mohd Ali); 'Ahad' (Zakaria Salleh) bagi sastera moden, di samping 'Hikayat Awang Sulong Merah Muda' (Pawang Ana), 'Nakhoda Tenggang' (Abdul Samad Ahmad) dan 'Syair Selendang Delima' bagi sastera klasik.

Kekurangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar aliran Melayu pada 1959 bukan sahaja buku-buku teks, malah membabitkan juga bangunan persekolahan yang terpaksa pula berkongsi dengan pihak lain. Aduhai! Pejuang-pejuang pendidikan aliran Melayu tak berputus asa mendesak Tun Razak sebagai benteng terakhir mereka bagi melaksanakan pusat pengajian tinggi. Ketika perancangan menubuhkan Unversiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1969, MCA pula mengemukakan cadangan mahu mewujudkan universiti aliran pendidikan Cina – Universiti Tunku Abdul Rahman.

Pendidikan aliran Melayu memang sudah menjadi iltizam aktivis bahasa sejak dekad 1940-an menerusi KPGMS. Kerajaan Inggeris menerima formula 'tolak ansur' dengan menubuhkan 'Jabatan Pelajaran' pada 1946 dengan melantik Zaaba mengetuai jabatan tersebut. Di bawah jabatan tersebut Zaaba sudah merangka pelan induk mengenai sistem pendidikan aliran Melayu hingga ke peringkat universiti, malangnya 'Penyata Barnes' pada 1951 memusnahkan kerangka kerja yang sudah disusun oleh Zaaba itu.

'Penyata Razak' (1956) pula mendapat tentangan aktivis pendidikan bukan Melayu terutama menerusi MCA di bawah presidennya ketika itu, Dr Lim Chong Eu hingga rombakan kabinet 1957, Tun Razak tak dikekalkan sebagai menteri pelajaran. Ketika dilakukan rombakan kabinet 1960, Khir Johari yang menjadi menteri pelajaran pada 1957 juga dipindahkan ke kementerian lain dengan meletakkan Abdul Rahman Talib ke jawatan menteri pelajaran.

Pada period Abdul Rahman Talib 'Penyata Razak' dikaji semula dengan 'Penyata Rahman Talib' dijadikan alternatif. Ketika itu diwujudkan 'Sekolah Anika Jurusan' (sekarang dikenali Sekolah Vokasenal) bagi melahirkan profesional Melayu dengan kaedah yang sama iaitu kekurangan segala fasiliti. Disebabkan saluran biasa menerusi kementerian sukar mencapai sasaran, kalangan aktivis pengajian aliran

Melayu terpaksa menggunakan pendekatan politik dengan mengajak pertubuhan dan persatuan Melayu berganding bahu.

Antaranya termasuk Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan (KKGSK); Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGGMB), Persatuan Penulis Nasional (PENA); Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Mereka melancarkan dana iaitu 'Tabung Universiti Kebangsaan' dengan penubuhan jawatankuasa penaja pada 25 Ogos 1968. Mereka turut membawa sama pemimpin UMNO yang dilabel sebagai *ultra* Melayu seperti Syed Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail dan Dr Mahathir Mohamed dalam gerakan tersebut bagi menyampaikan hasrat penubuhan universiti aliran kebangsaan kepada Tun Razak.

Secara retorik gerakan pejuang pendidikan aliran Melayu ini menyedari Tun Razak tak bersetuju dengan konsep 'tolak ansur' yang menjadi pendekatan Tunku selaku ketua kerajaan. Tun Dr Ismail sendiri pernah meletakkan jawatan daripada posisi menteri kabinet pada 1967, gara-gara menolak konsep 'tolak ansur' Tunku yang keterlaluan menyebabkan beliau berhadapan dengan dilema yang merimaskan, melemaskan dan mencemaskan. Langkah yang sama pernah juga dilakukan oleh Syed Jaafar Albar pada 1965 apabila meletakkan jawatan sebagai Menteri

Muda Penerangan (Timbalan Menteri Penerangan) dan Setiausaha Agung UMNO.

Isu di sebalik peletakan jawatan mereka sudah menjadi klise untuk dibincangkan, tetapi Tun Razak terlalu kukuh memegang prinsip kesetiaan hingga perbezaan dalam pendekatan beliau dengan Tunku tak ketara kepada umum. Bukan sahaja berkaitan dasar pendidikan Tun Razak lebih cenderung kepada aktivis-aktivis bahasa yang mahukan aliran pendidikan Melayu diberi prioriti, malah dasar ekonomi juga beliau memihak kepada kalangan pendesak memperjuangkan status iktisad bumiputera.

Ketika desakan semakin kuat mempersoal kedudukan iktisad bumiputera dalam 'Kongres Ekonomi 1967', Tun Razak juga menjadi sandaran mereka sebagai benteng terakhir menyelamatkan keadaan. Memorandum yang dirumuskan menerusi Kongres Ekonomi itu memerlukan institusi kewangan diwujudkan bagi menangani permasalahan peniaga-peniaga bumiputera secara profesional. Sekalipun RIDA (*Rural Industries Development Authority*) yang dibentuk pada dekad 1950-an di bawah Dato' Onn sudah ditukar format kepada MARA (Majlis Amanah Rakyat) bagi membantu meningkatkan iktisad bumiputera, tetapi masih sukar menembusi pasaran nasional.

Tun Razak juga mengambil inisiatif ke arah penubuhan Bank Bumiputera Berhad (BBMB) bagi memenuhi desakan aktivis ekonomi yang tertekan dengan status iktisad bumiputera ketika itu. Maknanya, Tun Razak bukan sekadar 'bapa pembangunan' kepada zon luar bandar, sebaliknya dirumuskan sebagai arkitek kepada pembangunan fizikal dan mental di peringkat nasional. Pendekatan beliau melahirkan 'masyarakat subsidi' dilihat oleh pengkritik-pengkritiknya sebagai usaha jangka pendek, tetapi dengan 'usaha jangka pendek' itulah membawa kepada 'usaha jangka panjang' kemudiannya.

Misalnya, kepekaan Tun Razak menerima desakan aktivis bahasa melaksanakan sekolah menengah aliran Melayu terlalu awal, mendorong kepada penubuhan institusi pengajian tinggi aliran kebangsaan 10 tahun selepas itu pada 1969. Isu pendidikan dan ekonomi bumiputera yang dilaksanakan dalam keadaan serba kekurangan bolehlah ditakrifkan seperti pepatah Melayu '*kerja bertangguh tak menjadi; kerja berlambat tak sudah-sudah*'.

Isu Pendidikan Melayu

Dekad 1960-an memang isu pendidikan aliran Melayu menjadi topik bertindan-tindan, bertindih-tindih dan berlapis-lapis yang berkaitan pula dengan isu ekonomi bumiputera. Ditambah lagi kerenah Lee Kuan Yew selepas

membawa Singapura menyertai Malaysia menimbulkan keresahan di kalangan majoriti rakyat dengan prinsip *Malaysian Malaysia* yang dipeloporinya. Malah Perhimpunan Agung UMNO Ke 18 di DBP pada 15 dan 16 Mei 1965, diiringi tunjuk perasaan ketika Tunku dan Tun Razak melangkah masuk ke bangunan DBP.

Buat pertama kali dalam Perhimpunan Agung itu usul yang dikemukakan oleh Majlis Kerja Tertinggi (atau sekarang MT) bagi meminda perlembagaan bagi pemilihan pucuk pimpinan dua tahun sekali ditolak oleh perwakilan. Usul yang dibawa Tun Ghafar Baba mewakili MKT ditewaskan dalam pengundian yang memperlihatkan sikap agresif para perwakilan sukar dihalang. Period pra kemerdekaan sikap agresif perwakilan UMNO mudah dibendung, tetapi senario tersebut secara mendadak berubah seolah-olah mahu mengimbangi keceluparan Lee Kuan Yew apabila menyeberangi Tambak Johor.

Misalnya, ketika kemerdekaan 1957 ahli-ahli UMNO menerima setiap keputusan pucuk pimpinan bagi memelihara kestabilan politik. Mereka tak membantah apabila ramai kalangan pucuk pimpinan parti dihantar ke luar negeri menjadi duta disebabkan negara kekurangan pegawai-pegawai diplomatik sebaik sahaja mencapai kemerdekaan. Naib Yang Dipertua Agung, Tun Dr Ismail dihantar menjadi duta ke Amerika Syarikat dan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sekalipun khidmatnya di dalam negara amat diperlukan.

Begitu juga Setiausaha Agung UMNO, Senu Abdul Rahman dihantar menjadi duta ke Republik Indonesia, kemudiannya ke Jerman dan Sulaiman Abdul Rahman ke Australia, sementara Tan Sri Nik Ahmad Kamil dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi ke United Kingdom. Sebaliknya apabila dibawa balik semula ke tanahair pada 1964, Senu dipilih memimpin Pergerakan Pemuda, lantas menggerakkan senario yang mencorakkan iltizam 'Pemuda Tahan Lasak' pada period dekad 1960-an itu.

Selepas tunjuk perasaan Mei 1965, Tunku mengambil keputusan bercuti ke London bagi menjalani rawatan kesihatan. Tempoh tersebut memberi ruang kepada Tun Razak dilantik menjadi Pemangku Perdana Menteri di samping mengadakan pertemuan dengan Lee Kuan Yew. Langkah Tun Razak memberi laluan kepada Lee Kuan Yew membuat pertemuan, menimbulkan kejengkelan kepada Pergerakan Pemuda. Senu memimpin rombongan Pergerakan Pemuda UMNO pada 1 Julai 1965 bagi mendapatkan penjelasan Tun Razak mengenai kesediaan bertemu dengan Lee Kuan Yew ketika keresahan rakyat memuncak.

Anggota Pergerakan Pemuda UMNO yang menyertai Senu termasuklah Khalid Awang Osman, Sulaiman Bulon, Saadon Kechut, Hamzah Alang, Aziz Ishak (Johor, bukan

bekas menteri kabinet) dan Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Syed Jaafar Albar. Maknanya, Tun Razak juga berhadapan dengan tekanan-tekanan dalam isu yang berkaitan kepentingan nasional terutama kalangan aktivis di dalam UMNO sendiri. Berikutan tekanan yang berterusan dalam isu keceluparan Lee Kuan Yew, memaksa Tunku membuat keputusan menyingkirkan Singapura dari Malaysia pada Ogos 1965. Begitulah!

Memang Tun Razak dijadikan benteng terakhir kepada aktivis masyarakat dalam perjuangan nasionalisme, setelah mereka kurang senang dengan pendekatan 'tolak ansur' yang dibawa oleh Tunku. Keceluparan Lee Kuan Yew terutama mengenai gagasan *Malaysian Malaysia* yang dipeloporinya menimbulkan banyak sentimen, komitmen dan elemen yang berangkai-rangkai, berungkai-rungkai dan berantai-rantai. Apalagi ketika itu Tun Razak juga terus didesak dalam pemantauan isu pendidikan aliran Melayu yang ternyata jauh terpinggir di belakang.

Tak dapat dinafikan persamaan hak yang dituntut menerusi slogan *Malaysian Malaysia* itu berkait rapat dengan metafora kebangkitan isu pendidikan aliran Melayu dan iktisad bumiputera. Selepas pertemuan dengan Tun Razak selama 80 minit, Senu bersama rakan-rakan Pergerakan Pemuda UMNOnya mengakui kepada pihak media beliau berpuas hati dengan penjelasan yang

diberikan. Di samping Tun Razak meminta Pergerakan Pemuda UMNO bertenang, beliau juga menegaskan:

"Sebagai Pemangku Perdana Menteri, saya sentiasa bersedia berjumpa dengan mana-mana ketua kerajaan jika ketua sesebuah kerajaan itu hendak berjumpa dengan saya. Saya meminta kepada semua ahli Pergerakan Pemuda di seluruh negara supaya bertenang, kerana masalah yang dihadapi oleh kerajaan adalah besar dan rumit."

Menteri Pendidikan

Perubahan nama jawatan Menteri Pelajaran ditukar kepada 'Menteri Pendidikan' selaras dengan isu bahasa baku sekitar dekad 1980-an apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim memegang portfolio berkenaan. Selepas Anwar dilantik Menteri Kewangan, Dato' Najib dipindahkan ke kementerian pendidikan. Ketika itu isu pendidikan aliran Melayu tak lagi berkocak, bergolak dan bergejolak seperti keperihalan dekad 1960-an, tetapi masih juga menyangkut kepada gelung lingkaran pelajar-pelajar Melayu.

Sekalipun semakin ramai graduan Melayu dilahirkan menjelang alaf baru 2000, tetapi perjalanan bagi pencapaian akademik mereka masih berliku-liku dan berbucu-bucu. Dato' Najib pula seolah-olah menempuh jalan yang dilalui oleh ayahandanya Tun Razak apabila memegang jawatan

Menteri Pendidikan dalam tempoh yang singkat. Beliau seolah-olah serasi dengan kementerian pertahanan, malah terus mengekalkan portfolio berkenaan sehingga memegang posisi Timbalan Perdana Menteri pada 2004.

Kontroversi berlaku pada period Dato' Najib memulakan tugas Menteri Pendidikan apabila pelajar-pelajar di sekolah rendah dibebankan dengan banyak buku teks. Mereka bukan sahaja membawa buku-buku teks ke sekolah, malah buku-buku kerja mengikut jadual waktu yang terlalu sarat, padat dan sendat. Kalangan ibubapa merungut dengan suasana persekolahan disebabkan anak-anak kecil terpaksa memikul beg setiap hari akibat jadual berkenaan.

Sistem pembelajaran tak banyak perubahan, sekalipun pertukaran menteri dengan pendidikan peringkat rendah kekal bagi tempoh enam tahun; diikuti peringkat menengah lima tahun. Tempoh dua tahun pada menengah tinggi bagi menghadapi STPM/HSC tak dititik beratkan, selepas pendidikan peringkat metrikulasi diperkenalkan sejak akhir dekad 1970-an. Justeru pada period Dato' Najib menjawat Menteri Pendidikan, beliau sekadar meneruskan kesinambungan dasar tersebut.

Pelajar-pelajar cemerlang pada peringkat SPM memang meneruskan pengajian mereka di peringkat metrikulasi sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Mereka menduduki pendidkan metrikulasi bagi tempoh dua tahun

juga seperti keperihalan Tingkatan Enam bagi peperiksaan STPM/HSC. Bagaimanapun Dato' Seri Najib tak meneruskan sistem peperiksaan SRP bagi pelajar-pelajar Tingkatan Tiga apabila beliau menukar kepada Penilaian Menengah Rendah (PMR); iaitu pelajar yang mencapai tahap keputusan minima dibenarkan terus melangkah ke Tingkatan Empat.

PMR pula diselaraskan dengan penilaian di peringkat rendah apabila murid-murid Darjah Enam dikehendaki menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) kerana sebelumnya mereka dibenarkan terus ke Tingkatan Satu. Perubahan yang dilakukan oleh Dato' Najib dengan mewajibkan peperiksaan UPSR; menukar konsep SRP kepada PMR diikuti pula dengan mengadaptasi 'darjah lompat' seperti pernah dilakukan kepada murid-murid cerdas pada era penjajah. Misalnya murid-murid cerdas pada Darjah Satu dibenarkan melompat ke Darjah Tiga, apabila pencapaian keputusan akademiknya luar biasa.

Langkah Dato' Najib dianggap mundur ke belakang seolah-olah kembali kepada nostalgia pada dekad 1930-an, 1940-an atau 1950-an dengan memperkenalkan 'darjah lompat' kepada pelajar-pelajar cerdas. Penganalisis pendidikan menganggap ianya bukan galakan yang memberangsangkan, sebaliknya boleh menimbulkan masalah akademik dalam sistem pembelajaran. Misalnya, murid-murid cerdas yang 'melompat' dari Darjah Satu ke

Darjah Tiga atau terus ke Darjah Enam akan mengalami fenomena menamatkan pembelajaran pada usia terlalu muda, sebelum bersaing di peringkat menengah.

Kaedah tersebut berbeza pada era penjajah, disebabkan pembelajaran maksimum ketika itu setakat Darjah Enam. Sekiranya memasuki sekolah aliran Inggeris mereka perlu memasuki *remove class* pada kedudukan Darjah Tiga. Mungkin kontroversi pada period Dato' Najib dalam isu pendidikan menyebabkan beliau tak kekal lama memegang jawatan Menteri Pendidikan. Menyentuh mengenai dasar pendidikan negara, bekas tokoh pendidikan di jabatan berkenaan, Dato' Omar Hashim merumuskan menerusi kertas kerjanya:

"Dari Laporan Rahman Talib yang telah dibuat berdasarkan Laporan Razak telah mencadangkan satu sistem yang komprehensif dalam pendidikan kebangsaan. Kebanyakan dari apa yang diusulkan dalam laporan tersebut tidak dilaksanakan, kecuali dua perkara iaitu Sekolah Lanjutan dan Pendidikan Sekolah Rendah secara percuma. Laporan ini telah banyak mengambil ide dari laporan yang sudah seperti Laporan Barnes.

"Beberapa aspek pendidikan tidak diberi penekanan di mana laporan ini berpuas hati dengan pendidikan universiti adalah tanggungjawab pihak universiti. Ia tidak mengambil kira betapa perlunya penekanan diberi kepada perancangan



Sebagai pemimpin berjiwa rakyat, Tun Abdul Razak sentiasa melapangkan masa menemui rakyat

5

PENDEKATAN INTELEKTUAL: PERJALANAN MISI DAMAI KE BANGKOK

PERANAN Malaysia dalam isu antarabangsa banyak dikendalikan oleh Tunku ketika itu yang turut memegang portfolio Menteri Luar Negeri. Misalnya pada 3 Mei 1960, bagi menghadiri Persidangan Perdana Menteri-Perdana Menteri Komanwel di London, Tunku membawa mandat Parlimen mengutuk regim aparteid di Afrika Selatan. Justeru akhbar-akhbar luar negeri turut memuji-muji keberanian Tunku, malah dianggap sebagai juara aparteid baru dari Tenggara Asia.

Dalam masa Tunku memainkan peranan penting mengendalikan dasar luar, Tun Razak lebih berperanan bagi meningkatkan pembangunan dalam negara. Beliau seolah-olah kelihatan tak memberi perhatian kepada isu luar negara, malah ketika berucap pada majlis meraikan kepulangan Tunku dari menghadiri Persidangan Perdana Menteri-Perdana Menteri Komanwel, Tun Razak tetap menyentuh isu kemiskinan dalam negeri. sewaktu berucap pada majlis berkenaan Tun Razak menegaskan:

"Kita adalah bermegah dengan apa yang telah dilakukan oleh Tunku mengenai soal Afrika Selatan. Inilah kali pertama kita sebuah negeri kecil memainkan peranan yang demikian pentingnya di dalam lapangan internasional untuk membela keadilan. Tunku telah mengangkat bendera Persekutuan bahkan bendera UMNO di London. Keadilan bukan sahaja kita perjuangkan di negeri kita, bahkan di luar negeri juga. Bagi negeri kita, dengan keadilan yang

dilaksanakan dapatlah semua kaum bersatu dan kemerdekaan dicapai di dalam masa yang singkat.

"Kita telah mencapai kejayaan gemilang sehingga darurat telah diisytiharkan akan tamat pada 31 Julai (1960). Kerajaan kita sekarang sedang memerangi kemiskinan dan kerendahan taraf hidup di luar bandar sehingga penduduk-penduduk di luar bandar dapat mencapai taraf hidup yang sesuai sebagai suatu bangsa yang bebas merdeka."

Ternyata Tun Razak sentiasa peka dengan retorik pembangunan rakyat miskin di luar bandar, sekalipun ketika menyentuh isu antarabangsa. Selepas isu aparteid meletakkan Tunku tokoh kian menonjol bagi negara-negara yang baru merdeka, pada 27 Mei 1961 sekali lagi beliau membuat kejutan budaya. Ketika berucap sebagai tetamu kehormat majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan-Wartawan Luar Asia Tenggara (*Foreign Correspondent Association of Southest Asia*) di Hotel Adelphi, Singapura, Tunku menyebut hasratnya mahu menubuhkan 'Malaysia'.

Bagi melaksanakan penubuhan 'Malaysia', Tunku mengemukakan kepada Parlimen pada Oktober 1961, kemudiannya baru dibawa ke dalam Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO, 4 November 1961. Dalam bulan November 1961 Tunku ke London menemui Perdana

Menteri British ketika itu Harold Mac Millon bagi fasa awal dalam usaha penubuhan Malaysia yang meliputi Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Borneo Utara (kemudiannya dikenali Sabah), Sarawak dan Singapura. Persetujuan yang dicapai ialah meluaskan perjanjian pertahanan ke wilayah-wilayah yang dimasukkan menyertai Malaysia itu.

Sabah yang belum mempunyai gerakan politik mantap ketika itu, memulakan fasa pertama dengan membentuk Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) di bawah pimpinan (Tun) Datu Mustapha bin Datu Harun pada 23 Disember 1961. Menerusi urutan penubuhan USNO itulah Sabah menyertai pakatan menanda tangani memorandum persefahaman di Singapura pada 3 Februari 1962. Bagaimanapun menjelang penubuhan Malaysia, berlaku pemberontakan di Brunei diketuai oleh pemimpin Parti Rakyat Brunei, Syeikh Ahmad Mohar Azahari (A.M. Azahari) hingga mendorong negeri berkenaan tak menyertai Malaysia pada 16 September 1963.

Pengisytiharan Malaysia juga menimbulkan provokasi dari dua kerajaan berjiran iaitu Indonesia dan Filipina, malah secara automatik Perjanjian Manila (*Manila Accord*) yang dipersetujui pada Ogos 1963 berakhir begitu sahaja. Perjanjian Manila merupakan titik persefahaman tiga negara Indonesia, Filipina dan Malaya (Persekutuan Tanah Melayu) dalam isu pertahanan serantau yang dikenali

sebagai gagasan 'MAPHILINDO'. Apabila Malaysia diisytiharkan, Presiden Ir Sukarno melancarkan konfrontasi dengan melabel kewujudan neo-kolonial (penjajahan baru) di rantau Asia Tenggara.

Filipina di bawah Presiden Diosdado Macapagal tak melancarkan konfrontasi, tetapi menuntut Sabah sebagai wilayah negara itu memperlihatkan dasar memprovok terhadap kewujudan Malaysia. Hubungan kerajaan pimpinan Tunku dengan Indonesia, Filipina dan Thailand menjadi bercelaru, apabila beberapa perjanjian persahabatan sebelum itu berkubur dengan sendirinya. Perhubungan diplomatik yang termetrai pada 1959 yang membabitkan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina turut terjejas dengan tindakan kedua-dua negara berkenaan memutuskan hubungan diplomatik.

Akibatnya menular kepada hubungan dengan Thailand yang membabitkan kerjasama ekonomi antara Tanah Melayu, Thailand dan Filipina menerusi pakatan negara-negara Asia Tenggara (ASA). Dalam semua kronologi pembentukan Malaysia, Tunku dilihat menggerakkan semua agenda, sementara Tun Razak seolah-olah menerima setiap langkah yang dirangka lebih awal. Misalnya ketika Tunku memberikan idea penubuhan negara Malaysia di Singapura, usul berkenaan terus dibentangkan di Parlimen sebelum dibawa ke Persidangan Perhimpunan Agung Khas UMNO.

Konfrantasi yang dilancarkan oleh Indonesia pula bukan sekadar slogan 'Ganyang Malaysia' sahaja, sebaliknya turut membabitkan gerakan militan dengan menghantar pasukan sukarelawan menceroboh sempadan. Lokasi yang banyak disasarkan ialah di sempadan Sabah dan Sarawak menyebabkan Tun Razak terpaksa menambah kekuatan pasukan tentera Malaysia dengan menyerapkan tentera wataniah (TTA) sebagai tentera bergaji penuh. Dalam tempoh konfrontasi 1963 – 1965 dianggarkan lebih 700 tentera Indonesia terbunuh, sementara tentera Malaysia kira-kira lebih 100 terkorban.

Perubahan politik di Indonesia dan Filipina pada 1965 banyak membuka ruang kepada perdamaian serantau, dengan Tun Razak muncul merintis jalan damai melalui pendekatan intelektual. Sekalipun beliau memang dikenali bersikap radikal, tetapi ternyata dalam menangani isu konfrontasi Tun Razak mahukan perundingan secara diplomatik bukannya terikut-ikut dengan corak militan. Perkembangan politik di Indonesia mula memberi kesan positif berikutan tragedi GESTAPU (atau Gerakan September Tiga Puluh) yang menggulingkan Presiden Sukarno.

Di Filipina juga berlaku perubahan senario politik apabila Presiden Macapagal gagal mempertahankan kedudukan dalam pilihanraya setelah calon popular, Ferdinand Marcus mencapai kemenangan besar dengan majoriti lebih satu

juta apabila memperoleh mandat 3,861,324 undi. Pencerobohan terakhir Indonesia terhadap Malaysia pula ialah pada 17 Ogos 1964 apabila tentera sukarelawannya dari Pasukan Tempur Laut bersama Korp Komando Operasi (KKO) dapat ditawan ketika mendarat di Pontian, Johor. Dalam gerakan yang sama sukarelawan tentera payung terjunnya Pasukan Gerak Tjepat (PGT) juga ditawan apabila turun di Labis, Segamat.

Sebelum termetrai 'Perjanjian Bangkok' yang ditanda tangani di Jakarta oleh Tun Razak mewakili Malaysia dan (Tun) Adam Malik ketua delegasi Indonesia pada 11 Ogos 1966, memang serombongan pegawai-pegawai tentera Indonesia diketuai Laksamana Madya Omar Basri Sjaaf, mendarat di Lapanganterbang Subang pada 27 Mei 1966 bagi membuka ruang kepada perundingan di Bangkok kemudiannya. Dalam usaha memetrai perdamaian Malaysia-Indonesia perhatian masyarakat antarabangsa lebih tertumpu kepada peranan Tun Razak dan Tun Adam Malik bagi menyelesaikan isu yang semakin berungkai-rungkai, berangkai-rangkai dan berantai-rantai ketika itu.

Hubungan Setiakawan

Di sebalik keceriaan menyambut perdamaian Malaysia-Indonesia pada 1966 memang tak dinafikan peranan Tan Sri Ghazali Shafie (King Ghaz) ketika itu masih lagi pegawai diplomat. Dengan kapisitinya selaku Ketua

Setiausaha di Kementerian Luar, beliau banyak membantu Tun Razak dalam merintis perdamaian tersebut. Beliau juga dikatakan mempunyai ramai rakan-rakan di Indonesia kerana hubungan setiakawan yang akrab termasuk Ali Moertopo ketika itu Gabenor di Jakarta. Di samping itu pejuang-pejuang nasionalisme pra kemerdekaan seperti Ibrahim Haji Yaakob dan Karim Rasyid yang menetap di Jakarta merupakan anak Pahang.

Terdapat juga sumber menyebut King Ghaz sering menemui Ali Moertopo atas sifat hubungan setiakawan di Jakarta dalam masa keadaan bahang konfrantasi mencemaskan, merimaskan dan melemaskan. Cara mana King Ghaz membolos masuk ke Indonesia tak penting ketika itu, tetapi usaha beliau dianggap mencabar, mendebar dan membebar. Begitu juga isu pertemuan beliau dengan Ali Moertopo sudah menjadi abstrak dalam kalendar sejarah, tetapi bermula daripada fasa awal pertemuan kedua-dua tokoh yang lebih mirip menjalin hubungan setiakawan itulah merintis jalan perdamaian sebenar.

Malah sumber yang rapat dengan beliau mengakui sewaktu pergolakan Gestapu di Jakarta, beliau dikatakan berkunjung ke Indonesia. Justeru peranan King Ghaz melakar perdamaian Indonesia-Malaysia bagi menamatkan konfrontasi memang mendapat restu Tun Razak bagi mencapai penyelesaian diplomatik. Memang penganalisis politik ketika itu mendapati rakyat Indonesia majoritinya

menerima baik pendekatan yang digunakan Tun Razak dalam usaha damai menyelesaikan konfrontasi yang sia-sia.

Misalnya Subky Latiff menulis dalam bukunya '**Suka Duka Politik Tun Razak**' (Amir Enterprises, Kuala Lumpur; 1976): "*Pada ketika konfrontasi itu sendiri, sedang orang Indonesia begitu marah kepada Tunku, mereka memberi perhatian yang tersendiri pula tentang Tun Razak. Ramai di antaranya lebih sukakan Tun Razak. Dalam negeri sendiri orang sayangkan Tunku, tetapi orang juga merasakan bila pula Tun Razak boleh merasa jadi Perdana Menteri.*"

Kemarahan rakyat Indonesia terhadap Tunku bukan dipengaruhi gegaran pidato Bung Karno (Presiden Sukarno) yang dianggap pemidato terhebat, tetapi serang balas Tunku terhadap kerajaan pimpinan Bung Karno melukai hati mereka. Dalam keghairahan kempen memberi penerangan mengenai isu konfrontasi, Tunku dikatakan mengkritik regim Bung Karno yang menyebabkan rakyatnya berhadapan dengan kemiskinan, kebuluran dan kekurangan bekalan makanan hingga terpaksa memakan tikus, katak dan lain-lain mamalia.

Sekalipun Tunku mempunyai taqlid tertentu membuat kenyataan tersebut, tetapi sukar diterima oleh sejumlah lebih 90 peratus rakyat Indonesia beragama Islam, malah sudah diiktiraf umum sebagai kependudukan Islam paling

ramai di dunia. Rakyat Indonesia yang dirujuk memakan tikus, katak atau lain-lain mamalia dikategorikan haram mengikut lunas-lunas Islam ialah mereka yang bukan beragama Islam. Sebaliknya Tunku mahu memberi satu gambaran mengenai polisi berkonfrontasi regim Bung Karno menyebabkan rakyatnya berhadapan dengan kemiskinan, kebuluran dan kekurangan bekalan makanan.

Terdapat juga teori kalangan penganalisis politik pada dekad 1960-an itu, regim Bung Karno sebenarnya kagum dengan polisi pembangunan yang ditangani oleh Tun Razak di Malaysia. Bung Karno bimbang sekiranya pembangunan di sempadan wilayah Sarawak dan Sabah berkembang pesat ianya memberi impak kepada kebangkitan dan kesedaran politik rakyat Kalimantan menuntut kuasa autnomi seperti dilakukan oleh Aceh, Sulawesi Selatan dan Irian Barat. Malah rakyat Aceh meneruskan kesinambungan perjuangan Teuku Muhammad Daud Beureuh dan Hassan Salleh sejak 1953 hingga sekarang.

Begitu juga Abdul Kahar Muzakar di Sulawesi Selatan mengikuti jejak Kartosuwirjo di Jawa Barat yang mahu membebaskan diri dari kerajaan Pusat pada 1950. Sejarah di Kalimantan Selatan sendiri pernah bergolak pada dekad 1950-an itu, apabila Ibnu Hadjar melancarkan gerakan menegakkan negara Islam sebagai sokongan kepda Kartosuwirjo dan Abdul Kahar. Malah di Sumatera Barat

sendiri pernah berlaku pemberontakan pada 15 Februari 1958 apabila Sjafruddin Prawiranegara mengisytiharkan pemerintahan baru Pemerintah Revolusineer Republik Indonesia (PRRI) yang berpusat di Padang.

Justeru kepekaan Tun Razak dalam polisi pembangunan di Malaysia ke Sarawak dan Sabah boleh menyemarakkan semula semua kronologi pemberontakan wilayah-wilayah Indonesia sekitar dekad 1950-an itu. Sama ada teori berkenaan benar atau sebaliknya mungkin tersembunyi di sebalik abstrak pidato Bung Karno yang berapi-api dalam polisi 'Ganyang Malaysia' itu. Sekalipun setiap siri pemberontakan dapat dipadamkan, tetapi pertumpahan darah di wilayah yang bergolak tetap mencemar popularitiBung Karno.

Kebangkitan rakyat Indonesia dalam Gestapu tahun 1965 memang didorong oleh sentimen kebencian terhadap Bung Karno yang dilihat terlalu dipengaruhi Parti Komunis Indonesia (PKI) pimpinan D.N. Aidit. Pergolakan dalaman yang meletakkan senario politik di Indonesia tak stabil inilah sebenarnya mencetuskan insiden Gestapu ketika negara itu melancarkan polisi berkonfrontasi terhadap Malaysia. Di samping itu mereka yang terbabit dengan Gestapu pula mengeksploit pembangunan di Malaysia bagi usaha merampas kuasa dilancarkan oleh PKI.

Terdapat juga spekulasi menyebut kegagalan Gestapu 1965 untuk membolehkan PKI merampas kuasa dikaitkan dengan pembabitan pemimpin-pemimpin Malaysia; apatah lagi beberapa sumber dikatakan melihat kelibat King Ghaz di Jakarta ketika itu. Perkara Gestapu tak penting lagi setelah kegagalan PKI menjana agenda yang berselirat, menjerat dan tersirat. Sebaliknya rakyat kedua-dua negara sama ada Malaysia mahupun Indonesia semakin menaruh keyakinan kepada misi damai yang dijalankan oleh Tun Razak dan Tun Adam Malik. Begitulah!

Perjalanan misi damai di Bangkok yang diketuai Tun Razak secara terbuka ditunggu-tunggu oleh semua pihak; tetapi fasa awal pembentukan Malaysia memang banyak yang perlu dirungkai, dikirai dan diburai terlebih dahulu. Seperti diketahui umum Tunku akan membuat keputusan kadangkala tak disenangi oleh majoriti ahli UMNO, sebaliknya Tun Razak tampil memujuk mereka bagi meredakan keadaan. Malah dalam isu pembentukan Malaysia, di peringkat awalnya ahli-ahli UMNO mempertikaikan untung ruginya kepada orang Melayu dengan perluasan sempadan negara melepasi Laut Cina Selatan.

Apabila cadangan Tunku sudah dijadikan polisi kerajaan, Tun Razak menerimanya sebagai satu tanggungjawab parti bagi dilaksanakan sama ada ditolak atau sebaliknya oleh ahli-ahli UMNO. Dalam masa

kemarahan ahli-ahli UMNO meluap, Tun Razak akan tampil bagaikan menyiram air untuk memujuk mereka mengikut landasan yang sudah dirangka mengikut kejuruteraan parti. Tun Dr Ismail pada peringkat awalnya dikatakan tak bersetuju dengan pembentukan Malaysia, kemudiannya berikrar untuk melaksanakan dasar tersebut setelah diberi penerangan oleh Tun Razak.

Bagi penganalisis politik ketika itu menyifatkan Tun Razak mampu menyelesaikan sebarang krisis dalam UMNO, ketika keputusan yang dibuat Tunku tak disenangi majoriti ahli-ahli. Misalnya, ketika UMNO di Perak bergolak apabila menolak kepimpinan Tan Sri Ghazali Jawi selaku Menteri Besar, masalah tersebut diserahkan oleh Tunku kepada Tun Razak bagi mencari penyelesaian. Begitu juga isu pelantikan Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1964, majoriti ahli-ahli UMNO dikatakan menolak kepimpinan Tan Sri Dr Mohd Said Mohamad yang ditunjuk oleh Tunku.

Ketika itu UMNO Negeri Sembilan mendesak Tan Sri Abdul Samad Idris dilantik menjadi Menteri Besar. Tun Razak yang mewakili Tunku bagi menyelesaikan krisis tersebut terus menemui Tan Sri Abdul Samad di Seremban. Menurut Tan Sri Abdul Samad, Tun Razak memberitahunya, "Tak apalah Mat, you masih muda lagi, tengoklah pada pilihanraya akan datang." Berikutan campur tangan Tun Razak krisis berkenaan dapat diselesaikan dengan melantik Tan Sri Abdul Samad selaku Timbalan Menteri Besar.

Sekalipun pada pilihanraya 1969, Tan Sri Abdul Samad terlepas peluang memegang jawatan Menteri Besar Negeri Sembilan, tetapi beliau dibawa ke Pusat dengan diletakkan di bawah kementerian yang dipimpin oleh Tun Razak sendiri. Hubungan setiakawan Tan Sri Abdul Samad dengan Tun Razak sudah terjalin sejak dekad 1950-an lagi, di samping beliau mendapat kepercayaan menyertai biro politik UMNO di bawahnya. Disebabkan hubungan akrab itulah Tan Sri Abdul Samad lebih selesa memanggil Tun Razak dengan panggilan 'abang'.

Pembentukan Malaysia juga mendapat tentangan rakyat Sarawak setelah dipengaruhi pemberontakan A.M. Azahari di Brunei. Bagi mendapat sokongan kalangan masyarakat antarabangsa satu suruhanjaya penyiasat dibentuk bagi menjalankan pungutan suara pada Januari 1962 dikenali Suruhanjaya Lord Cobbold. Pungutan suara pertama dijalankan di Singapura dengan 400,000 menerima penyertaan negeri itu ke dalam Malaysia, manakala 144,000 memberikan undi protes dengan mengembalikan borang kosong. Di Sarawak penyokong Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) pimpinan (Tan Sri) Ong Kee Hui tak berminat mahu menyertai Malaysia pada peringkat awalnya.

Sebelum pungutan suara dijalankan di Sarawak, Tun Razak mengarahkan Setiausaha Agung UMNO ketika itu Tan Sri Ghazali Jawi bersama ahli biro politiknya Tan Sri

Abdul Samad ke Sarawak pada Disember 1961 bagi menjalankan misi memantau gerak kempen SUPP menghasut ketua-ketua kaum menggagalkan pungutan suara. Tun Razak yakin sekiranya ketua-ketua kaum yang tinggal di bahagian hulu boleh dipantau daripada kempen agresif SUPP, pungutan suara di Sarawak akan berjalan lancar menepati seperti yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Cobbold.

Dalam masa Tan Sri Ghazali Jawi berunding dengan pemimpin-pemimpin politik yang menyokong Malaysia, Tan Sri Abdul Samad memudiki Sungai Sarawak dengan menaiki bot enjin sangkut terus ke Sungai Rajang serta hulu-hulu sungai yang terpencil jauh di pendalaman. Laluan ketika itu memang masih menggunakan pengangkutan konvensional dengan berhati-hati kerana kayu-kayu balak hanyut boleh menenggelamkan bot enjin sangkut. Bagi memenuhi arahan Tun Razak menjalankan misi tersebut, Tan Sri Abdul Samad terpaksa cekalkan hati berdepan dengan fenomena alam yang mendebar, menggusar dan menggetar itu.

Perjalanan yang bermula di sebelah pagi di Kuching menuju ke beberapa destinasi di kawasan hulu sungai memakan masa hingga jam 12.00 malam. Dengan bantuan kalangan pemimpin tempatan, Tan Sri Abdul Samad berjaya memujuk ketua-ketua kaum di setiap rumah panjang ikut turun ke Kuching menjelang pungutan suara dijalankan.

Sepanjang perjalanan sama ada memudiki sungai mahupun menghilir, bot yang dinaiki terpaksa berhenti beberapa kali di tengah arus deras bagi mengelakkan diterjah kayu-kayu balak hanyut dan sampah sarap yang melekat pada enjin sangkut.

Menjelang subuh Tan Sri Abdul Samad berjaya membawa semua ketua-ketua kaum di setiap rumah panjang menghilir ke Kuching bagi menjauhkan mereka dipengaruhi gerak kempen agresif SUPP. Kejayaan Tan Sri Abdul Samad membawa ketua-ketua kaum di rumah panjang dalam misi tersebut (diistilahkan oleh pengkritik politik ketika itu sebagai 'melarikan' – menurut Tan Sri Abdul Samad) itulah sebenarnya kunci keberhasilan atau tidak pungutan suara di Sarawak.

Ternyata Tun Razak melaksanakan setiap pendekatan yang pintar bagi menangani setiap kemelut, setelah Tunku menjana sebarang polisi yang sulit dipraktikkan mengikut perancangan. Tak hairanlah Tunku sendiri mengakui beliau bernasib baik mendapat Tun Razak selaku timbalannya sama ada pada period pra kemerdekaan mahupun selepas menjadi Perdana Menteri. Kesetiaan Tun Razak terhadap kepimpinan Tunku dan UMNO juga merupakan kunci kejayaan parti itu mendominen kuasa politik nasional.

Keberkesanan Menangani Krisis

Pendekatan intelektual yang dibuat oleh Tun Razak dalam menangani krisis mudah diterima oleh ahli-ahli UMNO disebabkan beliau sentiasa mengelakkan diri daripada terlalu banyak politiking. Tan Sri Senu Abdul Rahman ketika memegang jawatan Setiausaha Agung UMNO pada 1978 pernah memberitahu penulis, beliau menghormati kepimpinan Tun Razak adalah berdasarkan mereka sama-sama menolak *intrigue* politik. Sekalipun Tan Sri Senu dilabel sebagai 'orang Tunku', tetapi beliau menjelaskan sama seperti Tun Razak mereka adalah 'orang Melayu'.

Justeru dalam isu ketuanan Melayu mereka akan membawa UMNO tak berkompromi mempertahankan retorik tersebut. Tak dinafikan memang Tun Razak berhadapan dengan spekulasi mengenai penentang-penentangnya di dalam UMNO sendiri. Disebabkan sudah terdapat banyak spekulasi mengenai beberapa tokoh mahu menyaingi Tun Razak selaku Timbalan Yang Dipetua Agung UMNO, tak lama selepas pilihanraya 1964 Tunku lantas membuat pengumuman, Tun Razak adalah bakal penggantinya.

Sebaliknya Tun Razak sendiri tak memberi sebarang reaksi terhadap spekulasi yang membabitkan kedudukan politik beliau, sekalipun beberapa nama disebut-sebut mampu menyaingi ketokohan beliau. Misalnya pada awal

dekad 1960-an memang populariti Aziz Ishak dikatakan memuncak di kalangan orang Melayu kerana kepekaan beliau menangani masalah petani-petani dan nelayan-nelayan menerusi program yang dirancang di bawah kementeriannya. Syarikat kerjasama, projek kilang kertas dan kilang baja urea memang dianggap mampu meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu di luar bandar.

Bagaimanapun selepas Aziz Ishak dipecat dari UMNO, Tun Razak mula merangka skim Felda dan pembangunan luar bandar yang lebih sistematik. Selepas Aziz Ishak tak bersama UMNO memang spekulasi mengenai saingan Tun Razak kurang diberi perhatian oleh pengnalisis politik. Sebaliknya kepulangan Tan Sri Senu pada 1964 dilihat terlalu menonjol; apalagi dengan pengalaman luasnya setelah dilantik menjadi Duta Besar ke Jerman. Beliau juga terbabit merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, menyebabkan Tun Sardon Jubir terpaksa memberi laluan kepadanya.

Populariti Tan Sri Senu dikatakan mampu memberi saingan kepada Tun Razak, apabila dengan kapisiti selaku Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Penerangan sentiasa menonjolkan program yang menarik. Sewaktu memimpin Pemuda UMNO, Tan Sri Senu dilihat lebih agresif dengan menganjurkan siri latihan 'Pemuda Tahan Lasak' yang mirip perkhemahan bina semangat. Hasil kertas kerja yang dibentangkan dalam kursus Pemuda UMNO ini dikompilasi

dijadikan buku dengan judul 'REVOLUSI MENTAL'. Tetapi Tun Razak tak pernah mengambil hirau mengenai spekulasi tersebut kerana beliau dikatakan tak percaya dengan *intrigue* politik.

Malah disebalik wajahnya yang serius itu, Tun Razak juga gemar berjenaka secara spontan ketika spekulasi mengenai Tan Sri Senu seolah-olah mahu menyainginya. Dalam satu insiden di dewan bangunan Kolej Pertanian Serdang (sekarang UPM – Universiti Putra Malaysia) ketika penubuhan Gerakan Belia 4B, Tun Razak diundang khas bagi merasmikan pada 1966. Menurut salah seorang pengasas Gerakan Belia 4B dari Negeri Sembilan, Dato' Laksamana Haji Ismail Abdul Kadir, upacara perasmian tersebut turut dihadiri oleh Menteri Muda Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato' Engku Mohsein Abdul Kadir.

Ketika itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dipegang oleh Tunku sendiri selain merangkap Perdana Menteri. Setelah semua jemputan khas naik ke pentas, kebetulan pula Tan Sri Senu atas kapisitinya Ketua Pemuda UMNO terlambat sampai ke majlis tersebut. Sebaik sahaja Tan Sri Senu naik ke pentas lantas Tun Razak menyebut spontan dalam nada berseloroh: "Hah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang baru dah sampai." Bukan sahaja para jemputan khas tertawa, malah Tan Sri Senu juga turut ketawa dengan usikan Tun Razak.

Secara tak langsung sikap berjenaka yang ditunjukkannya memang Tun Razak tak pernah hiraukan mengenai spekulasi Tan Sri Senu mahu menyaingi kedudukannya selaku timbalan ketua parti. Apalagi ketika itu mengikut hiraki UMNO tokoh selepas Tun Razak bukanlah Tan Sri Senu, tetapi Tun Dr Ismail yang memegang jawatan Naib Presiden paling kanan. Di samping Tan Sri Senu yang disebut-sebut berpotensi melonjak dalam kepimpinan UMNO ketika itu ialah Tan Sri Khir Johari yang mengambil alih kedudukan Setiausaha Agung UMNO dari Tan Sri Jaafar Albar akibat krisis penyingkiran Singapura pada 1965.

Malah Tan Sri Senu dan Tan Sri Khir pula dilabel sebagai 'orang Tunku' dalam usaha menyaingi kedudukan Tun Razak. Sebaliknya Tunku semasa diwawancara ketika penulis membantu Tan Sri Abdul Samad Idris menyiapkan buku '25 TAHUN MERDEKA' pada 1982 mengakui hubungannya dengan kedua-dua tokoh berkenaan tak seakrab Tun Dr Ismail dan Tan Sri Syed Jaafar Albar. Di samping itu Tunku juga tak menafikan beliau kurang senang dengan bekas pemimpin-pemimpin SEBERKAS di Kedah termasuk juga Tan Sri Senu dan Tan Sri Khir.

Berulang kali Tunku menjelaskan rakan kabinet yang paling disenanginya ialah Tun Dr Ismail dan pemimpin UMNO ialah Tan Sri Syed Jaafar Albar. Di samping mengakui kedua-dua tokoh itu sering mengkritiknya dalam MT parti,

tetapi Tunku memberitahu, "Jiwa raga depa berdua tetap setia dengan UMNO, tak pernah goyah!". Wallahu'alam! Bagi Tunku kesetiaan Tun Razak sebagai sahabat tak boleh dipertikaikan, tetapi perlu juga 'sauh' bagi mengukuhkan persahabatan yang terjalin (*lihat wawancara penuh '25 TAHUN MERDEKA'; Abdul Samad Idris; Pustaka Budiman, Kuala Lumpur; 1982*).

Di tengah kemelut spekulasi mengenai saingan Tun Razak ketika itu, pada 1 Jun 1967 Tun Dr Ismail membuat kenyataan mengejut meletakkan jawatan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang disandangnya sejak 1959. Tak pula diketahui punca sebenar Tun Dr Ismail mengambil keputuusan tersebut, sekalipun terdapat andaian krisis beliau dengan Tunku sudah sampai ke kemuncaknya. Beliau hanya meletakkan jawatan menteri kabinet, sebaliknya terus kekal selaku Naib Yang Dipertua Agung UMNO serta Ahli Parlimen Johor Timur. Seterusnya pada pilihanraya 1969, Tun Dr Ismail masih bertanding selaku calon UMNO mempertahankan kerusi berkenaan.

Langkah Tun Dr Ismail meninggalkan kabinet seolah-olah menepati ramalan awal terdapat tokoh lain mahu menyaingi kedudukan Tun Razak.Apalagi kedudukan Tun Dr Ismail sebagai tokoh ketiga dalam hiraki UMNO dianggap menjadi benteng kepada mana-mana pemimpin yang berhasrat menyaingi Tun Razak dalam pemilihan jawatan tertinggi parti yang diadakan setahun sekali ketika

itu. Spekulasi mengenai krisis Tunku-Tun Dr Ismail dapat dianalisis peada kenyataan beliau di TV pada 1 Jun 1967 itu dengan menyebut:

"Sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya mempunyai banyak kuasa-kuasa dan sebagai menteri kabinet saya telah mendapat kehormatan-kehormatan dan juga hak-hak istimewa berserta kemegahan yang diselindung oleh jawatan yang berkenaan. Sudah barang tentu, saya akan kehilangan ke semuanya ini. Tetapi kehilangan saya yang teramat besar sekali, adalah saya tidak akan dapat lagi berkhidmat pada rakyat dan juga kepada negara ini dengan sepenuh minat."

Dalam keperihalan yang menyangkut krisis dalaman UMNO, Tun Razak dilihat tak pernah memberikan sebarang komen termasuk peletakan jawatan Tun Dr Ismail. Apabila mengambil alih kementerian yang ditinggalkan oleh Tun Dr Ismail, Tun Razak juga berhadapan dengan isu keselamatan yang rumit. Misalnya pada 1968 berlaku HARTAL di Pulau Pinang yang dilancarkan oleh gerakan subversif memaksa pekedai-pekedai menutup pintu premis bagi melemahkan ekonomi. Tun Razak telah mengambil langkah drastik mengisytiharkan darurat serta perintah berkurung di Pulau Pinang, termasuk sebahagian negeri Kedah.

Pergolakan UMNO ketika itu jelas dibayangkan oleh Tunku dalam ucapan dasarnya dalam Persidangan Agung UMNO ke 21 pada 14-15 September 1968. Persidangan buat pertama kali dihadiri 1,400 perwakilan di Pavillion Rothman kawasan MAHA, Jalan Kelang Lama di Kuala Lumpur itu selaras dengan pertambahan ahli-ahli UMNO. Dalam persidangan itu sudah mula kedengaran desakan meminta calon-calon UMNO menjelang pilihanraya 1969 dibarisi golongan intelektual muda. Justeru Tunku dalam ucapan dasar menegaskan:

"Pada masa akhir-akhir ini saya nampak ada setengah-setengah pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan Bahagian kerana mencari publisiti dirinya telah memberi sokongan dan persetujuan di atas sesuatu perkara dengan tidak pun memikirkan baik dan buruk akibatnya. Sikap yang seumpama ini jika terbawa ke peringkat yang lebih atas lagi boleh membawa kerosakan kepada parti kita. Walau bagaimanapun saya tahu sebahagian besar pemimpin-pemimpin UMNO mempunyai sikap yang jujur dan berpengetahuan dan bekerja bertungkus lumus bukanlah semata-mata untuk mencari kedudukan bagi dirinya. Di antara ahli-ahli parti kita ada yang tidak patuh kepada disiplin. "

Segala isu pergolakan UMNO yang dimanupulasi menjelang pilihanraya 1969, mungkin menjadi *turning point* kepada kemerosotan populariti UMNO pada

pilihanraya 1969 itu. Tun Razak sendiri mengalami kemerosotan majoriti di Parlimen Pekan sekalipun mendapat 12,641 undi berbanding calon Pas, Yazid Jaafar 3,716. Pilihanraya 1964 Tun Razak menang dengan majoriti 10,147, ternyata merosot kepada 8,923 undi. Di samping itu Tunku yang mempertahankan kerusi Kuala Kedah hanya menang dengan 3,504 majoriti ke atas calon Pas, Abdul Aziz Abdullah berbanding pencapaian pada 1964 sebanyak 11,647 undi.

Trend Dan Pendekatan Baru

Trend atau kecenderungan dalam pendekatan politik yang dibawa Tun Razak, mungkin tak jauh bezanya berbanding dengan Dato' Seri Najib. Pergolakan UMNO pada dekad 1960-an ternyata mempunyai persepsi mencari penyelesaian sebelum menjadi kemelut, kalut dan berserabut. Bagaimanapun dalam beberapa insiden termasuk naratif membabitkan akhbar Kompas di Indonesia, Dato' Seri Najib dilihat berhati-hati sebelum membuat sebarang kenyataan balas.

Tak semena-mena isu pencerobohan perairan Malaysia oleh pihak miritim Indonesia dilaporkan oleh akhbar Kompas, Dato' Seri Najib pula yang meminta maaf. Bagaimana isu berkenaan dieksploit memang kurang jelas, tetapi Dato' Seri Najib tak terburu-buru membuat penafian mengenai isu beliau meminta maaf kepada Indonesia.

Sebelumnya Dato' Seri Najib seolah-olah dijadikan lapangan sasar oleh beberapa pihak di Indonesia apabila mengkritik pendirian Malaysia termasuk yang berkaitan pengampunan kepada pendatang tanpa izin dari negara berkenaan.

Begitu juga dengan kontroversi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang terlalu banyak menimbulkan kekecohan di kalangan pelatih dan pentadbir, Dato' Seri Najib tak terburu-buru memberikan reaksi. Bagi penganalisis politik melihat PLKN pada 2005 tak banyak berbeza dengan Latihan Belia Pelopor Negara yang diwujudkan oleh Tun Razak selepas tragedi 13 Mei 1969. Latihan Belia Pelopor Negara merupakan program kursus jangka pendek selama tiga bulan bagi melatih belia-belia menganggur ketika itu memiliki kemahiran kerjaya sebelum diserapkan mendapat peluang pekerjaan.

Kadar pengangguran yang serius di kalangan belia Melayu sebelum pilihanraya 1969 dikatakan menimbulkan rasa tak puas hati di kalangan masyarakat hingga anjakan undi di luar bandar terhadap UMNO tak dapat dielakkan. Justeru Latihan Belia Pelopor Negara dijadikan alternatif kepada program di kementerian kebudayaan, belia dan sukan yang sudah dilaksanakan di Pusat Latihan Belia Negara di Dusun Tua, Hulu Langat dengan kursus jangka panjang. Menerusi program Latihan Belia Pelopor Negara itu, belia-belia yang tamat Darjah Enam di sekolah rendah

juga diberi peluang mengikuti kursus di Pusat Latihan Belia Negara di Dusun Tua.

Selepas menamatkan kursus dalam tempoh tiga bulan, belia-belia yang tak memiliki pendidikan menengah ditawarkan peluang pekerjaan buruh am di jabatan-jabatan sama ada jabatan kerjaraya, jabatan parit dan taliair, jabatan kesihatan dan Keretapi Tanah Melayu yang terdapat banyak kekosongan. Bagi belia-belia yang memiliki SRP dan SPM diberi peluang diserapkan dalam kerja-kerja pejabat termasuk perkeranian, juruteknik atau jurugegas di beberapa jabatan lain termasuk pejabat daerah, lembaga letrik negara (LLN, sekarang Tenaga Nasional Berhad), telekom malah Perkhidmatan Pernerbangan Malaysia (MAS) juga.

Program di Dusun Tua memang 'separa tentera' seperti keperihalan PLKN yang dikatakan keras, lasak dan menyentak! Disebabkan PLKN disasarkan kepada remaja berusia 17 tahun tak mengira masih bersekolah, menganggur atau sudah berkahwin, justeru ianya menimbulkan kontroversi. Apalagi dalam isu di Perlis apabila belia dari kalangan keluarga miskin dijatuhkan hukuman penjara pada Mei 2005 kerana ingkar mengikuti program tersebut. Sebelumnya seorang ibu beranak kecil disebabkan kahwin dalam usia masih muda, terpaksa meninggalkan anak dan suami semata-mata bimbang dikenakan hukuman.

PLKN yang dikuatkusakan di bawah undang-undang perkhidmatan negara (NS) tiba-tiba sahaja mengundang kontroversi, walhal program Latihan Belia Pelopor Negara pada 1969 menjadi rebutan kepada belia-belia Melayu di luar bandar. Mereka menyerbu ke pejabat jabatan kebudayaan, belia dan sukan di daerah-daerah hingga terpaksa berbaris menunggu giliran untuk ditemuduga. Belia-belia yang tak pernah menyertai persatuan tak berasa segan menemui pemimpin belia tempatan bagi mendapatkan surat sokongan iaitu memperakui mereka ahli persatuan belia yang aktif.

Latihan 'separa tentera' yang diamalkan di Dusun Tua bukan sahaja kasar, lasak dan menyentak, malah pelatih-pelatih ketika itu mengakui sentiasa menjadi bahan ejekan, gurauan dan usikan jurulatih yang bertugas. Sepanjang mengikuti program tersebut selama tiga bulan, belia-belia terbabit menyedari selepas berkurus mereka sudah ditawarkan peluang pekerjaan. Faktor diwujudkan program Latihan Belia Pelopor Negara oleh Tun Razak pada 1969, mungkin tak sama dengan fenomena penubuhan PLKN menerusi inisiatif Dato' Seri Najib pada 2004. Entahlah!

Tetapi ternyata setiap program yang dipelopori oleh Tun Razak memang menarik minat semua pihak seperti keperihalan skim Felda atau sebelumnya 'tanah pinggir' di peringkat negeri-negeri. Laporan sumber peneroka

menyebut terdapat pejabat daerah yang mengendalikan pengambilan peneroka Felda sekitar dekad 1960-an, dalam masa menemuduga sengaja membuli pemohon. Kononnya mereka diminta berlari di sekeliling meja pejabat, melompat atau menyusup sebelum permohonan memasuki skim Felda diterima.

Taktik tersebut dilakukan kononnya bagi memastikan setiap peneroka yang dipilih menyertai Felda, terdiri daripada mereka yang rajin, kuat bekerja atau mampu bertahan. Mungkin pendekatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang menemuduga mereka bukan arahan Tun Razak, tetapi peneroka-peneroka tak membantah asal sahaja peluang menyertai Felda diterima. Maknanya, mereka memilih menjadi peneroka dalam skim Felda seolah-olah memberi komitmen terhadap rancangan yang dipelopori oleh Tun Razak. Agaknya!

Dato' Seri Najib mempunyai pendekatan yang sama dengan Tun Razak, tetapi entah kenapa PLKN yang dipeloporinya sering menimbulkan kontroversi. Tak sama dengan program Latihan Belia Pelopor Negara yang dilaksanakan oleh Tun Razak mendapat sambutan di kalangan belia-belia menganggur. Bagaimanapun ciri-ciri latihan 'separa tentera' yang diterapkan dalam program Tun Razak itu, memang seolah-olah diadaptasi pada latihan 'ala tentera' yang dipelopori oleh Datuk Seri Najib sekarang.

Dalam isu seorang belia di Perlis dijatuhkan hukuman penjara kerana ingkar mengikuti program PLKN, Dato' Seri Najib mengambil pendekatan yang positif. Selepas beberapa hari isu mengenai kes tersebut menjadi kontroversi, beliau memberi penjelasan sekiranya setiap pihak menangani mengikut 'budi bicara', isu tersebut boleh diselesaikan secara baik. Sebaliknya Tun Razak tak menghadapi sebarang kontroversi ketika program Latihan Belia Pelopor Negara atau dikenali 'Belia Pelopor' sahaja dilaksanakan, malah belia-belia di seluruh negara sentiasa menunggu-nunggu jawapan untuk dipanggil segera ke Dusun Tua.

Mungkin Tun Razak tak menggunakan kuatkuasa undang-undang mewajibkan belia-belia terbabit menyertai program tersebut, tetapi menawarkan peluang pekerjaan apabila menamatkan latihan kursus jangka pendek. Bagi Tun Razak program latihan itu lebih penting diberikan kepada belia-belia, tetapi cara mana menarik minat mereka mengikuti latihan 'separa tentera'? Peluang pekerjaan yang ditawarkan sekadar model sahaja, bukan matlamat yang disasarkan kepada belia-belia berkenaan.

Dalam persaingan global pada 2005 sekarang, Malaysia berhadapan pula dengan isu hampir 80,000 graduan menganggur. Terdapat laporan meneyebut kalangan intelektual Melayu turut membincangkan isu tersebut, di samping mendapati kelemahan struktor di kementerian

sumber manusia yang merumitkan, menyulitkan dan menyakitkan lagi kadar pengangguran yang melonjak. Tak tahulah sama ada Dato' Seri Najib akan menelusuri semula atau tidak program Latihan Belia Pelopor Negara yang pernah ditonjolkan oleh Tun Razak dulu.

Mungkin perbezaan pendekatan sahaja yang menampakkan terdapat kelainan.





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

6

MENGUKIR MERTABAT BANGSA: AGENDA YANG BERKESINAMBUNGAN

TERLALU banyak sorotan, catatan dan rumusan sudah disimpulkan mengenai tragedi 13 Mei 1969 yang kemudiannya memunculkan Tun Razak menjadi benteng meredakan kemelut bertindan-tindan selepas Pilihanraya Umum pada 10 Mei 1969. Tak dapat dinafikan kemerosotan sokongan terhadap kerajaan Perikatan (UMNO-MCA-MIC) ketika itu berikutan anjakan pengundi bukan Melayu di bandar secara mendadak. UMNO yang meletakkan 67 calon bertanding di kerusi Parlimen sekadar berjaya memenangi 51 kerusi sahaja, sekalipun prestasi tersebut bukanlah merudum sangat.

Anjakan pengundi bukan Melayu amat ketara di Lembah Kelang, Selangor dan Lembah Kinta di Perak menyebabkan ramai tokoh-tokoh MCA menggelepar, terbebar dan tercabar. Di kalangan pemimpin UMNO juga turut menerima musibah termasuk Menteri Penerangan ketika itu Senu Abdul Rahman (Kubang Pasu Barat, Kedah); Setiausaha Agung UMNO Dato' Hussein Noordin (Parit, Perak); Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan; Ibrahim Abdul Rahman (Seberang Tengah, Pulau Pinang) dan ahli MKT Dr Mahathir Mohamad (Kota Setar Selatan, Kedah).

Dalam bukunya '*Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*' bekas wartawan dan aktivis UMNO Ibrahim Mahmood mengakui kemerosotan undi yang diterima UMNO pada sesi pilihanraya 1969 itu akibat terdapat bibit perpecahan di peringkat akar umbi. Seperti dijelaskan oleh Ibrahim,

"Kerana berikutan dengan peristiwa yang tidak diingini itu, bibit-bibit perpecahan telah terbit di dalam UMNO sendiri. Tuduh menuduh dan salah menyalah telah menjadi-jadi di dalam UMNO daripada peringkat bawah hingga ke atas. Pucuk pimpinan UMNO pada suatu ketika telah bergoncang sehingga Majlis Kerja Tertinggi terpaksa mengambil langkah-langkah disiplin yang tegas bagi muslihat perpaduan."

Kemelut yang bergolak berikutan tragedi 13 Mei itu memang sudah diterima umum sebagai musibah besar menimpa negara kerana membabitkan rusuhan kaum yang hampir sukar dibendung. Di luar penilaian mahu meletakkan beban kesalahan pada mana-mana pihak, ketika itu semua lapisan rakyat memerlukan kerharmonian hidup bagi memulakan lembaran sejarah yang baru. Tunku yang membentuk semula kerajaan selepas mendapat mandat pada 10 Mei 1969, berhadapan dengan situasi paling sukar apabila ibukota Kuala Lumpur berbobrokan tak ketahuan.

Tun Dr Ismail yang mengambil keputusan bersara pada 1967, lantas menawarkan diri menyertai semula kabinet ketika pergolakan semakin memuncak. Bagi membendung kebobrokan yang meledak itulah perintah darurat diisytiharkan dengan kuasa Parlimen digantung dalam usaha memulihkan kekacauan; kuasa Parlimen yang digantung pula digantikan dengan Majlis Gerakan Negara

(MAGERAN) yang ditubuhkan pada 16 Mei 1969. Tun Razak dilantik menjadi Pengarah Mageran, di samping anggota-anggotanya termasuk Tun Dr Ismail, Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail (Ketua Eksekutif), Tun Tan Siew Sin, Tun V.T. Sambanthan, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Hamzah Abu Samah, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (Penolong Setiausaha Mageran) dan beberapa lagi.

Ketika itu King Ghaz, Tan Sri Hamzah dan Dato' Seri Abdullah masih belum terbabit dalam politik, tetapi dilantik meganggotai Mageran atas kapisiti sebagai pegawai tinggi kerajaan. Tugas utama Mageran ialah memulihkan semula keamanan di Malaysia yang tercemar, tercalar dan tersasar seolah-olah empangan terpokah dengan rempuhan air melimpah tak terbendung. Di bawah pentarbiran Mageran, Tun Razak membawa aliran baru memantau perpaduan masyarakat dengan memperkenalkan etika tata negara yang dikenali 'Rukun Negara'.

Sekalipun lima lunas yang termaktub dalam 'Rukun Negara' dianggap mudah, tetapi dirumuskan sebagai dasar amali bagi membendung keresahan di kalangan rakyat ketika itu. Dalam tempoh singkat Tun Razak bersama kepimpinan Mageran berjaya pulihkan semula keadaan yang bertindan-tindan dengan permasalahn di kalangan etnik kerana tak seimbang pencapaian ekonomi, pendidikan dan sosial masing-masing. Justeru banyak analisis yang dirumuskan sebelum ini memang terlihat kekeliruan fakta,

tetapi formula yang digunakan oleh Tun Razak dalam mencari penyelesaian ialah menolak sebarang pandangan negatif.

Laporan '*The May 13 Tragedy*' yang dikeluarkan oleh Mageran bertarikh 9 Oktober 1969 misalnya memberikan fokus kepada ketegangan kaum yang dicetuskan kalangan anasir-anasir subversif. Kronologi ketegangan kaum dikatakan bermula sejak 1 Mei 1959 berikutan satu insiden perbalahan di kalangan nelayan di Sungai Pinang, Pulau Pangkor di Perak. Apabila imam masjid di situ memanggil jemaah kariah berkumpul dalam usaha membincangkan langkah-langkah keselamatan, mereka telah dikepung oleh kira-kira 60 nelayan keturunan Cina. Beberapa siri ketegangan kaum selepas itu disimpulkan sebagai gerakan yang dilancarkan oleh anasir subversif bagi menyuntik bibit-bibit kebimbangan, keresahan dan kecurigaan di kalangan etnik.

Megaran mengambil langkah positif memperkenalkan etika ketata-negaraan 'Rukun Negara' diikuti dengan 'Majlis Perpaduan Negara'. Wakil-wakil parti politik termasuk pembangkang, kalangan profesional dan cendekiawan ditawarkan menganggotai 'Majlis Perpaduan Negara', tetapi DAP menolak dengan memberi alasan tak menepati agenda mereka. Kononnya dua wakil DAP ditawarkan menganggotai Majlis berkenaan, tetapi mereka

mendesak Tun Razak menerima Ahli Parlimennya yang ditahan di bawah ISA dilantik ke dalam Majlis berkenaan.

Bagaimanapun Tun Razak tak berkompromi dengan wakil parti-parti politik yang ditawarkan kerusi Majlis Perpaduan Negara, menyebabkan DAP memulaukan Majlis tersebut setelah wakil yang mereka kemukakan ditolak. Gimmik politik yang sengaja di instrumen oleh DAP ialah mahu membebaskan wakil mereka yang ditahan di bawah ISA itu sekiranya tuntutan mereka diterima oleh Tun Razak. Ketegasan Tun Razak dalam menangani tuntutan DAP juga menjadikan parti berkenaan kebingungan, kecundang dan tak ketahuan.

Selepas darurat ditamatkan pentadbiran Mageran terus digerakkan hingga pemulihan kuasa Parlimen pada 22 September 1970. Perubahan senario semakin jelas apabila Tunku mengambil keputusan drastik meletakkan jawatan, di samping pelantikan Yang Dipertuan Agung digilirkan kepada Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Syah ibni al-Marhum Sultan Badli Syah. Alasan yang diberikan oleh Tunku dikira logik, kerana sukar baginya sebagai Perdana Menteri berurusan dengan anak saudaranya sendiri apabila menaiki takhta selaku Yang Dipertuan Agong.

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya dalam perjumpaan dengan semua pemimpin UMNO peringkat Bahagian di seluruh negara yang berlangsung di Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP), Tunku menyerahkan kepimpinan parti dan kerajaan kepada Tun Razak. Sekalipun terdapat pelbagai spekulasi dalam rentetan peralihan kuasa yang dikatakan berjalan lancar itu, tetapi Tunku tak menyembunyikan reaksi sebenar sambil menyebut mengenai pelantikannya menjadi Setiausaha Agung Komanwel Islam (sekarang dikenali Persidangan Negara-Negara Islam – OIC) mendorong beliau meletak jawatan. Sewaktu menegaskan pemilihan Tun Razak selaku penggantinya mengetuai parti dan kerajaan, Tunku menyebut:

"Mengenai Tun Razak menggantikan saya, tuan-tuan dan puan-puan telah kenalkan dia. Selama 15 tahun kita telah katakan jawatan ini akan diberikan kepadanya. Saya berikan kuasa kepadanya menjalankan apa sahaja yang dikehendaki dengan tidak disekat satu apa perkara pun, dengan tidak menunjukkan rasa dengki dan cemburu kepadanya. Sekiranya orang sebut Tun Razak baik, saya tambah lagi, tetapi kalau orang kata Tun Razak jahat, saya marah."

"Beginilah kita telah bekerjasama beramai-ramai; begitulah dengan ahli-ahli kabinet saya. Beberapa kali Tun (Dr) Ismail hendak berhenti kerja. Dia ni suka merajuk. Ada sekali, tiga kali dia ulang mari ke rumah saya hendak letak jawatan. Saya duduk sembunyi di dalam bilik tidur, suruh orang bagi tahu dia, saya tidak ada di rumah. Tetapi

itulah hati orang yang bersih, hati orang baik. Sekejap sahaja bersih, sekejap sahaja hilang. Apabila saya dok tanya di belakang, bagaimana Tun Dr Ismail, orang kata elok dah ia ni, dia dah main golf. Barulah saya tunjuk muka."

Sikap Tunku memang sudah diketahui umum, tak mudah mahu menyingkirkan rakan dalam kabinet. Malah Aziz Ishak sendiri khabarnya pernah beberapa kali dipujuk supaya tak meletakkan jawatan pada awal dekad 1960-an. Beliau juga menerima kembali mereka yang pernah menentang UMNO seperti Tan Sri Nik Ahmad Kamil (Kelantan), Tan Sri C.M. Yusoff (Perak) Dato' Mohd Nazir Abdul Jalil (Selangor) dan Dato' Othman Abdullah (Perak). Sewaktu berkunjung menemui Tunku di kediamannya pada 1982, penulis sendiri melihat bekas penentang Parti Perikatan, Lim Kean Siew dan P.G. Lim baru sahaja selesai menghadiri mesyuarat bersamanya.

Justeru sedutan ucapan Tunku pada perjumpaan pemimpin-pemimpin UMNO menyebut keyakinan beliau terhadap kepimpinan Tun Razak dan Tun Dr Ismail bukan didorong muslihat politik. Umum mengetahui kecemerlangan UMNO bermula pada period awal dekad 1950-an memang terletak pada kesungguhan tiga serangkai Tunku, Tun Razak dan Tun Dr Ismail. Mereka bercanggah pendapat dalam beberapa isu seperti disebut Aziz Ishak dalam bukunya '*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman*',

tetapi masing-masing mampu membendungnya hingga tak bocor kepada pihak media. Begitulah!

Menjana Dasar Ekonomi

Trend atau kecenderungan pelajar-pelajar Indonesia sebagai pendorong kepada kejatuhan Ir Sukarno dalam tragedi Gestapu 1965 turut menular ke Malaysia, apabila golongan pelajar di institusi pengajian tinggi aktif sebagai tenaga pendesak. Forum yang membabitkan aktivis politik yang kritis sering dibawa ke kampus termasuk di kalangan UMNO sendiri. Antara tokoh UMNO yang menjadi idola kalangan pelajar-pelajar di IPTA ialah Ahli Parlimen Kota Setar Selatan (Tun) Dr Mahathir Mohamad, bukan sahaja lantang bersuara di Parlimen malah sentiasa mendapat perhatian di luar Parlimen.

Sejak 1967 lagi Tun Dr Mahathir sudah membincangkan kadar kemiskinan orang Melayu, di samping secara sinis menolak pendekatan 'tolak ansur' yang dianggap begitu sinonim dengan Tunku. Dalam masa yang sama Setiausaha Kerja UMNO ketika itu (Tan Sri) Musa Hitam turut berperanan menimbulkan keperihalan tak seimbang pencapaian bumiputera dan bukan bumiputera dalam sektor ekonomi, pendidikan mahupun sosial. Sebagai tindak balas aktivis DAP pula memainkan sentimen 'hak istimewa Melayu' dan perjawatan dalam perkhidmatan kerajaan yang bertingkat-tingkat, berperingkat-peringkat dan bersekat-sekat.

Klimeks peristiwa berdarah13 Mei 1969 itu, Tun Razak tak berkompromi memantau setiap punca pencetus kebobrokan tersebut. Tun Dr Mahathir misalnya dipecat keahlian UMNO, sementara Tan Sri Musa Hitam disingkir daripada memegang jawatan timbalan menteri di Jabatan Timbalan Perdana Menteri. Mereka berdua dilabel sebagai penggerak golongan 'orde baru', seperti berlaku dalam pergolakan politik di Indonesia apabila ianya dikatakan persaingan antara 'orde lama' dan 'orde baru'. Tun Razak mengambil langkah memecat penggerak 'orde baru' di Malaysia itu setelah Tunku tak menyenangi *approach* politik mereka.

Pemecatan Dr Mahathir dan penyingkiran Musa Hitam dianggap penganalisis politik ketika itu sebagai 'kesementaraan' sahaja, kerana dalam pentadbiran Tun Razak idea pemikiran kedua-dua aktivis muda itu mendapat perhatian. Saranan mengenai tahap pencapaian bumiputera dalam ekonomi yang jauh keciciran yang pernah disuarakan Dr Mahathir dan Musa Hitam sebelumnya, membolehkan Tun Razak menjana kelangsungan penyusunan semula masyarakat menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pelaksanaan DEB mendapat sokongan semua pihak berlandaskan matlamat konkrit 'serampang dua mata', memang tak disenangi oleh DAP. Bagaimanapun pengalaman Tun Razak dalam politik negara yang jauh

berbeza dari pemimpin-pemimpin DAP yang mahu menunjukkan agresif, mudah dijinakkan oleh Tun Razak bagai mematikan suis enjin kereta sedang menggegar. Dalam persidangan awal Parlimen misalnya, DAP yang menonjolkan Ahli Parlimen Bandar Melaka (sekarang Kota Melaka) Lim Kit Siang sebagai juara mereka, tiba-tiba tersentak dengan 'ujian pertama' Tun Razak.

Ketika itu 13 Ahli Parlimen DAP sudah bersiap sedia mahu memperagakan kehebatan mereka menyaingi tokoh-tokoh pembangkang lain termasuk Tan Sri Asri Muda (Pas-Kota Bharu Hulu), Tan Sri Dr Tan Chee Khoon (Gerakan-Batu), Tun Dr Lim Chong Eu (Gerakan-Tanjong) Tan Sri Ong Kee Hui (SUPP-Bandar Kucing) atau S.P. Seenivasagam (PPP-Menglembu). Sebaliknya apabila Tun Razak sendiri membawa usul mengenai kedudukan Lim Kit Siang hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen kerana melanggar Akta Pilihanraya, DAP meyedari pengalaman amat berharga dalam mendepani ego politik.

Sebelum itu dikatakan Lim Kit Siang selaku wakil calon pada pilihanraya kecil Parlimen Segamat Utara di Johor tak menghantar penyata perbelanjaan dalam tempoh 30 hari selepas pengundian. Perangkap Tun Razak mengena apabila kata dua yang diberi menerusi usul tersebut terpaksa dipatuhi iaitu wakil berkenaan diperlukan mendapat pengampunan Yang Dipertua Agong bagi mengekalkan kerusinya. Selepas insiden tersebut Ahli-Ahli

Parlimen UMNO sering 'membuli' wakil DAP sebagai belum matang atau kurang berpengalaman. Alahai!

Pilihanraya kecil Parlimen di Segamat Utara pada 1968 itu, Lim Kit Siang belum lagi dikenali ramai. Beliau menjadi wakil calon kepada DAP yang meletakkan Lee Ah Meng pengerusi parti itu di Johor bertanding dalam Pilihanraya berkenaan menentang Setiausaha Kerja UMNO Musa Hitam, calon Parti Perikatan. Selepas berjaya memenangi pilihanraya kecil Parlimen Segamat Utara itulah, Musa Hitam muncul sebagai tokoh 'orde baru' yang lantang bersuara, malah dianggap sehaluan dengan Dr Mahathir Mohamad (UMNO-Kota Setar Selatan).

Apabila Tun Razak memperkenalkan konsep DEB bagi mencapai sasaran sekurang-kurang 30 peratus bumiputera dalam ekonomi menjelang 1990 ianya dilihat mempunyai kaitan dengan isu yang pernah dibangkitkan oleh Dr Mahathir dan Musa Hitam sebelum itu. Bagi membendung kritikan terhadap dasar penyusunan semula masyarakat sekaligus membasmi kemiskinan dengan tak mengira kaum, Akta Hasutan dipinda bagi mengelak isu kaum dijadikan sentimen berbelit-belit, berpintal-pintal dan berpilin-pilin. Tak lama selepas pindaan ke atas Akta Hasutan diluluskan oleh Parlimen, tiga pemimpin DAP dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar akta tersebut.

Fan Yew Teng, Ahli Parlimen Menglembu ketika itu didakwa atas kapisiti pengarang organ parti berkenaan menyiarkan teks ucapan Dr Ooi dari Pulau Pinang yang menyentuh isu pendidikan Cina. Dr Ooi terlepas disebabkan beliau sekadar memberikan ucapan yang tak disibarkan kepada umum, sementara Fan Yew Teng didapati bersalah seterusnya hilang kelayakan sebagai ahli Parlimen. Seorang lagi pemimpin DAP terbabit ialah ADUN Jimah di Negeri Sembilan, Oh Keng Seng ketika berucap di rapat umum secara sengaja menyentuh isu pasukan tentera Malaysia.

Di kalangan UMNO pula, Musa Hitam pernah menyentuh mengenai kedudukan sekolah jenis kebangsaan dalam ucapannya di satu majlis di Johor. Bagaimanapun beliau terlepas daripada perangkap akta berkenaan disebabkan sekadar memberikan ucapan, bukan disibar kepada umum seperti ditakrifkan. Justeru akhbar Utusan Melayu sebagai media yang menyibarkan ucapan tersebut menghadapi tindakan mahkamah, dengan ketua pengarangnya (Tan Sri) Melan Abdullah (Pak Melan) pula memikul tanggungjawab tersebut. Alahai si wartawan!

Dengan pindaan ke atas Akta Hasutan, pentadbiran Tun Razak mengukir fasa pertama dalam usaha memartabatkan bangsa setelah isu membabitkan sentimen kaum dibendung sepenuhnya. Bagi mengurangkan politiking di kalangan parti-parti politik Tun Razak memilih langkah terbuka mengadakan kerajaan campuran di peringkat negeri di

Pulau Pinang bersama Parti Gerakan. Seterusnya mendorong Tan Sri Asri membawa Pas ikut sama membentuk kerajaan campuran di semua peringkat.

Ternyata konteks 'tolak ansur' Tun Razak tak membabitkan isu kaum tetapi berkongsi kuasa dengan parti-parti politik pembangkang dalam lingkungan persefahaman yang lebih liberal. Disebabkan dalam UMNO Tun Razak tak mempunyai pesaing untuk turut sama mencabar kewibawaannya, beliau terus diberi sokongan menentukan hala tuju politik UMNO ketika itu. Apalagi Tun Dr Ismail yang diakui Tunku kuat dengan sifat kesetiaannya, menjadi timbalan kepada Tun Razak selepas peralihan kuasa secara tertib pada 22 September 1970 itu.

Bagaimanapun Tun Razak menghadapi tekanan dalam kepimpinannya apabila Tun Dr Ismail meninggal dunia pada 2 Ogos 1973. Tun Razak ketika itu dalam rangka lawatan ke Kanada terpaksa pulang serta merta ke tanah air bagi memberi penghormatan kepada rakan dan timbalannya. Tun Razak juga memberi arahan supaya jenazah Tun Dr Ismail dikebumikan di makam pahlawan di dalam kawasan Masjid Negara, malah beliaulah merupakan tokoh yang dikebumikan buat pertama kali di lokasi berkenaan. Pimpinan UMNO di bawah Tun Razak dan Tun Dr Ismail bermula selepas Perhimpunan Agung 23-24 Januari 1971.

Dalam Perhimpunan Agung itu juga UMNO meminda nama jawatan Yang Dipertua Agung kepada Presiden, seterusnya Timbalan Presiden dan Naib Presiden. Pemilihan bagi jawatan MKT yang ditukar kepada Majlis Tertinggi (MT) juga dipinda kepada tiga tahun sekali; di samping nama Pergerakan Kaum Ibu ditukar kepada Pergerakan Wanita, sementara Ketua Pemuda kepada Ketua Pergerakan Pemuda. Selepas berpulangnya Tun Dr Ismail ke rahmatullah, Tun Razak mula berhadapan dengan kerenah kepimpinan UMNO dekad 1970-an.

Krisis Jawatan TPM

Memang kematian Tun Dr Ismail memberi impak kepada kepimpinan Tun Razak yang masih berhadapan dengan pelbagai kerenah. Pada pemilihan jawatan kepimpinan Pemuda 1971, kemunculan Dato' Harun Idris-Tan Sri Musa Hitam memimpin pergerakan tersebut dianggap regu yang mampu mencorak tenaga pendesak yang dikenali '*pressure group*'. Dato' Harun mengambil alih kepimpinan yang dikosongkan oleh Tan Sri Senu dengan Tan Sri Musa dipilih memegang jawatan Naib Ketua. Mereka berdua juga yang memain peranan membawa semula Dr Mahtahir menyertai UMNO setelah dipecat sebelum itu.

Pada pemilihan tahun berikutnya Jun 1972 dilihat Tun Hussein Onn sebelumnya MKT yang mendapat undi ketiga sahaja melonjak menduduki kerusi Naib Presiden yang

kedua di belakang Tun Sardon Jubir. Begitu juga Tun Sardon sebelumnya menduduki kerusi Naib Presiden ketiga, berjaya mendapat undi tertinggi bagi jawatan tersebut; sementara Tun Ghafar Baba sebelumnya menang jawatan Naib Presiden pertama, terpaksa berpuas hati pada kedudukan ketiga sahaja.

Perubahan dalam trend pemikiran perwakilan UMNO semakin jelas terpantul menerusi gerakan pembaharuan, sekalipun Tun Dr Ismail semasa merasmikan Persidangan Pemuda dan Wanita mengingatkan: "*Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi 'pressure group' secara terbuka kerana dalam demokrasi tekanan datang dari pembangkang.*" Ketika itu Tun Dr Ismail menyedari pimpinannya bersama Tun Razak sudah berhadapan dengan agenda gerakan pembaharuan di bawah Pergerakan Pemuda atau khususnya Dato' Harun.

Semasa turut sama menghantar jenazah Tun Dr Ismail di kawasan Masjid Negara, Tan Sri Abdul Samad Idris mendengar Dato' Harun mengeluh di sebelahnya, "*Hai, cepat sangat Tun Dr Ismail pergi.*" Memang sudah terdapat spekulasi ketika itu Dato' Harun berhasrat bertanding kerusi Naib Presiden pada pemilihan dalam Perhimpunan Agung UMNO 1975, setelah pindaan undang-undang tubuh diluluskan bagi urusan pemilihan pucuk pimpinan tiga tahun sekali. Beliau dijangka mampu memenangi jawatan tersebut, di samping menyedari kesihatan Tun Dr Ismail

yang kurang baik boleh membantu beliau mengikuti jalan pintas ke kerusi lebih tinggi.

Kematian Tun Dr Ismail terlalu awal dikatakan menutup peluang Dato' Harun yang sudah merangka agenda mengisi hiraki UMNO lebih pantas. Beliau dikatakan menyusun strategi bertanding di kerusi Parlimen menjelang pilihanraya 1974, dengan harapan Tun Dr Ismail berundur ketika itu. Tetapi pemergian Tun Dr Ismail terlalu awal menukar rentak tari dan palu gendangnya. Malah dalam mesyuarat MT sendiri berlaku kekecohan, apabila Tun Razak membuat pilihan kepada Tun Hussein Onn bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas kematian Tun Dr Ismail. Apabila majoriti MT memberi sokongan penuh kepada Tun Razak ianya seolah-olah menafikan kewibawaan Tun Sardon Jubir, Naib Presiden terkanan ketika itu.

Memang Tun Sardon dianggap kurang popular dibandingkan rakan-rakannya yang sama aktif pada period pra kemerdekaan; apatah lagi mahu menyaingi kewibawaan Tun Razak. Sewaktu memimpin Pemuda UMNO sejak 1952, beliau dilihat tak menonjolkan diri selain daripada mengekalkan kedudukan selaku menteri kabinet. Justeru ketika didesak memberi laluan kepada Tan Sri Senu memimpin Pemuda UMNO pada 1964, Tun Sardon ditonjolkan menduduki salah satu kerusi Naib Presiden.

Pada 1971 beliau sekadar menduduki tempat ketiga di belakang Tun Ghafar Baba dan Tun Syed Nasir Ismail.

Sebaik sahaja mendapati majoriti MT UMNO tak memberi sokongan kepadanya bagi mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri, Tun Sardon dikatakan dengan nada suara meninggi meminta dicatatkan dalam menet mesyuarat beliau menolak jawatan tersebut setelah ditawarkan kepadanya, bukan tak diterima oleh Tun Razak. Bagi mengelakkan krisis pemilihan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak bersetuju menerima cadangan Tun Sardon mencatatkan pada menet mesyuarat seperti yang dituntut. Tan Sri Abdul Samad Idris yang turut menjadi ahli MT melihat sendiri kekeruhan wajah Tun Sardon, sebelum keluar meninggalkan mesyuarat berkenaan.

Seterusnya Tun Sardon juga enggan menyertai kabinet selepas insiden tersebut, tetapi tak menolak tawaran apabila dihantar ke Amerika Syarikat menjadi Wakil Tetap negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memelihara kestabilan parti. Langkah pembaharuan yang dibuat oleh Tun Razak terlalu berani, misalnya pada 1972 meminta Ahli Parlimen Kuala Lipis, Cikgu Abdul Razak mengosongkan kerusinya bagi memberi laluan kepada Tan Sri Ghazali Shafie. Begitu juga menonjolkan Tan Sri Hamzah Abu Samah di kerusi Parlimen Temerloh dalam pilihanraya kecil.

Di bawah pentadbiran Tun Razak juga berlaku insiden seorang anggota Exco negeri Johor, Abdul Aziz Ishak mati lemas akibat terjatuh di jambatan Muar. Terdapat juga spekulasi menyebut insiden tersebut berkaitan dengan siasatan rasuah ke atas ramai tokoh UMNO yang berstatus wakil rakyat ketika itu. Tak tahulah sama ada anggota Exco itu terbabit atau sebaliknya, dalam usaha pentadbiran Tun Razak membersihkan sebarang skandal rasuah yang merosakkan imej partinya. Wallahu'alam!

Tetapi Tan Sri Abdul Samad Idris pernah memberitahu penulis mengenai sikap Tun Razak yang terlalu prihatin memelihara imej parti. Dalam satu lawatan Tun Razak ke Negeri Sembilan menjelang pilihanraya 1969 beliau menerima laporan mengenai seorang ADUN menyalah gunakan wang peruntukan yang disalurkan kepada anak-anak yatim. Tun Razak merungut dengan sikap ADUN terbabit, bagaimanapun beliau mengeluarkan cek peribadi sendiri membayar semula wang berkenaan, di samping ADUN berkenaan tak disenaraikan semula menjadi calon.

Tak hairanlah kejayaan Tun Razak mengurangkan politiking apabila membawa parti-parti pembangkang menyertai skop gabungan lebih besar menerusi Barisan Nasional (BN), beliau mula merasakan tekanan dari dalam UMNO sendiri. Dato' Harun dikatakan merangka Pergerakan Pemuda UMNO menjadi 'parti dalam parti', setelah mendapati saingan bagi melonjakkan kepimpinan kian

sukar selepas kematian Tun Dr Ismail. Dalam masa yang sama Tun Mustapha Datu Harun pemimpin USNO di Sabah juga memberi tekanan kepada kepimpinan Tun Razak dengan kuasa tak terbatasnya di peringkat negeri.

Bermula dengan spekulasi wujudnya 'parti dalam parti' itulah, Tun Razak bertambah tertekan dengan kerenah yang bertindan-tindan, berlapis-lapis dan berhimpit-himpit atau dikira terlalu rumit lagi merumitkan. Beliau seolah-olah kembali kepada era Bendahara Paduka Raja Tun Perak di Melaka pada abad ke 15 yang mendapati kuasa sebagai ketua eksekutif sentiasa teruji. Kalau Tun Perak sentiasa dibayangi politiking Seri Nara Diraja Tun Ali yang juga abang iparnya, Tun Razak juga semakin terdedah dengan kerenah Tun Datu Mustapha serta pemimpin UMNO yang dikategorikan golongan 'orde lama'.

Dalam masa Tun Ali merasa dirinya terpinggir di bawah pentadbiran Tun Perak selepas menabur jasa menaikkan sultan ke atas takhta, golongan 'orde lama' yang pernah berjasa pada period pra kemerdekaan juga terasa semakin dipinggirkan. Justeru Dato' Harun dikaitkan dengan kalangan yang merasa dipinggirkan itu hingga mewujudkan fenomena 'parti dalam parti'. Entahlah!

Bagaimanapun pendekatan yang digunakan Tun Razak seolah-olah mirip kepada bijaksana politik yang diterapkan oleh Tun Perak di Melaka. Tun Perak melaksanakan

polisinya sebagai penasihat di istana terus bertindak mengikut hala tuju yang difikirkan sesuai untuk kepentingan negeri Melaka. Tun Razak juga sebagai ketua ekskutif kerajaan tak pernah menoleh ke belakang setelah perancangan beliau dijadikan polisi, asal sahaja mendapat mandat. Kerjasama dengan Pas menubuhkan kerajaan campuran misalnya, Tan Sri Abdul Samad diminta bersuara terlebih dahulu sebagai '*test market*'.

Begitu juga dalam pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO 1974, Tan Sri Abdul Samad diletakkan bertanding menentang Dato' Harun. Ketika itu memang terdapat juga spekulasi menyebut Tan Sri Abdul Samad merupakan proksi Tun Abdul Razak merebut jawatan tersebut. Sekalipun sumber dari ibu pejabat UMNO ketika itu menafikan setiap spekulasi, tetapi penganalisis politik menyedari Tan Sri Abdul Samad tak berminat untuk mengisi jawatan tersebut. Apalagi beliau sendiri sudah lama meninggalkan kepimpinan Pemuda selaku Pengerusi Tetap sejak Tan Sri Sardon berundur.

"Memang Tun meminta saya bertanding sekalipun peluang menang sukar disebabkan kekuatan Dato' Harun menerusi undi blok. Sebaliknya Tun tak mahu Dato' Harun diberi peluang menang percuma," beritahu Tan Sri Abdul Samad kepada penulis ketika usaha menyiapkan buku biografi beliau. Insiden yang berlaku pada jarak terlalu lama itu sudah dikira sejarah dalam pemilihan Pergerakan

Pemuda UMNO, yang tak wajar lagi menjadi misteri yang berangkai-rangkai, berbingkai-bingkai atau berungkai-rungkai. Selepas Tan Sri Abdul Samad tewas dalam persaingan tersebut, UMNO meminda undang-undang tubuhnya menghapuskan sistem undi blok. Setiap perwakilan kemudiannya dikehendaki mengundi secara peribadi bukan lagi terikat dengan sistem blok.

Ulangan Episod Yang Bergolak

Berbeza dengan pergolakan 1969 yang memunculkan Tun Razak memadamkan api tragedi rusuhan besar-besaran; episod yang berulang pada 1998 agak perlahan melihat kemaraan Dato' Seri Najib. Berlaku juga rusuhan besar-besaran pada 1998 berikutan krisis kepimpinan yang membabitkan Dato' Seri Anwar Ibrahim, hingga mendorong kepada demonstrasi terbuka. Dato' Seri Najib selaku Menteri Pertahanan tak banyak menimbulkan kontroversi ketika peristiwa 20 September 1998 mencapai klimeks.

Pergolakan 1998 bukanlah rusuhan kaum seperti keperihalan tragedi 13 Mei 1969; sebaliknya memberi impak yang hampir sama. Golongan peniaga mengalami kesan besar berikutan aliran ekonomi terjejas teruk; mereka yang berpendapatan kecil bimbang untuk meneruskan rutin harian mencari sumber rezeki, malah pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS terheret sama dalam kemelut yang kalut sekalut-kalutnya itu. Dalam keadaan terlalu berserabut itu, Tun

Dr Mahathir memilih Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi timbalannya, bukan Dato' Seri Najib yang dikira Naib Presiden terkanan.

Justeru penganalisis politik membuat spekulasi pemilihan tersebut bermotif politik, berdasarkan kerenggangan hubungan Dato' Seri Abdullah dan Dato' Seri Anwar sebelum itu. Di sebalik segala spekulasi yang diwar-warkan, fakta sebenarnya Tun Dr Mahathir menyedari pengalaman Dato' Seri Abdullah yang pernah berkhidmat selaku Penolong Setiausaha Mageran pada 1969 amat bermanfaat menangani kemelut 1998. Kalau krisis 1969 yang lebih meruncing dapat dihadapi oleh Mageran, apa sangat dengan demonstrasi yang dicetuskan mengikut emosi!

Dato' Najib sekadar menunggu permintaan sekiranya diperlukan angkatan tentera terbabit sama membendung kekacauan, sebaliknya sehingga berakhir krisis 1998 itu ternyata kementerian beliau tak diminta membantu. Krisis tersebut ditangani menerusi jabatan polis sahaja, sekalipun kemudiannya menimbulkan kritikan keras dengan apa yang dikatakan 'krisis institusi kehakiman'. Bagi mereka yang menelusuri sejarah silam tak berasa hairan dengan isu kepimpinan yang bergolak, bergejolak dan bergelegak seperti keperihalan 1998 itu.

'Sejarah Melayu' misalnya menyebut mengenai krisis 1458 di Melaka antara Tun Perak (Bendahara Paduka Raja) dan Tun Ali (Seri Nara Diraja yang setara bendahara) sentiasa menimbulkan ketegangan etnik. Krisis tersebut bolehlah dianggap sebagai masalah dalaman istana iaitu kuasa pemerintahan ketika itu, atau sekarang ditafsirkan pula sebagai krisis dalaman parti yang menjadi kuasa pemerintahan. Akibat krisis tersebut tak dapat dibendung, pergaduhan etnik berlaku di wilayah Sungai Ujong iaitu di Linggi.

Pergaduhan etnik itu membabitkan pedagang-pedagang India yang menyokong Tun Ali dan penduduk tempatan Melayu yang menyebelahi Tun Perak. Seterusnya Tun Ali berjaya mempengaruhi istana hingga sultan menjatuhkan hukum bunuh ke atas Penghulu Sungai Ujong dikenali sebagai Tun Tuakal. Dalam episod tersebut Tun Tuakal ternyata menjadi 'kambing korban' (*scape goat*) bagi membendung pertelagahan etnik berterusan hingga boleh merosakkan pemerintahan Melaka yang menjadi pusat perdagangan utama di rantau Melayu ketika itu.

Tak diketahui identiti Tun Tuakal hingga sekarang, tetapi bagi masyarakat di Linggi mengakui kubur Syeikh Ahmad Majnun yang terdapat di Pengkalan Kempas tertera pada batu nesan mati tahun 1458. Malah tokoh berkenaan dikatakan dibunuh oleh sultan atas keberaniannya menegakkan hukum Islam, tetapi tak disenangi oleh pihak

istana. Sama ada Syeikh Ahmad Majnun adalah Tun Tuakal atau sebaliknya, memang memerlukan kaji selidik yang khusus. Tetapi setiap kronologi yang berlaku dalam politik masakini tak banyak berbeza dengan politik tradisional yang berkembang di istana satu ketika dulu.

Kemelut politik 1998 juga tak menampakkan Dato' Seri Najib mara ke barisan depan seperti keperihalan Tun Razak pada krisis 1969, terus mengambil peranan utama dalam usaha membendung keadaan. Dato' Seri Najib masih dibayangi oleh Tun Dr Mahathir dan Dato' Seri Abdullah yang berhadapan secara langsung dengan krisis tersebut. Beliau juga tak dijadikan sasaran oleh penentang-penentang kerajaan, kerana lebih tertumpu kepada gerakan memberi tekanan terhadap kepimpinan Tun Dr Mahathir.

Malah usaha membendung kemelut 1998, tak memerlukan kuasa Parlimen digantung atau darurat diisytiharkan. Kuasa mahkamah berjalan lancar mengikut lunas undang-undang menerusi perbicaraan terbuka, kerana suhu kegawatan politik belum mencecah tahap krisis 1969. Bagaimanapun pilihanraya 1999 kedudukan Dato' Seri Najib dilihat amat terdesak apabila mempertahankan kerusi Parlimen Pekan dengan majoriti 241 undi sahaja iaitu seperkara yang tak pernah berlaku di situ sebelumnya.

Tak tahulah dengan 12,907 undi yang melencong kepada calon Pas, Ramli Mohamed dalam pilihanaraya 1999 itu sebagai protes atau memberi indeks anjakan bagi pengundi Melayu disebabkan krisis tersebut. Dato' Seri Najib yang memperolehi 13,148 undi pada pilihanraya tersebut memang jauh berbeza dengan pencapaian undi pada pilihanraya 1995 sejumlah 17,004 di samping majoriti 10,793 undi. Di mana silapnya penampilan Dato' Seri Najib ketika itu memang sukar dirumuskan, kerana kawasan Pekan bukan sahaja kubu kuat UMNO malah menjadi tradisi kepimpinan keluarganya selaku Orangkaya Syahbandar.

Mengikuti perkembangan kemelut 1998 itu seolah-olah ianya berorientasikan suara gerakan pembaharuan pelajar-pelajar di Indonesia pada Mei 1998 bagi menggulingkan Presiden Suharto. Ketika rusuhan pelajar memuncak pada 15 Mei 1998, Suharto masih di luar negeri menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G15) di Kaherah, malah ianya dilihat pemilihan tarikh mereka merusuh dijalin dengan nama persidangan yang dihadiri oleh ketua negara Indonesia itu. Kemelut di Indonesia pula dikaitkan dengan kegawatan ekonomi akibat tukaran wang asing merudum ke paras 11,300 rupiah berbanding dolar AS$1. Apalagi Suharto dilaporkan oleh majalah *Forbes* sebagai individu keenam paling kaya di dunia dengan aset berjumlah AS$16,000 juta. Entahlah!

Kebobrokan yang belaku di Jakarta turut mengancam keselamatan warga asing di negara berkenaan sama ada berkhidmat dengan kedutaan, peniaga mahupun pelajar. Malah rakyat Malaysia juga terperangkap seperti keperihalan 100 orang pekerja di kawasan kritikal termasuk 549 keluarga yang menetap di sekitar Tanggerang, Geladok, Kelapa Gading dan Bandong. Bagi misi penyelamat kepada warga negara Malaysia ini, Dato' Seri Najib mengambil inisiatif menghantar pesawat C-130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menjalankan tugas tersebut.

Kepekaan Dato' Seri Najib menghantar misi keselamatan bagi menangani masalah rakyat Malaysia yang terperangkap itu tak terhad kepada warga negara sendiri sahaja, malah beliau juga turut menghantar misi bantuan kemanusiaan selepas Aceh mengalami tragedi ombak tsunami pada 26 Disember 2004. Beliau sendiri dikatakan turut menyertai misi tersebut ke Aceh sambil melihat secara dekat keperihalan penderitaan mangsa terbabit. Tetapi kunjungan Dato' Seri Najib ke Aceh atas kapisitinya selaku Timbalan Perdana Menteri yang secara langsung mewakili kerajaan Malaysia.

Gerakan pembaharuan yang dicerna pelajar-pelajar Indonesia pada Mei 1998 itu, menular pula ke Malaysia pada September 1998 atau kira-kira empat bulan selepas insiden berdarah di Jakarta itu. Sehingga 15 Mei sahaja ianya sudah mengorbankan 263 nyawa, apabila perusuh-perusuh semakin agresif membakar pasaraya dan kompleks

beli belah sebagai sasaran utama. Di Malaysia tak berlaku rusuhan yang mengorbankan ratusan nyawa, setelah langkah positif diambil mengekang kemelut tersebut.

Bagaimanapun isu yang dibangkitkan hampir sama iaitu kegawatan ekonomi, tukaran wang asing merudum dan pembabitan individu memonopoli lambakan ekonomi. Semua rentetan yang mendorong kepada senario politik di Indonesia memang menular ke negara ini seolah berorientasikan platform yang sama. Misalnya tragedi 13 Mei di Kuala Lumpur selepas berlaku Gestapu 1965 di Indonesia, yang membawa kepada kejatuhan Ir Sukarno. Tetapi di Malaysia tak berlaku kejutan mendadak selepas kemelut tersebut, sebaliknya ialah peralihan kuasa secara tertib.

Tunku mengundurkan diri pada 1970 dengan memberi laluan kepada Tun Razak meneruskan kepimpinan kerajaan dan UMNO, selepas tragedi berdarah 1969. Dalam masa yang sama keperihalan kemelut 1998 memperlihatkan Tun Dr Mahathir memberi laluan kepada Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengikut kesinambungan sebelumnya menerusi peralihan kuasa secara tertib. Pilihanraya 1999, Tun Dr Mahathir terus kekal mempertahankan kerusi Kubang Pasu bagi mendapat mandat baru menubuhkan kerajaan. Beliau menunggu sehingga Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun 2002 mengumumkan peletakan jawatan yang mengejut, merenggut dan menyentak.

Apabila Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengamil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober 2003, beliau tak terburu-buru membuat pelantikan timbalannya. Ketika itu sudah mula didengar desas desus persaingan berlaku dalam menentukan jawatan tersebut, seperti pernah dialami pada 1982 apabila Tun Dr Mahathir lambat membuat lantikan bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri. Spekulasi mengenai pelantikan Timbalan Perdana Menteri pada 2003, tak banyak membawa kesan negatif disebabkan Dato' Seri Najib sudah disebut-sebut lebih awal.

Pada 1976 misalnya isu pelantikan Timbalan Perdana Menteri memang berkocak di peringkat awal, ketika Tun Hussein Onn memilih calon yang dikehendaki dengan tak mahu mengikut hiraki. Bagaimanapun selepas didesak, beliau terpaksa mematuhi hiraki yang ditetapkan dalam tradisi UMNO dengan melantik salah seorang Naib Presiden. Ketika Tun Hussein mengumumkan nama Tun Dr Mahathir menjadi timbalannya, ianya dipersetujui kerana tak menyongsang adat UMNO. Tun Dr Mahathir merupakan salah seorang Naib Presiden pada ranking ketiga di belakang Tun Ghafar Baba dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Memang spekulasi awal menyebut Pak Lah mempunyai pilihannya, tetapi ternyata kelambatan beliau mengumumkan Dato' Seri Najib sekadar babitkan teknikal sahaja.



Sebagai pemimpin berjiwa rakyat, Tun Abdul Razak sentiasa melapangkan masa menemui rakyat



Tun Razak bersalaman dengan rakyat Kelantan di Kedai Buloh pada 17 Oktober 1967




Tun. Dr. Ismail berbual bersama Tan Sri Syed Nasir dan Datuk Senu Abdul Rahman di Stadium Negara pada 8 Mei 1971





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

7

MENTAFSIR FALSAFAH BANGSA: GENERASI PEWARIS PIMPINAN

LAPORAN akhbar menyebut Toh Puan Hajjah Rahah dan tiga anaknya Johari, Nazim dan Nizam berada di sisi Tun Razak ketika beliau menghembuskan nafas terakhirnya di London Clinic jam 10.11 pagi waktu London (kira-kira 5.41 petang waktu Malaysia atau sekarang 6.11 petang – p). Tun Razak yang dilaporkan dua hari sebelumnya sudah pulih, malah berjenaka dengan rakan-rakan yang megunjunginya semasa dirawat, mengejutkan seluruh negara apabila diberitahu mengenai kematiannya.

Sejurus selepas beliau meninggal dunia, jenazahnya dibawa ke sebuah masjid di London Timur untuk dimandikan sebelum dipindahkan ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain, di Belgrave Square, London. Tun Razak yang berlepas ke Eropah, tiba-tiba dilihat menaiki sebuah kapalterbang Perancis pada 17 Disember 1975 dengan membuat pendaratan di luar jadual di London. Bagaimanapun rakan-rakan rapatnya memang sudah diberitahu beliau ke London dalam rangka mendapatkan rawatan perubatan akibat penyakit misteri yang sengaja dirahsiakan.

Pemangku Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn membuat pengumuman rasmi mengenai kematian Tun Razak menerusi TV, setelah persiapan untuk membawa pulang jenazah negarawan tersebut diatur. Sehari sebelum itu Tun Hussein juga sudah mengumumkan Tun Razak akan balik ke tanahair selepas keadaan kesihatan beliau

memuaskan setelah menjalani rawatan di London, tetapi kepulangannya ditangguhkan atas sebab-sebab tak dapat dielakkan. Ketika membuat pengumuman pada 14 Januari 1976, Tun Hussein menyebut:

"Dengan amat sedih dan dukacita saya mengumumkan bahawa Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia kita yang dikasihi telah kembali ke rahmatullah pada petang tadi hari Rabu bersamaan 11 Muharram di London kira-kira jam 6.30 petang waktu Semenanjung Malaysia.

"Saya telah diberitahu oleh doktor-doktor yang merawat Allahyarham telah mengidap dua jenis penyakit iaitu 'os-teo-skler-rosis' selama enam tahun dan 'infectious mo-no-new-kleo-sis' sejak beberapa bulan. Sebagaimana kita semua maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke luar negeri untuk bercuti rihat dan kemudian dimasukkan ke Klinik London untuk diperiksa dan dirawat.

"Keadaan beliau telah beransur pulih dan dijangka pulang pada petang tadi (14 Januari 1976). Tetapi dua hari yang lalu beliau telah diserang penyakit demam dan dimasukkan semula ke Klinik London untuk dirawat. Malangnya keadaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pulih dan menjadi semakin buruk.

"Pada pukul 7.30 malam ini saya telah diberitahu melalui telefon bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kembali ke rahmatullah dengan tenangnya. Kematian Allahyarham ialah disebabkan oleh 'acute leukemia' yang menyerang beliau beberapa hari yang lalu. Saya diberitahu dari London persiapan sedang diatur untuk membawa jenazah Allahyarham ke Masjid Regent London untuk dimandi dan dikafankan.

"Selepas itu jenazah Allahyarham akan dibawa ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia pada jam 3.00 petang (waktu London) untuk istiadat penghormatan. Jenazah Allahyarham akan bertolak dari London dengan kapalterbang khas MAS pada jam 7.00 petang waktu London bersamaan 2.30 pagi waktu Semenanjung Malaysia hari Khamis 15 Januari dan dijangka tiba di Lapanganterbang Kuala Lumpur di Subang antara jam 5.00 dan 6.00 petang hari Khamis, 15 januari iaitu esok.

"Jenazah Allahyarham akan dibawa ke Masjid Negara bagi disembahyangkan. Orang ramai dan rakyat jelata akan diberi peluang memberikan penghormatan terakhir kepada Allahyarham di Bangunan Parlimen mulai jam 6.00 pagi hingga 10.30 pagi hari Jumaat 16 Januari. Peraturan lanjut mengenai istiadat pengkebumian akan diumumkan kemudian kelak. Bagi pihak kerajaan dan keluarga Allahyarham, saya memohon dan meminta maaf di atas sebarang kesilapan Allahyarham semasa hayatnya.

"Di samping itu saya mohon kepada saudara-saudara sekalian rakyat Malaysia supaya bersama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala akan dicucuri rahmat ke atas roh Allahyarham. Mudah-mudahan dimasukkan Allahyarham ke dalam golongan orang-orang yang soleh. Saya sukalah mengambil kesempatan ini menyeru rakyat jelata supaya bertenang dalam menghadapi keadaan yang sedih ini."

Kenyataan penuh Tun Hussein itu memperlihatkan beliau sendiri terkejut, tersentak dan tergamam sebaik sahaja diberitahu mengenai kematian Tun Razak. Sewaktu Tun Razak meninggalkan tanah air dalam Disember 1975, memang Parlimen masih lagi bersidang. Malah Tun Razak sendiri turut menghadiri sidang Parlimen dalam keadaan fizikal yang disangsikan oleh rakan-rakannya. Justeru beberapa orang menteri dan timbalan menteri dikatakan menyerbu beliau di biliknya mendesak mengambil cuti rihat di samping rawatan perubatan di luar negeri.

Sewaktu dirawat di Klinik London, Sultan Selangor ketika itu, Sultan Sallahuddin Abdul Aziz yang bercuti ke negara berkenaan, sempat menziarahi Tun Razak. Ternyata beliau sentiasa dikelilingi rakan-rakan ketika menghadapi saat kritikal, apatah lagi menjalani rawatan jauh dari tanah air. Apabila jenazah beliau dibawa dari klinik ke masjid, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain ketika itu, Dato' Abdullah Ali berserta isterinya Datin Badariah dan bekas

Ketua Menteri Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun turut sama mengiringinya.

Tun Datu Mustapha dikatakan pengkritik Tun Razak yang menonjol ketika itu, terutama secara retorik menolak tawaran menyertai kabinet Persekutuan. Terdapat juga spekulasi menyebut langkah Tun Razak memberikan jawatan menteri di peringkat Persekutuan kepada Tun Mustapha bagi membendung kuasa mutlak Ketua Menteri Sabah yang terlalu banyak keistimewaan. Sebelum itu Tun Mustapha juga kuat menentang usaha Tun Razak menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China (RRC), malah menganggapnya memberi ruang kepada anasir subversif menyusup masuk.

Di satu peringkat Tun Mustapha dikatakan pernah mendesak Tun Razak meletakkan jawatan Perdana Menteri sekiranya berhasrat meneruskan hubungan diplomatik dengan RRC. Disebabkan majoriti pemimpin-pemimpin kerajaan menyokong pendekatan politik Tun Razak itu, kedengaran pula desas desus Tun Mustapha mahu membawa Sabah keluar dari Malaysia. Ditambah lagi dengan pakatan Singapura, Sabah dan Sarawak dikenali 3S sebelum itu yang disarankan oleh Lee Kuan Yew dianggap berguna kepada kepimpinan Tun Mustapha memberi tekanan kepada Tun Razak.

Perbalahan ketara antara kerajaan negeri di Sabah dengan Tun Razak seolah-olah sukar dibendung, hingga kemunculan Parti Berjaya menggugat kestabilan politik Tun Mustapha. Apabila Parti Berjaya membentuk kerajaan negeri, langkah awal mereka ialah mengemukakan usul Sabah terus kekal bersama Malaysia. Sebenarnya di dalam UMNO sendiri, kalangan yang dianggap 'orde lama' memang menolak cita-cita Tun Razak dalam usaha mengadakan hubungan diplomatik dengan RRC berdasarkan kemelut politik di Indonesia 1965 apabila Ir Sukarno memperkenalkan polisi NASAKOM.

Mereka melihat keadaan politik di negara berkenaan berbrantakan selepas Ir Sukarno secara terbuka menerima dasar-dasar PKI sebagai polisi kerajaan yang dinamakan satu kombinasi Nasional-Agama-Komunis (NASAKOM) itu. Berbeza dengan Tun Razak usaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan RRC lebih tertumpu kepada menjana perdagangan di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Pada pilihanraya 1974 juga Tun Razak menggunakan poster beliau berjabat tangan dengan Pengerusi Mao bagi formula mengekang anjakan pengundi bukan Melayu di bandar.

Keputusan Secara Kolektif

Sebelum membuat susulan berani dalam politik antarbangsa apabila mengadakan hubungan langsung

dengan RRC, Tun Razak terlebih dahulu menjaring persefahaman dengan pembangkang di negara ini. Beliau berjaya membawa semua parti-parti politik pembangkang dalam gabungan lebih besar iaitu Barisan Nasional (BN), kecuali DAP dan PSRM (Parti Sosialis Rakyat Malaysia) beranggapan ianya sebagai trend mewujudkan 'sistem satu parti' di negara ini.

Selepas tragedi 13 Mei itu ternyata Tun Razak seolah-olah membawa pendekatan mahukan 'sistem satu parti' diwujudkan bagi mencapai objektif perpaduan kaum. Justeru saranan Tan Sri Abdul Samad mendesak diwujudkan kerajaan campuran UMNO-Pas memang '*test market*' dari Tun Razak sendiri, setelah pertemuan sulit dilakuan dengan Tan Sri Asri. Tiga hari selepas insiden berdarah 13 Mei itu, Tan Sri Asri menerima undangan Tun Razak untuk menemuinya di Kuala Lumpur menerusi jemputan khas yang disampaikan sendiri oleh Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Mereka bertemu di pejabat Mageran di bangunan Parlimen yang dianggap '*secret talk*' bagi mencapai penyelesaian politik yang bersimpang-siur ketika itu. Tun Razak memberi jaminan kepada Tan Sri Asri akan membantu kerajaan negeri Kelantan dalam proses membayar balik hutang kepada Bank Perdagangan yang membabitkan kos pembinaan jambatan Sungai Kota Bharu di Kelantan. Setelah pertemuan Tun Razak-Tan Sri Asri

tiga hari selepas insiden 13 Mei itulah, Tan Sri Abdul Samad mula menyuarakan isu kerajaan campuran UMNO-Pas.

Tan Sri Abdul Samad ketika itu Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar tak mungkin bertindak laksana '*pelepah melampaui pucuk*', kalau belum mendapat signal yang jelas sejelas-jelasnya. Begitu juga dengan naratif perkhidmatan feri yang merentasi Selat Melaka pada dekad awal dekad 1970-an dikatakan membawa masuk pekerja asing dari Indonesia banyak dikaitkan dengan inisiatif Tan Sri Abdul Samad. Tetapi Tun Razak sekadar membuat penjelasan saranan Tan Sri Abdul Samad ianya merupakan pandangan peribadi.

Tak hairanlah kerajaan campuran UMNO (Perikatan)-Pas semakin mantap menjelang pilihanraya 1974; malah kerjasama itu juga merintis jalan ke arah penubuhan BN selepas itu. Tan Sri Asri sendiri mengkagumi inisiatif Tun Razak mahu mengurangkan politiking dengan pembentukan BN seperti disebut menerusi bukunya '*Memoir Politik Asri: Meniti Arus*' (Penerbitan UKM, Bangi; 1993). Mengimbau kembali penubuhan BN, Tan Sri Asri mencatatkan:

"Cerita bagaimana nama Barisan Nasional muncul bagi menggantikan nama Perikatan begitu menarik sekali. Dalam suatu persidangan Majlis Tertinggi Perikatan, wakil Pas dijemput hadir sama bagi membincangkan perkara

khusus untuk menghadapi pilihanraya 1974; maka dalam mesyuarat itulah saya menyarankan agar nama Perikatan ditukarkan kepada nama Barisan Nasional. Ternyata saranan saya itu mendapat sambutan baik daripada semua anggota komponen.

"Sebenarnya saranan itu dibuat untuk memberi wajah baru kepada Perikatan itu sendiri. Pada mesyuarat itu jugalah Encik Abdul Ghafar Baba, yang menjadi pengerusi mesyuarat mengemukakan cadangan, dan dipersetujui menggantikan simbol yang lama kapal layar itu kepada rupa baru iaitu 'dacing'; bentuk rupanya terlahpun dilukiskan oleh beliau sendiri. Warna latar belakangnya tetap sama dengan warna yang lama iaitu biru tua."

Seperti dirumus oleh Tan Sri Asri mengenai penubuhan BN di peringkat awal, Tun Razak dilihat bukanlah mengambil keputusan secara otokrasi. Beliau lebih peka dengan keputusan kolektif dalam melaksanakan pendekatan politik seterusnya menjadi polisi yang dipersetujui bersama. Penubuhan BN bukan diadaptasi dari pemikiran Tun Razak secara total, tetapi dirumuskan bersama oleh kalangan pemimpin-pemimpin parti yang menjadi komponen kerajaan campuran ketika itu.

Sebaliknya apabila Tun Razak menjalin hubungan dengan RRC, bukan sahaja Tun Datu Mustapha menjadi pengkritik beliau, malah tokoh-tokoh UMNO yang dikira

'orde lama' seperti Tan Sri Syed Jaafar Albar juga berasa tak senang. Disebabkan melihat perkembangan UMNO kurang disenanginya, Tan Sri Syed Jaafar Albar menawarkan diri merebut jawatan Naib Presiden pada pemilihan dalam Perhimpunan Agung 21-22 Jun 1975. Bagaimanapun beliau gagal dalam persaingan yang disertai lapan orang calon termasuk Ghafar Baba, Tengku Razaleigh, Dr Mahathir, Dato' Harun, Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Hamzah Abu Samah dan Tan Sri Ghazali Jawi.

Ghafar Baba, Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir memenangi jawatan tiga Naib Presiden tersebut atas alasan nama mereka disebut beberapa kali oleh Tun Razak ketika menyampaikan ucapan dasar, sebagai signal mereka bertiga calon yang dipilih dengan kemahuan beliau. Sekalipun Tun Razak menafikan setiap spekulasi, tetapi sukar bagi beliau mahu menangkis tanggapan sikapnya sudah mula 'memihak'. Beliau berterusan berhadapan dengan tekanan jasmaniah dan rohaniah sepanjang memimpin kerajaan yang dikatakan menjadi penyumbang kepada masalah kesihatannya.

Bagaimanapun dalam pemerhatian Tan Sri Abdul Samad, memang Tun Razak sudah lama berhadapan dengan masalah kesihatan. Sebaliknya beliau sering berahsia melawan kesakitan yang dihadapi kerana mahu menyembunyikan daripada pengetahuan umum masalah kesihatannya, sekalipun memberi kesan negatif kepada

fizikal. Justeru Tan Sri Abdul Samad mengetahui tongkat yang kelihatan dibawa Tun Razak sepanjang lawatan ke pelusuk desa bukanlah mahu menunjuk-nunjuk identiti sebagai pemimpin.

"Saya pernah melihat Tun berhenti di tengah perjalanan ketika membuat lawatan di Negeri Sembilan dengan menggunakan kepala tongkat seakan-akan tempat duduk untuk melepaskan penat," beritahu Tan Sri Abdul Samad kepada penulis apabila mengimbau kenangan bersama negerawan berkenaan. Disebabkan sifat 'degil'nya Tun Razak tak akan menaiki *land rover* ketika membuat lawatan ke kampung-kampung meninjau secara dekat masalah rakyat dengan melalui jalan tanah merah belum diturap tar. Begitulah!.

Ada kalanya memang kecemerlangan perkhidmatan tak dinilai secara spesifik; apalagi yang berkaitan dengan doktrin politik yang dsifatkan "*the art of the possible*'. Tak hairan pula bagi mereka yang rapat dengan Tun Razak menyedari iltizam beliau lebih detail, berbanding penentang-penentangnya sekalipun pada jumlah yang kecil. Malah dalam sejarah Islam sendiri melihat kecemerlangan Khalid ibnu al-Walid sebagai panglima perang tak dinilai secara spesifik apabila beliau dipecat ketika pertempuran di Yarmuk sampai ke kemuncaknya.

Di masa lalu pengkaji sejarah Islam melihat peristiwa pemecatan Khalid sebagai satu proses mengukuhkan semangat ummah dengan sifat-sifat kemuliaan panglima perang itu yang tak mengejar pangkat, status dan kedudukan. Bagaimanapun akhir-akhir ini kalangan sarjana Islam menyedari tersembunyi konspirasi menjatuhkan Khalid kerana cemerlang yang dimilikinya boleh meminggirkan kedudukan orang lain pada penilaian Khalifah Umar al-Khattab r.a.

Perkhidmatan Tun Razak memang cemerlang, tetapi beliau mempunyai kedudukan tertinggi dalam pemerintahan di Malaysia ketika itu; bukan perlu dinilai oleh tokoh yang berada di atasnya seperti keperihalan Khalid ibnu al-Walid. Justeru beliau berhadapan dengan kerenah penentang-penentang di dalam UMNO sendiri yang tak menyenangi kalangan ahli-ahli lain apabila merasa dipinggirkan. Beliau dianggap sengaja memihak kepada tokoh-tokoh yang disenanginya dalam kepimpinan UMNO, malah menyusun segala strategi meminggirkan mereka yang menjadi pengkritiknya.

Keprihatinan Aktiviti Budaya

Ternyata di bawah pentadbiran Tun Razak aktiviti budaya menjadi lebih semarak dengan kalangan penggiat kebudayaan semakin terhibur mendapat layanan kerajaan. Keprihtinan Tun Razak dalam pengucapan budaya dapat

dirumuskan dalam penjelasan 'Rukun Negara' yang menyebut corak 'kebudayaan nasional berteraskan kebudayaan Melayu' yang berlandaskan semangat Rukun Negara itu. Tak hairanlah pada period Tun Razak penggiat sastera Melayu diberi suntikan penggalakan dalam berkarya dengan diwujudkan 'Hadiah Sastera Nasional'.

Penulis sendiri yang pernah menerima anugerah 'Hadiah Sastera Nasional' bahagian cerpen pada 1975 melihat ianya satu perkembangan fasa awal menggerakkan aktiviti budaya lebih komprehensif. Ketika itu Tun Razzak kelihatan masih sihat, malah sempat juga memberikan ucapan tahniah kepada penulis. Tak nampak sebarang tanda-tanda beliau sudah menghidap *os-teo-skler-rosis* sejak bertahun-tahun, kerana beliau kelihatan ceria sepanjang majlis penyampaian anugerah kepada pengarang-pengarang terpilih pada malam berkenaan.

Bukan sahaja bersama Tun Razak kalangan karyawan-karyawan sastera serta aktivis budaya dapat 'menumpang bermanja', malah beberapa orang menteri kabinet di bawah pentadbiran beliau boleh dikatakan intim dengan kerabat penggiat budaya ini. Misalnya dalam satu majlis 'Hari Puisi' di Kuala Lumpur, King Ghaz (Menteri Penerangan) dan Tan Sri Hamzah (Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan) diusung ke dalam lopak yang berlumpur oleh penggiat-penggiat budaya sebagai tradisi berorientasi. Mereka pula menerima dengan senang hati tradisi

berorientas yang dijalankan secara spontan itu sekalipun pakaian 'menteri' bergelumang lumpur selut.

Memang acara manis seperti berlaku pada period pentadbiran Tun Razak tak akan berulang lagi di kalangan penggiat budaya; apatah lagi King Ghaz dan Tan Sri Hamzah sudah hampir dilupakan generasi sekarang. Bukan sahaja King Ghaz mahupun Tan Sri Hamzah seakan-akan dilupakan, malah Tan Sri Abdul Samad Idris pernah merungut apabila dijemput menghadiri satu majlis yang dianjurkan Pergerakan Pemuda UMNO di Johor sekitar dekad 1980-an, mereka kurang mengenali Tan Sri Hassan Yunus yang pernah memimpin kerajaan negeri. Alahai!

Berbeza dengan semangat penggerak nasionalisme pra kemerdekaan, hubungan setiakawan mereka tak pernah berburai, bersetai mahupun berkirai. Misalnya pada dekad 1970-an, penulis pernah mengikuti Dato' Dr Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) ke Melaka yang diraikan Persatuan Penulis Melaka (Penama) selepas menerima anugerah doktor kehormat dari Universiti Malaya. Sewaktu mengunjungi kediaman Dato' Haji Ahmad Manap (ketika itu Speaker DUN Melaka), pemimpin UMNO di Tanjong Kling itu masih dapat mengimbau insiden yang mereka berdua alami bersama.

Insiden Pak Sako meninggalkan jawatan tinggi kerajaan sebagai majestret di Kuala Lumpur bersembunyi di Melaka,

beliau disorokkan oleh Dato' Ahmad di bawah kolong kerana bimbang ditangkap Inggeris. Berhari-hari pula Pak Sako terpaksa meniarap di situ menghabiskan masa dalam persembunyian, semata-mata enggan memegang jawatan yang memiliki status, prestij dan glori. Dalam insiden pada sekitar dekad 1930-an itu Dato' Ahmad masih seorang guru Melayu, sementara pertemuan pada dekad 1970-an sudah berlaku hampir 40 tahun.

Memang Tun Razak tak terbabit dalam aktiviti budaya sama ada sebelum mahupun selepas memimpin UMNO pada 1951. Sebaliknya kecenderungan beliau terhadap aktiviti budaya ternyata meyakinkan apabila mengambil alih kepimpinan kerajaan pada 1970 itu. Menerusi polisi DEB kalangan wartawan seolah-olah berani menerobos ke bidang penerbitan akhbar tabloid, sekalipun terdapat sekatan-sekatan dalam etika kebebsan untuk bersuara. Bidang penerbitan akhbar dan majalah sebelumnya dimonopoli syarikat besar seperti Utusan Melayu dan New Strait Times mula diberi saingan.

Tan Sri Abdul Samad Idris ketika memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri dikatakan terbabit secara tak langsung dalam penerbitan akhbar tabloid 'SUARA RAKYAT' yang dilihat pro pembangkang; walhal secara khusus period tersebut semua parti pembangkang sudah menyertai BN kecuali DAP dan PSRM. Secara kebetulan akhbar mingguan berkenaan digerakkan oleh beberapa orang bekas wartawan Utusan Melayu termasuk Harun

Hassan, Subky Latiff, (Dato') Chamil Wariya, Jalil Ali dan beberapa lagi.

Apabila Tan Sri Abdul Samad dikaitkan dengan penerbitan akhbar berkenaan ianya memang disasarkan kepada Tun Razak sebagai mentor yang memberikan 'restu' dalam setiap aktiviti beliau (Tan Sri Abdul Samad). Sebaliknya Tan Sri Abdul Samad secara telus mengambil langkah bijak menarik permit penerbitan akhbar tabloid berkenaan dengan isu terakhirnya meletakkan serangan peribadi ke atas Dato' Harun Idris di muka hadapan. Kebetulan pula ketika itu persaingan mula memuncak bagi merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO antara Harun-Samad.

Tak tahulah sama ada Tun Razak benar-benar memberi restu atau sebaliknya, tetapi Tan Sri Abdul Samad mengakui beliau tak pernah terbabit dalam penerbitan akhbar itu. Sepanjang ingatannya beliau sekadar menanda tangani kelulusan memberi permit atas kapisiti selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jamuan ringan yang diadakan di rumah beliau sempena pelancaran akhbar berkenaan sekadar memenuhi permintaan rakan-rakan setelah memikirkan kos yang besar sekiranya majlis dianjurkan di hotel atau premis lain.

Bagaimanapun selepas penerbitan akhbar SUARA RAKYAT dihentikan, beberapa buah lagi akhbar tabloid

muncul selepas itu seolah-olah menjadi trend baru dalam minda masyarakat. Kebebasan bersuara yang masih disekat, terikat dan dipukat oleh etika-etika khusus, tak pula menghalang pertumbuhan dunia persurat-khabaran Melayu ketika itu selepas akhbar SUARA RAKYAT berjaya menerobosi pasaran. DEB yang dijana oleh Tun Razak ternyata turut sama menjana pertumbuhan dunia persurat-khabaran Melayu sekalipun doktrin kebebasan bersuara masih terus dipersoal.

Selepas Tun Razak meninggal dunia kemeriahan anugerah 'Hadiah Sastera Nasional' tak lagi menjadi kebanggaan aktivis budaya. Bukan sahaja dimansuhkan format asalnya, malah anugerah alternatif 'Saterawan Negara' tak dapat menyaingi kemeriahan anugerah 'Hadiah Sastera Nasional' yang diperkenalkan di bawah pentadbiran Tun Razak. Begitu juga dengan anugerah 'Sayembara Novel Yayasan Sabah-Gapena', 'Hadiah Cerpen Esso-Gapena', 'Hadiah Sastera Public Bank-Utusan Melayu' atau lain-lain kurang menyengat kerana tak mampu membawa audien menyertai sama.

Setiap organisasi termasuk aktivis budaya memerlukan penyertaan semua khalayak yang melibatkan individu budayawan itu sendiri. Apabila kelompok terhad sahaja yang dibawa ke majlis budaya, semuanya menjadi serba tak kena. Justeru Tun Razak sendiri ketika mengambil alih jawatan Perdana Menteri memerlukan setiap unit di dalam

UMNO memberikan sokongan padu terhadap kepimpinannya yang diwariskan oleh Tunku selaku sahabat, guru dan ayah. Dalam ucapan Tun Razak kepada ketua-ketua Bahagian UMNO pada majlis perjumpaan 22 September 1970 menekankan:

"Kepada saudara-saudara sekalianlah terletak untung nasib kerajaan yang akan saya tubuhkan. Sama ada yang akan dapat menjalankan tanggungjawab saya yang berat sebagai Perdana Menteri dengan jaya atau tidak terletaklah pada sokongan dan taat setia saudara-saudara sekalian, ketua UMNO kepada saya dan matlamat perjuangan kita bersama. Maka sudah patut dan kena pada tempatnya jika pada masa yang gembira dan bertuah ini, saya bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian berkongsi di atas kemurahan Tuhan dan keanugerahan kehormatan parti kepada saya."

Patah Tumbuh Hilang Berganti

Berpulangnya Tun Razak ke rahmatullah pada 14 Januari 1976 di London seolah-olah sukar diterima oleh rakyat Malaysia sama ada lawan apatah lagi kawan politiknya, kerana ianya meninggalkan kejutan, igauan dan tak ketahuan. Sekalipun secara spontan setiap individu boleh menuturkan '*patah tumbuh, hilang berganti*', tetapi bukan lahir dari lubuk jiwa mereka. Takdir sudah menentukan Tun Razak meninggalkan negara yang

dipimpin di bawah pentadbirannya terlalu cepat, justeru Tun Hussein Onn mengambil alih jawatan Perdana Menteri bagi kesinambungan kepimpinan.

Begitu juga di kawasan Parlimen Pekan, Dato' Seri Najib digilap pada usianya 22 tahun menjadi ahli Parlimen, sekalipun bukanlah yang termuda dalam sejarah Parlimen di Malaysia. Sebelum itu Dato' Seri Lee San Choon pernah dipilih menjadi Ahli Parlimen Segamat Selatan di Johor pada pilihanraya 1959 ketika berusia 21 tahun. Di samping permintaan istana memujuk UMNO meletakkan Dato' Seri Najib menjadi calon pada pilihanraya kecil menggantikan ayahnya, Pembangkang juga memberi laluan dengan tak meletak calonnya menentang pewaris Tun Razak itu.

Tak dapat dinafikan kesan pemergian Tun Razak seolah-olah sukar diterima, justeru Pembangkang yang tak pernah melepas peluang menentang calon UMNO setiap kali pilihanraya, tak tergamak melawan Dato' Seri Najib dalam pilihanraya kecil tersebut. Akhbar-akhbar perdana di Malaysia juga membuat ulasan penuh emosi pada keluaran 15 November 1976 bagi menggambarkan situasi di bilik editor mahupun wartawan-wartawan yang bertugas seperti sorotan Berita Harian:

"Perdana Menteri Tun Abdul Razak yang tercinta telah kembali ke rahmatullah. Terlalu pilu dan memeranjatkan menerima berita yang hampir-hampir sukar dipercayai

bahawa seorang patriot dan pemimpin negara yang begitu jujur dan bersungguh-sungguh meninggalkan bangsanya yang amat memerlukannya. Perdana Menteri Tun Abdul Razak yang amat pendiam telah banyak merencanakan hidup rakyat dan negaranya.

"Kembalinya Allahyarham Tun Abdul Razak pada saat-saat penting bangsanya menghadapi anika pancaroba amat dirasakan benar kehilangannya. Sejak Allahyarham menceburkan dirinya dalam lapangan politik sehingga beliau terpilih sebulat suara sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 22 September 1970, Allahyarham telah mengukir beberapa sejarah penting bagi sebuah negara Malaysia yang sedang membangun di tengah-tengah dunia.

"Perhatian besar Allahyarham Tun Abdul Razak tertumpah kepada rakyat jelata yang cuba diangkatnya sebaik mungkin melalui Rancangan Ekonomi Barunya. Tidak pernah terdapat seorang Perdana Menteri yang tidak jenuh-jenuh kembali kepada rakyat, cuba mendampingi mereka, merencanakan hidup mereka dan mengharapkan kebahagiaan mereka. Allahyarham telah berjalan beribu-ribu batu semata-mata untuk memikul tanggungjawab besar yang diamanahkan kepadanya.

"Allahyarham juga tidak jenuh-jenuh memperjuangkan satu keluarga bangsa di rantau ini. Kepercayaannya yang penuh dan padu terhadap dasar berkecuali dan rantau

aman telah menyebabkan diterima, dihormati serta disegani oleh dunia. Kepercayaan yang murni inilah juga terus diperkenal dan diperjuangkannya bagi kebahagiaan seluruh rakyat di rantau ini.

"Sepanjang hayatnya, Allahyarham Tun Razak telah menjadi simbol perpaduan dan ilham kedamaian bagi seluruh kaum di Malaysia. Di bawah pimpinan Allahyarham negara ini telah menghadapi beberapa ujian yang mencapai kejayaan selepas peristiwa 13 Mei. Di bawah pimpinannya yang tenang dan bijaksana bangsa dari seluruh kaum telah dapat dipadukannya sehingga yakin kepada satu masa depan yang perlu diperjuangkan bersama secara jujur dan penuh visi. Atas kepercayaan bahawa adalah tanggungjawab utamanya untuk membangunkan satu bangsa yang bersatu itulah Allahyarham Tun Razak telah mengumpulkan semua tenaga-tenaga penting untuk mengisi cita-cita Malaysia yang aman, damai dan adil bagi semua.

"Segala apa yang diperjuangkan oleh Allahyarham Tun Razak sebenarnya belumlah berakhir. Memang banyak yang telah dicapainya, tapi masih terlalu banyak lagi yang ingin dikerjakannya. Tugas-tugas besar inilah sekarang yang tinggal dan perlu disudahkan oleh mereka yang selama ini amat percaya dan yakin kepada pimpinannya. Tidak mudah seseorang untuk dapat menandingi kebolehan dan kebijaksanaan Allahyarham dalam khidmat baktinya

kepada bangsa dan negara, dan sekarang tanggungjawab inilah terpaksa dipikul bersama dengan seluruh kerjasama dan kejujuran yang ada."

Dalam penulisan mirip kewartawanan Tun Seri Lanang dalam '*Sejarah Melayu* juga boleh dilihat mengenai naratif wasiat tatkala sultan mahu menghembuskan nafas terakhir. Raja berkenaan akan memanggil semua pembesar, malah paling terpenting ialah putera yang bakal menaiki takhta mendengar dengan teliti pesanan terakhirnya. Keperihalan tersebut dapat diselusuri menerusi episod Sultan Alauddin Riayat Syah mengingatkan puteranya Sultan Mahmud Syah mengenai tanggungjawab memelihara keadilan kepada rakyatnya.

Tetapi Dato' Seri Najib dipilih menerusi pilihanraya dalam sistem demokrasi berparlimen apabila menggantikan kedudukan ayahnya selaku Ahli Parlimen kawasan Pekan. Beliau tak diberi jawatan dalam kerajaan sebaik sahaja dipilih menjadi Ahli Parlimen, tetapi meningkat secara perlahan setelah menunjukkan kewibawaan dan karismanya sendiri. Dalam beberapa hal ternyata Dato' Seri Najib mendaki ke puncak hiraki kepimpinan UMNO berdasarkan kemampuan beliau, bukan terletak kepada kekuatan pengaruh Tun Razak.

Misalnya dilaporkan pada majlis persandingan adiknya Mohamed Nazim bersama pasangan Norjuma Habib Mohamed di Pulau Pinang, 24 April 2005, Dato' Seri Najib memeriahkan suasana dengan ucapannya yang diselang seli gelak ketawa. Karektor tersebut memang kurang ditampilkan oleh Tun Razak yang sentiasa serius sama ada dalam majlis terbuka mahupun di pejabat. Malah Tun Razak dikatakan terlalu *punctual* dengan waktu, sehingga temu janji boleh dibatalkan sekiranya terlambat beberapa minit untuk menemuinya.

Sama seperti Tun Razak yang mendapat sokongan kuat Tun Rahah dalam kerjaya politiknya; Dato' Seri Najib didampingi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor dalam banyak acara rasmi yang membabitkan kapisiti beliau. Malah majlis yang menyangkut forum antarabangsa juga keterampilan Datin Seri Rosmah sentiasa memberi rangsangan sama ada kepada Dato' Seri Najib sendiri mahupun rakyat Malaysia, termasuk ketika berlangsungnya Mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengenai Pembangunan Wanita di Putrajaya pada 7-10 Mei 2005.

Datin Seri Rosmah kelihatan turut sama mengiringi isteri Perdana Menteri Datin Seri Endon Mahmood membawa perwakilan yang menyertai mesyuarat berkenaan melawat pameran songket sebagai usaha mempromosi produk Malaysia. Kepekaan Datin Seri Rosmah sebagai

pendamping Dato' Seri Najib paling akrab pula terpantul dalam siri aktiviti sosial beliau termasuk kunjungan ke pusat anak-anak kurang upaya, mangsa tragedi tsunami dan lain-lain tugas rasmi yang dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri itu.

Tak hairanlah Dato' Seri Najib mampu menjejaki warisan kepimpinan ayahnya, apalagi Dato' Seri Abdullah banyak memberikan kuasa kepada beliau menguruskan pentadbiran parti mewakili presiden seperti keperihalan yang pernah ditunjukkan oleh Tunku pada period pentadbirannya apabila memberi banyak ruang kepada Tun Razak. Misalnya, masalah Lembaga Disiplin yang dipengerusikan Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddin dipertikaikan kecekapannya seolah-olah menganiaya ahli parti, Dato' Seri Najib dirujuk mempertahankan keputusan MT UMNO.

Ketika menjawab wawancara wartawan Mingguan Malaysia pada 17 April 2005, Dato' Seri Najib mengakui tak semua keputusan mampu memuaskan hati semua pihak. Apabila ditanya mengenai wujudnya fenomena pilih kasih dalam kuatkuasa disiplin dan hukuman kepada ahli UMNO terbabit dalam tindakan tata tertib, Dato' Seri Najib lantas menegaskan, "*Kita boleh dakwa macam-macam. Dalam mahkamah pun orang tidak berpuas hati. Kita hendak cari satu keadaan dimana tidak ada seorang pun yang mempertikaikan keputusan Lembaga Disiplin itu adalah sesuatu yang mustahil. Payahlah.*"

Menangani disiplin ahli UMNO bukan pada period pasca Tun Dr Mahathir atau selepas Dato' Seri Abdullah mengambil alih kepimpinan bersama Dato' Seri Najib pada 2004. UMNO pernah bergolak lebih hebat, lebih berat dan lebih sendat pada 1951 apabila Dato' Onn Jaafar sendiri keluar UMNO. Pengaruh Dato' Onn tak sama dengan Aziz Ishak yang menjadi mentimun merempuh durian pada dekad 1960-an; atau Dato' Harun Idris melebar sayap bak belalang menyambar helang di udara pada dekad 1970-an, tetapi Dato' Onn penganjur besar bangsa Melayu yang dihormati, dikagumi dan disegani!

Dato' Onn memiliki kuasa politik dengan kedudukan selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah dukungan penjajah Inggeris, di samping menteri besar-menteri besar lantikan kerajaan ketika itu secara terbuka menyebelahi beliau. Tunku-Tun Razak yang meneruskan kesinambungan pimpinan UMNO juga sukar mendapat sokongan istana, apabila Inggeris menggunakan segala jentera kerajaan mengawasi setiap aktiviti menentang kerajaan.

Menteri Besar Perak Dato' Panglima Bukit Gantang pada 27 April 1953 selaku Yang Dipertua Parti Kebangsaan Perak, malah masih menjadi ahli UMNO melancarkan satu gerakan menteri besar-menteri besar bagi menentang kepimpinan Tunku-Tun Razak. Semua menteri besar

memberi sokongan kepada Dato' Panglima Bukit Gantang, kecuali Menteri Besar Perlis, Raja Haji Ahmad Raja Endut dan Menteri Besar Pahang Tengku Muhammad ibni Almarhum Sultan Ahmad.

Tindakan disiplin diambil terhadap Dato' Panglima Bukit Gantang dengan memecat keahlian beliau, begitu juga beberapa tokoh ternama UMNO di Johor yang memberi sokongan terbuka kepada Dato' Onn. Gerakan pembersihan yang dijalankan oleh Tunku-Tun Razak ketika itu memang berhadapan dengan risiko, tetapi sokongan akar umbi yang kukuh, teguh dan utuh kepada pimpinan UMNO dapat membendung perpecahan tersebut. Justeru tindakan disiplin memang tak dapat dielakkan bagi mana-mana organisasi politik apabila sudah jelas ianya menggarap keadaan '*gunting dalam lipatan; api membakar sekam, musang berbulu ayam*!

Keputusan Lembaga Disiplin UMNO pada 2005 dipersoalkan setelah Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu yang juga Ahli Parlimen, Zaid Ibrahim sekadar diberi amaran apabila melanggar tata tertib, sebaliknya beberapa tokoh lain digantung sekalipun mereka terbabit dalam pertuduhan yang sama. Di samping itu Setiausaha Agung UMNO Dato' Radzi Sheikh Ahmad membawa usul pada mesyuarat MT UMNO pada 28 April 2005 bagi melarang Lembaga Disiplin mengumumkan nama ahli parti yang

didapati bersalah melanggar tata etika dan amalan politik wang sebelum disahkan oleh MT.

Memang banyak spekulasi dibuat berikutan isu keputusan Lembaga Disiplin UMNO dipersoalkan oleh ahli-ahli, malah mungkin juga di peringkat akar umbi. Berdasarkan kekuatan Tunku-Tun Razak pada awal dekad 1950-an setelah mendapat sokongan akar umbi, justeru Dato' Seri Najib lebih prihatin dengan pandangan di peringkat akar umbi yang menjadi landasan politik. Sekalipun Tun Razak cenderung kepada sokongan akar umbi secara kolektif, sebaliknya spekulasi tetap menerjah seolah-olah beliau mengambil keputusan 'memihak'.

Seperti penjelasan Tan Sri Asri dalam isu pembentukan BN, ianya bukan keputusan Tun Razak memaksa parti-parti komponen menerima saranan beliau. Sebalinya secara spontan dibincangkan dalam mesyuarat MT Parti Perikatan yang dipengerusikan oleh Tun Ghafar Baba berpunca daripada saranan Tan Sri Asri yang diundang turut sama menghadiri mesyuarat tersebut. Tetapi di luar lingkungan mesyuarat MT Parti Perikatan itu menganggap cadangan pembentukan BN dikemukakan oleh Tun Razak.

Penentangan terhadap Tun Razak dalam pemilihan Perhimpunan Agung UMNO pada 1975, seolah-olah menggambarkan kepimpinan beliau mula tak disenangi di peringkat akar umbi. Bagaimanapun keputusan pemilihan

tersebut dikatakan banyak memihak kepada Tun Razak, berikutan kemenangan Tun Ghafar, Tengku Razaleigh dan Tun Dr Mahathir menduduki kerusi Naib Presiden sebagai sokongan moral kepada kepimpinan beliau. Malah luapan emosi di seluruh negara sebaik sahaja mendapat berita kembalinya Tun Razak ke rahmatullah pada 14 Januari 1976, menunjukkan sokongan akar umbi tak berbelah bahagi terhadap beliau.

Langkah Dato' Seri Najib merujuk kepada sokongan akar umbi dalam menghadapi pergolakan UMNO dikira banyak berasaskan kepada pengajaran di masa lalu. Khabarnya ketika ditemui oleh bekas penyokong-penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika itu masih lagi ditahan di sel Sungai Buluh, Dato' Seri Najib menasihatkan mereka kembali kepada sokongan akar umbi. Malah Dato' Seri Najib dikatakan memberi penjelasan kepada rombongan bekas penyokong-penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim, "*Kerajaan sebenarnya bukanlah zalim sangat.*"

Beliau seolah-olah memberi jaminan dan harapan; keyakinan dan keprihatinan, positif dan komprenhensif. Ketika itu Dato' Seri Najib sendiri tak pernah memikirkan sama ada beliau akan menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri atau sebaliknya.




Tun Abdul Razak disambut oleh ahli-ahli yang ketika itu dikenali sebagai Penggerak Kaum Ibu UMNO di Taiping pada 18 Ogos 1967



Ahli-ahli Pergerakan Kaum Ibu menyambut kedatangan Tunku Abdul Rahman untuk merasmikan pembukaan bangunan UMNO di Ipoh, Perak pada 4 Mac 1967





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

8

RUMUSAN DAN ANALISIS: TERSURAT DAN TERSIRAT

KESINAMBUNGAN kepimpinan UMNO secara tak langsung memang mewakili kepimpinan kerajaan yang mentadbir negara. Gandingan kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi atau lebih sinonim dengan panggilan Pak Lah (panggilan sejak beliau berkhidmat di kementerian belia dan sukan lagi) dan Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak juga memperlihatkan kesinambungan generasi kedua dalam kepimpinan UMNO selepas naratif perjuangan fasa awal mendambakan semangat nasionalisme.

Pak Lah dilahirkan pada 26 November 1939 ialah anak Dato' Ahmad Badawi bin Abdullah Fahim, lebih dikenali sebagai tokoh agama di samping menjadi guru di Sekolah Agama Daeratul Maarifil Wataniah di Kepala Batas. Ketika perubahan senario dalam kepimpinan UMNO pada 1951, Dato' Ahmad Badawi merupakan Naib Ketua Perikatan Pemuda UMNO, sementara Tun Abdul Razak pula Timbalan Yang Dipertua Agung UMNO. Tak disangka-sangka pula pada 2003 anak kedua-dua pemimpin UMNO yang mengambil alih kepimpinan pada 1951 itu, kembali meneruskan kesinambungan generasi mereka.

Sewaktu Dato' Ahmad Badawi memimpin Pemuda UMNO bersama Tun Sardon Jubir, Pak Lah dianggar berusia 10 tahun sahaja. Sementara Dato' Seri Najib pula masih belum lahir ketika ayahnya Tun Razak dipilih memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung atau Timbalan Presiden

UMNO. Dato' Seri Najib dilahirkan pada 27 Julai 1953, sewaktu perjuangan ayahnya sudah mula mengorak langkah menuntut Inggeris mengadakan pilihanraya ke arah pembentukan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Pemuda UMNO pada 1953 di bawah pimpinan Sardon-Ahmad Badawi pula dikatakan berhadapan dengan desakan golongan radikal seperti Abdul Samad Idris, Othman Saat, Hamzah Alang dan beberapa lagi yang mahu melancarkan gerakan militan sekiranya Inggeris enggan mengadakan pilihanraya. Golongan radikal berkenaan mendapat restu Ahmad Badawi, sekalipun Sardon Jubir kurang senang dengan desakan tersebut. Apabila mereka membentuk 'Barisan 33' di bawah seliaan Ahmad Badawi, Inggeris hampir sahaja mengharamkan Pemuda UMNO.

Bagaimanapun Tunku tak menghiraukan ugutan Pesuruhjaya Tinggi,Gerald Templer mahu mengharamkan Pemuda UMNO, sebaliknya beliau hadir merasmikan Perhimpunan Pemuda UMNO di Melaka pada 1953, menyebabkan Inggeris menjadi serba salah. Bagi menjaga maruah kerajaan Inggeris, Gerald Templer hanya mengharamkan pakaian seragam Pemuda UMNO sahaja, di samping bersetuju mengadakan pilihanraya pada 1955 dengan meletakkan syarat iaitu 50 peratus sahaja ahli dipilih melalui pilihanraya, sementara 50 peratus lagi dilantik oleh kerajaan.

Tun Razak dan Dato' Ahmad Badawi memang sama-sama mengambil alih teraju kepimpinan selepas ditinggalkan oleh Dato' Onn. Bezanya, Tun Razak memimpin badan induknya bergandingan dengan Tunku, manakala Dato' Ahmad Badawi pula mengetuai sayap pemuda bersama Tun Sardon Jubir. Kedua-duanya Tun Razak dan Dato' Ahmad Badawi dianggap tenaga pendesak yang radikal apabila bergandingan dengan ketua masing-masing yang lebih berdiplomasi berhadapan dengan penjajah Inggeris.

Peranan Tun Razak juga hampir sama dengan Dato' Ahmad Badawi, iaitu menarik golongan muda menyertai UMNO selepas senario pada 1951 itu tiba-tiba berubah secara mendadak. Golongan elit dan pegawai-pegawai tinggi MAS (MCS) memberikan sokongan terbuka kepada Dato' Onn, menyebabkan UMNO berhadapan dengan impak tak mendapat sambutan atau kurang popular. Tun Razak berjaya mendapatkan sokongan golongan intelektual muda yang baru menamatkan pengajian di luar negeri seperti Tun Dr Ismail, abangnya Dato' Sulaiman dan rakan-rakan seangkatannya.

Dato' Ahmad Badawi pula menarik golongan muda berpendidikan agama menyertai UMNO dengan kapisitinya memimpin sayap pemuda Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) yang dipimpin oleh Haji Ahmad Maliki. Latar belakang Dato' Ahmad Badawi juga memang sudah terdidik

dengan asuhan semangat nasionalisme semenjak menuntut di Arab Saudi sekitar dekad 1930-an. Ketika menuntut di Mekah beliau memang sudah dipengaruhi oleh gerakan nasionalisme pelajar-pelajar di Timur Tengah dengan turut terbabit dalam perjuangan kemerdekaan di Mesir dan Turki.

Tak hairanlah apabila balik ke tanahair pada 1938, Dato' Ahmad Badawi menyertai PMSP bersama rakan-rakannya Hashim Awang, Zakaria Salleh dan Mohd Sopiee Sheikh Ibrahim. Kemampuan beliau menarik golongan muda menyertai gerakan nasionalisme inilah mendorong pucuk pimpinan UMNO meletakkan Dato' Ahmad Badawi menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO bersama Tun Sardon Jubir selaku ketuanya. Pada period tersebut Tan Sri Abdul Samad Idris pula dipilih menjadi Pengerusi Tetap Pemuda UMNO setiap kali pemilihan tahunan dibuat.

Justeru gandingan Pak Lah-Najib pada 2003 seolah-olah kembali kepada nostalgia kepimpinan UMNO pada 1951; apabila Tun Razak dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung dan Dato' Ahmad Badawi selaku Naib Ketua Pemuda. Bagaimanapun kepimpinan Tun Razak lebih sinonim bergandingan dengan Tunku menjadi Yang Dipertua Agung, malah kekal sehingga 1970. Sebaliknya Dato' Ahmad Badawi yang dilahirkan pada 1907 di Mekah al-Mukarramah bergandingan dengan Tun Sardon sehingga 1960 kerana faktor usia.

Malah Dato' Ahmad Badawi juga tak bertanding dalam pilihanraya 1955, sekalipun kapisitinya selaku pemimpin nasional ketika itu. Sebaliknya pada pilihanraya 1959, beliau hanya bertanding pada peringkat DUN sahaja, di samping kekal sehingga 1974. Dato' Ahmad Badawi juga pernah memangku jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang pada 1975 di bawah pentadbiran Parti Gerakan pimpinan Tun Dr Lim Chong Eu selepas parti itu menyertai BN. Beliau meninggal dunia pada 1977 iaitu kira-kira selepas lebih setahun Tun Razak kembali ke rahmatullah.

Pada pilihanraya 1978 pula Pak Lah diminta bertanding di kerusi Parlimen Kepala Batas ketika beliau masih memegang jawatan pegawai tinggi di kementerian kebudayaan belia dan sukan. Beliau terus dilantik memegang jawatan setiausaha parlimen di jabatan perdana menteri, sebaik sahaja memenangi pilihanraya 1978 itu. Sementara Dato' Seri Najib yang diberi laluan oleh pembangkang pada pilihanraya kecil 1976, menghadapi tentangan Pas pula pada pilihanraya 1978.

Sejak period pra kemerdekaan UMNO dilihat mempunyai gandingan mantap pada peralihan pucuk pimpinan 1951 ketika Tunku-Tun Razak muncul dalam kepimpinan baru. Gandingan Tunku-Tun Razak dianggap sama dengan dwi-tunggal di Indonesia di bawah pimpinan Bung Karno-Hatta selepas proklamir kemerdekaan negara berkenaan pada 17 Ogos 1945. Sekalipun di Indonesia berlaku keretakan

pimpinan dwi-tunggal tersebut apabila Dr Hatta secara terbuka mengkritik pimpinan Ir Sukarno, tetapi insiden demikian tak berlaku dalam kepimpinan Tunku-Tun Razak di Malaysia.

Sekalipun memang terdapat percanggahan pendapatan dalam kepimpinan mereka, tetapi Tun Razak mengambil sikap '*biar pecah di perut, jangan pecah di mulut*' dalam setiap isu berbangkit. Misalnya, dalam isu misi ke London pada dekad 1950-an Tunku berlepas ke United Kingdom terlebih dahulu bersama wakil MCA Tan Sri T.H. Tan. Tun Razak hanya dipanggil ke London sewaktu beliau berkunjung ke Amerika Syarikat. Begitu juga Tun Tan Cheng Lock pemimpin MCA menerima saranan Tunku memberi mandat kepada T.H. Tan mewakili MCA dalam rundingan di London itu.

Maknanya setiap agenda Tunku diterima oleh semua pihak pada period tersebut, kerana mereka terpaksa membendung segala percanggahan pendapat bagi mencapai matlamat menuntut kemerdekaan. Sikap Tunku mendahului rakan-rakan seperjuangan membuat keputusan memang disebut oleh Aziz Ishak dalam bukunya '*Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*', hingga beliau sering dikecam dalam mesyuarat MKT. Tan Sri Bahaman Shamsuddin dikatakan tokoh yang berani mengkritik Tunku dalam MKT, tetapi beliau tak pernah membuat kecaman secara terbuka pada pihak media.

Tun Razak pula tak membuat kritikan sama ada di dalam MKT, apalagi kepada media atas kapisitinya selaku Timbalan Yang Dipertua Agung. Beliau sentiasa mempertahankan Tunku, sekalipun menyedari tak disenangi oleh peringkat akar umbi. Dalam bukunya '*Suka Duka Politik Tun Razak*', Subki Latiff menulis mengenai sikap Tun Razak terpaksa meredakan ketegangan di kalangan peringkat akar umbi UMNO apabila mereka bangkit mempersoalkan keputusan yang dibuat Tunku.

Pernah berlaku pada 1965 apabila Tunku membuat keputusan mendahului rakan-rakan dengan menyingkirkan Singapura dari Malaysia, menyebabkan ahli-ahli peringkat akar umbi tak berpuas hati. Ketika itu ahli-ahli peringkat akar umbi sudah bersiap sedia membuat inisiatif mengumpul dana guaman bagi menghadapi kerenah Lee Kuan Yew mengambil tindakan mahkamah terhadap Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Syed Jaafar Albar. Ketika langkah mengutip dana guaman rancak berjalan itulah, tiba-tiba sahaja Tunku mengambil keputusan menyingkirkan Singapura.

Bagi meredakan ketegangan di kalangan ahli-ahli akar umbi UMNO inilah Tun Razak berperanan mewakili Tunku, termasuk juga kunjungan misi Ketua Pemuda UMNO Tan Sri Senu bersama rombongannya menemui Tun Razak di pejabatnya. Beliau menasihati ahli-ahli akar umbi menerima secara rasional keputusan Tunku, di samping

meletakkan kepentingan parti lebih daripada segala-galanya seperti disebut dalam buku '*Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*' oleh Ibrahim Mahmood.

Bagi penganalisis politik ketika itu mendapati Tunku banyak memberi ruang kepada Tun Razak mentadbirkan parti, sementara beliau menumpukan kepada tugas merangka agenda memperkuatkan kerajaan. Tunku dikatakan penggerak polisi kerajaan dan parti, manakala Tun Razak melaksanakan polisi yang digerakkan oleh Tunku. Gandingan Tunku-Tun Razak dilihat lebih mantap dibandingkan dengan Bung Karno-Hatta di negara jiran, Indonesia yang diwar-warkan sebagai pimpinan dwi-tunggal.

Kepimpinan 'Islam Hadhari'

Pergolakan politik UMNO bukan menggegar pada dekad 1998 sahaja berikutan krisis dalaman yang dianggap mencemaskan, melemaskan dan merimaskan itu. Di mana-mana sahaja perkembangan organisasi politik di dunia, ianya tetap bergolak malah lebih besar seperti dihadapi UMNO pada 1998. Perpecahan Parti Kongres di India pada dekad 1970-an misalnya, merupakan krisis dalaman apabila Perdana Menteri ketika itu, Indira Ghandi tak disenangi dengan polisi 'kasi' (memandulkan kaum lelaki) bagi memperkenalkan kaedah 'perancang keluarga'.

Akibatnya beliau ditewaskan oleh golongan penentangnya yang diketuai oleh Morarji Desai.

Sekalipun Indira Ghandi berjaya mendapat semula kuasa, tetapi Parti Kongres yang dipimpinnya menghadapi laluan gelap sehingga sekarang selepas beliau dibunuh oleh salah seorang pengawal peribadinya. Begitu juga Parti Golkar di Indonesia berhadapan krisis kepimpinan pada 1997 selepas kejatuhan Presiden Suharto, apabila Akbar Tanjung sering menerima kritikan secara terbuka di kalangan ahli-ahli parti menyebabkan tewas kepada Parti Demokrasi Indonesia (PDI) pimpinan Megawati Soekarnoputri.

Pada 1998 UMNO memang berhadapan dengan krisis dalaman yang meruncing apabila isu penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim oleh Tun Dr Mahathir dieksploit secara berkesan. Tetapi gandingan Mahathir-Pak Lah menjelang alaf baru 2000 seolah-olah dapat mengekang kemelut dalaman UMNO sehingga mampu memulihkan keyakinan selepas pilihanraya 1999. Bagaimanapun gandingan Mahathir-Pak Lah tak berterusan menjadi kesinambungan apabila Tun Mahathir mengumumkan peletakan jawatan pada 2002.

Berikutan perkembangan dengan peralihan kuasa secara tertib ini UMNO meneruskan tradisi kepimpinan dibawah gandingan Pak Lah-Najib selepas Perhimpunan Agung

tahun 2004. Dato' Seri Najib dilihat tak berhadapan laluan sukar selaku timbalan, kerana Pak Lah banyak mengambil keputusan secara kolektif dalam merangka polisi pentadbiran. Justeru Dato' Najib tak berhadapan dengan masalah meredakan ketegangan ahli-ahli akar umbi seperti pernah dialami oleh ayahnya, Tun Razak pada dekad 1950-an dan 1960-an.

Berdasarkan spekulasi memang pergolakan dalam kepimpinan UMNO seolah-olah tak dapat dibendung langsung, tetapi sumber yang tak disertakan dengan fakta mudah ditolak oleh rakyat. Isu politik wang yang dikatakan menggugat imej UMNO sejak dekad 1990-an ternyata tak menjejaskan mereka yang terbabit sekalipun Lembaga Disiplin misalnya, dapat mengemukakan kes berkenaan mempunyai asas. Justeru Dato' Seri Najib ketika menolak saranan supaya kes politik wang ditukar kepada 'rasuah politik' mengakui ianya 'kurang manis' dilabel begitu.

Setakat ini dalam kepimpinan Pak Lah-Najib masih belum berhadapan dengan isu besar yang menggugat, apalagi tempoh mereka meneruskan kesinambungan terlalu baru. Sekalipun period kepimpinan Pak Lah-Najib bermula pada 2004, tetapi keserasian mereka berdua sudah mula terbayang. Ketika menghadapi tragedi tsunami 26 Disember 2004 misalnya, Dato' Seri Najib segera mengambil inisiatif meninjau keadaan mangsa disebabkan Pak Lah dalam rangka kerja di luar negeri. Begitu juga ketika bencana

banjir di pantai timur sebelum itu, Dato' Seri Najib menyampaikan bantuan segera bagi pihak kerajaan.

Bagaimanapun pendekatan Dato' Seri Najib dalam menghadapi kes bencana alam mungkin berbeza dari Pak Lah. Menelusuri banjir yang melanda negeri-negeri pantai timur Pahang, Terengganu dan Kelantan sebelum tragedi tsunami dikatakan Dato' Seri Najib mengumumkan bantuan segera RM500 bagi setiap keluarga mangsa. Begitu juga kes tragedi tsunami, ketika meninjau masalah mangsa Dato' Seri Najib segera umumkan bantuan segera seolah-olah sama seperti dilakukan oleh Tun Ghafar Baba ketika beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Pak Lah mempunyai pendekatan yang hampir sama dengan Tun Dr Mahathir apabila membuat tinjauan terhadap mangsa bencana alam, iaitu tak umumkan bantuan segera. Sebaliknya memberi tanggungjawab kepada pegawai-pegawai jabatan melaksanakan program mengikut prosedur yang ditetapkan. Pelaksanaan polisi yang berasaskan 'Islam Hadhari' juga turut memberi tanggungjawab kepada Dato' Seri Najib menjana rangka kerja memberi penerangan kepada umum mengenai konsep yang diterapkan selepas ianya dikira sebagai polisi yang diketuai oleh Pak Lah.

Mungkin sahaja Dato' Seri Najib tak banyak memperkatakan konsep 'Islam Hadhari', sebaliknya ketika mengalu-alukan kepimpinan baru Pas selepas muktamar

parti itu di Kota Bharu awal Jun 2005, beliau mengakui UMNO tak menolak kerjasama di samping kesediaan memperjelaskan konsep 'Islam Hadhari'. Dalam konteks tersebut pihak lawan tak sepatutnya menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya 'memperbetulkan' perkara yang dilihat 'tak betul'. Beliau juga menolak sebarang kerenah mempertikaikan moral individu, dalam masa tak berusaha untuk memperbetulkan kesalahan moral berkenaan.

Konsep 'Islam Hadhari' sudah menjadi polisi yang diperjuangkan UMNO, justeru Dato' Seri Najib menjadi pelaksana dasar seperti pernah dilakukan oleh Tun Razak pada period Tunku sama ada pra kemerdekaan mahupun pasca kemerdekaan. Pah Lah juga mungkin tak mempunyai pendekatan seperti Tunku, kerana beliau dilihat terlalu berhati-hati dalam membuat dasar, di samping sentiasa mendapatkan sokongan secara kolektif. Misalnya, konsep 'Islam Hadhari' hanya diumumkan selepas mengambil kira pelbagai pandangan termasuk golongan cendekiawan Islam di luar UMNO juga.

Sama seperti Pah Lah dalam menangani isu-isu tertentu, Dato' Seri Najib juga terlalu berhati-hati membuat sebarang rumusan. Beliau dilihat seolah-olah tak mendahului Pak Lah, seperti keperihalan Tun Razak terlalu menumpahkan taat setia tak berbelah bahagi kepada Tunku. Fenomena tersebut dikira tak dapat dikawal pada period Tun Dr Mahathir yang sentiasa dibayangi terutama

pada fasa awal beliau memimpin UMNO dan kerajaan pada 1982. Tun Dr Mahathir hampir ditenggelamkan oleh kepimpinan 2M yang lebih menonjol dalam menentukan hala tuju pentadbirannya.

Gandingan Pak Lah-Najib seolah-olah kembali kepada landasan 1951 apabila Tunku-Tun Razak memulihkan semula lokomatif UMNO yang hampir tergelincir. Kemantapan pimpinan mereka diikuti pula dengan gandingan Pemuda UMNO Sardon Jubir-Ahmad Badawi yang sentiasa menjadi pelapis dalam setiap isu berbangkit ketika perjuangan menentang penjajah Inggeris semakin meluap-luap. Landasan pada 1951 merupakan fasa pertama memulihkan keyakinan selepas gelora besar dihadapi UMNO berikutan perihal peletakan jawatan Dato' Onn.

Pada 2004 landasan yang dilalui hampir sama iaitu memulihkan keyakinan selepas gelombang perubahan dengan peletakan jawatan Tun Dr Mahathir selaku pemimpin UMNO, tetapi menerusi dimensi yang berbeza. Ketika Pak Lah mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober 2003, beliau tak mengumumkan jawatan timbalannya serta merta. Sebaliknya Pak Lah mengambil masa panjang sebelum beliau membuat pengumuman rasmi melantik Dato' Seri Najib memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Spekulasi menjadi perhatian umum ketika itu, apabila terdapat sumber menyebut berlaku persaingan antara Dato' Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Malah Pak Lah juga dikatakan lebih condong untuk memilih Tan Sri Muhyiddin, sekalipun ianya sekadar spekulasi yang tak mempunyai asas. Kalangan penganalisis politik juga secara rambang membuat rumusan mengenai sokongan peringkat akar umbi 60 peratus berdiri di belakang Dato' Seri Najib, sementara di kalangan MT pula 70 peratus condong kepada Tan Sri Muhyiddin.

Bagaimanapun Dato' Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin tak dipengaruhi oleh spekulasi berkenaan, sebaliknya menyerahkan kepada budi bicara Pak Lah yang berhak membuat keputusan. Proses peralihan kepimpinan UMNO secara tertib ternyata memberi dorongan kepada Pak Lah apabila memilih Dato' Seri Najib menjadi timbalannya, sekalipun beliau mengambil masa lama. Dalam kepimpinan UMNO memang Dato' Seri Najib sudah pun dipilih menjadi Ahli Parlimen sejak 1976, menggantikan kekosongan di kerusi Parlimen Pekan berikutan kematian Tun Razak.

Berdasarkan senioriti ketika itu memang Dato' Seri Najib dilihat mendapat dukungan Pak Lah, kerana Tan Sri Muhyiddin mula memasuki Parlimen pada pilihanraya 1978. Sekalipun Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Seri Dr Rais Yatim memulakan kerjaya Ahli Parlimen sejak 1974, tetapi mereka pernah meninggalkan UMNO di samping

menentang calon BN pada pilihanraya 1990 dan 1995. Memang dalam pemilihan pucuk pimpinan bukan berdasarkan senioriti, sebaliknya kedudukan Dato' Seri Najib dalam hiraki kepimpinan UMNO mempunyai ciri-ciri yang perlu diberi perioriti oleh Pak Lah.

Rata-rata kepimpinan UMNO di belakang Pak Lah-Najib merupakan generasi pasca kemerdekaan mewakili di Parlimen selepas Tun Ghafar Baba berundur pada pilihanraya 2004. Pak Lah-Najib pula generasi kedua selepas insiden 1951 yang meneruskan hala tuju kepimpinan UMNO pada alaf baru dengan membawa idea mutakhir memproklamir konsep 'Islam Hadhari' sebagai landasan polisi pentadbiran mereka. Kritikan terhadap 'Islam Hadhari' memang tak dapat dielakkan, malah konsep 'penerapan nilai-nilai Islam' yang diterjemahkan pada 1982 juga pernah dipertikaikan.

Begitulah politik! Malah seperti diakui oleh wartawan dan penganalisis politik Dato' Chamil Wariya politik memang '*the art of the possible*'. Justeru tak hairan apabila "Islam Hadhari' menjadi kritikan penentang-penentang Pak Lah hingga membabitkan politik UMNO sendiri yang turut didukung sama oleh Dato' Seri Najib. Kemudahan teknologi menerusi SMS juga dijadikan medium menyibarkan kecaman terhadap 'Islam Hadhari' dengan menimbulkan pelbagai pendekatan negatif terutama berkaitan moral, rasuah dan penyelewengan individu.

Epilog Mengungkap Nilai

Pentadbiran Pak Lah selepas mengambil alih kepimpinan daripada Tun Dr Mahathir memang tak dapat dipisahkan dengan kedudukan Dato' Seri Najib selaku timbalannya. Mereka berdua mempunyai tanggungjawab bersama saling beriringan rapat memimpin negara mencapai matlamat 'Islam Hadhari' yang menjadi landasan kepimpinan kerajaan. Kejayaan atau kegagalan bukanlah terletak kepada mereka berdua, tetapi dinilai secara komprenhensif seperti DEB yang pernah diproklamir oleh Tun Razak pada 1970. Memang hasrat Tun Razak tak tercapai apabila mengharapkan 30 peratus bumiputera terbabit dalam sektor ekonomi menjelang 1990, tetapi beliau sudah menggariskan pelan induk terbaik pada period pentadbirannya.

Mungkin sahaja Dato' Seri Najib tak akan menjadi sasaran pengkritik-pengkritiknya kalau beliau tak dilantik oleh Pak Lah menjadi timbalannya. Kedudukan beliau selaku Naib Presiden UMNO ketika itu dikira sama juga dengan Tan Sri Muhammad Mohd Taib atau Tan Sri Muhyiddin Yassin, sekalipun memegang jawatan Menteri Pertahanan. Tak lama selepas dilantik oleh Pak Lah menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri, beliau mula berhadapan dengan kritikan, kecaman dan tekanan.

Kemunculan beliau dalam politik sejak 1976 diungkit, diperlekeh dan dicemuh seolah-olah berdasarkan emosi

rakyat ketika dirundung kesedihan berikutan kematian ayahnya, Tun Razak. Apabila beliau dipilih mewakili kerusi Parlimen Pekan, Dato' Seri Najib tak dilihat berpotensi menduduki jawatan tinggi, sebaliknya seolah-olah satu penghargaan sahaja kepada Allahyarham Tun Razak. Ketika itu ucapan sulung beliau di Parlimen bagaikan dinanti-nanti oleh semua pihak termasuk media dengan memberi liputan yang menggalakkan.

Disebabkan Perdana Menteri Tun Hussein Onn ketika itu tak tergesa-gesa melantik Dato' Seri Najib menyertai kabinet, spekulasi mula didengar mengenai Tun Hussein tak bersetuju beliau mengisi kekosongan kerusi Parlimen Pekan. Tengku Razaleigh Hamzah dikatakan tokoh UMNO yang berkuat mendesak supaya Dato' Seri Najib diletakkan menjadi calon. Memang ketika itu UMNO tak menghadapi persaingan di kawasan Pekan, disebabkan Pas merupakan salah satu komponen BN. Dalam senario tersebut UMNO tak perlu bimbang meletakkan siapa sahaja menjadi calon mengisi kekosongan di kerusi Parlimen Pekan pada pilihanraya kecil tersebut.

Dato' Seri Najib juga tak menjadi sasaran pengkritik-pengkritik apabila beliau dilantik menjadi Menteri Besar Pahang pada pilihnraya 1982. Malah ketika bergandingan dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim memimpin Pergerakan Pemuda UMNO, beliau juga dianggap bersikap sederhana, sentiasa bertolenrasi dan tak menimbulkan kesulitan

kepada ketua. Disebabkan kesederhanaan tersebut, Dato' Seri Najib diminta mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO pada Perhimpunan Agung, April 1987.

Ketika itu Dato' Seri Najib tak dipersoal sama ada Pergerakan Pemuda UMNO di bawah pimpinannya agresif atau tidak; kalau pun tak menyamai '*pressure group*' pada period Dato' Harun Idris. Peranan beliau menyokong kepimpinan Tun Dr Mahathir pada saat-saat akhir menjelang Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987 tak pernah diungkit sekalipun beliau sebelumnya dikatakan menyebelahi Tengku Razaleigh. Semua kronologi berkenaan memperlihatkan Dato' Seri Najib tak menjadi sasaran para pengkritik jikalau beliau tak dilantik menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri.

Sebaik sahaja beliau diumumkan oleh Pak Lah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, surat layang mula memainkan peranan mengungkit langkah Dato' Seri Najib memberikan sokongan kepada pucuk pimpinan pada Perhimpunan Agung UMNO 1987. Kesetiaan beliau kepada pucuk pimpinan dimanipulasi sebagai terdesak hingga terpaksa menyokong Tun Dr Mahathir, sekalipun faktanya sudah jelas beliau bertanding mengisi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda. Beliau juga diungkit apabila terbabit menyampaikan ucapan berbau perkauman dalam rapat raksasa di Stadium TPCA, tetapi terlepas daripada sebarang tindakan undang-undang.

Bukan sahaja sewaktu menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO peranan Dato' Seri Najib diungkit, malah tempoh memegang jawatan Menteri Besar Pahang selama lima tahun juga turut dipersoal, dipertikai dan diperdebat selepas beliau menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ironinya, semua isu yang menjadi persoalan, pertikaian dan perdebatan itu tak pernah disentuh sebelum beliau meneruskan hiraki kepimpinan dalam UMNO dan kerajaan. Beliau dilabel sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang menyembunyikan segala penyelewengan dalam beberapa instutusi yang membabitkan pemimpin-pemimpin UMNO. Aduhai!

Ketika menjadi Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Najib dikatakan mempunyai kroni-kroni bagi mengimbangi pengaruh pemimpin-pemimpin lain yang dianggap menjadi pesaingnya. Beliau dikatakan terbabit dalam usaha menjatuhkan Tan Sri Ghazali Shafie di Lipis, di samping mengatur strategi menempatkan 'orang'nya bagi menyingkirkan Dato' Sabaruddin Chik di Temerloh. Malah beliau juga disifatkan tak menyenangi Tan Sri Khalil Yaakob memegang jawatan Menteri Besar Pahang selepas pilihanraya 1986 kerana dianggap menyukarkan laluan beliau dalam hiraki kepimpinan.

Setiap isu yang diungkit, dibangkit dan dikait menjadi sasaran pengkritik-pengkritik selepas Dato' Seri Najib dilantik menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Apalagi perkara yang diungkit, dibangkit dan dikait itu tak terbatas kepada kerjaya politik beliau semata-mata, malah menular kepada isu peribadi dijadikan sasaran. Tak hairanlah bagi masyarakat Melayu tradisional yakin dengan pepatah-petitih lama yang menyebut '*kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai*'.

Kalau menelusuri tragedi di istana Melaka pada abad ke 15 juga, boleh dilihat dengan insiden Hang Tuah sebaik sahaja dilantik memegang jawatan laksamana. Hang Tuah menjadi sasaran pengkritik-pengkritiknya disebabkan jawatan yang disandang, bukan populariti beliau sewaktu menjadi 'bentara kanan' dalam misi mengiringi sultan ke Majapahit. Ketika dipilih menyertai misi Sultan Melaka ke Majapahit, Hang Tuah hanya sekadar 'bentara kanan' iaitu ketua pengawal di istana sahaja. Tak siapapun memberi perhatian kepadanya, sekalipun Hang Tuah menempa populariti semasa di istana Betara Majapahit.

Hang Tuah mula menjadi sasaran pengkritik-pengkritiknya apabila dilantik memegang jawatan laksamana dengan kedudukannya di bawah bendahara dan temenggung. Carta bagi institusi pemerintahan di zaman kesultanan Melaka tak banyak berbeza fungsinya dengan pentadbiran pasca kemerdekaan, sekalipun jawatan-jawatan terbabit disandang menerusi sistem anarki, yakni diwarisi secara turun temurun. Memang jawatan yang diberikan kepada Hang Tuah akan diwarisi oleh

keturunannya, tetapi status beliau sudah mengatasi pembesar-pembesar istana yang lain.

Kedudukan dalam status politik di institusi kesultanan Melaka inilah mencetuskan insiden Hang Tuah dituduh menjalin skandal seks dengan gundik-gundik menyebabkan beliau dihukum. Sekalipun tragedi Hang Tuah di Melaka dianggap sebuah epik Melayu, tetapi analoginya boleh dilihat menerusi perkembangan politik mutakhir. Kritikan yang diungkit bukan lagi secara lisan, tetapi disibarkan menerusi media cetak atau penerbitan buku-buku yang mempunyai motif terkhusus. Entahlah!

Sekalipun Dato' Seri Najib tak mengalami detik malang yang menimpa Hang Tuah, tetapi spekulasi yang disibarkan memang mempunyai unsur-unsur mahu menjatuhkan imej beliau pada pandangan umum. Bagaimanapun politik UMNO tak terjejas dengan pelbagai spekulasi, selagi ianya tak menular menjadi satu gerakan yang terancang untuk mengeksploit setiap isu seperti keperihalan kekecohan 1998. UMNO di bawah Pak Lah dilihat semakin meyakinkan berinteraksi dengan rakyat, malah sudah dibuktikan pada pilihanraya 2004.

Tak keterlaluan pula kedudukan Dato' Seri Najib selaku waris Tun Razak menjadikan beliau masih dibayangi oleh ketokohan negarawan tersebut. Beliau mungkin sahaja dikira sama seperti Rajiv Ghandi di India yang sentiasa

dibayangi oleh ketokohan ibunya Indera Ghandi atau datuknya Jawarhalal Nehru. Sekalipun Rajiv menduduki hirarki kepimpinan Parti Kongres berasaskan kewibaannya sendiri, tetapi bagi pengkritik-pengkritiknya beliau ditonjolkan oleh penyokong-penyokong fanatik keluarganya dalam parti tersebut.

Sebaliknya Parti Kongres mengalami detik merudum selepas kematian Rajiv apabila dibunuh dalam letupan pengebom berani mati; malah pembunuhan tersebut dianggap misteri hingga sekarang. Generasi Ghandi semakin sukar menembusi benteng politik di India setelah kematian Rajiv dengan Parti Kongres semakin merosot sokongan, sekalipun usaha dibuat menonjolkan balunya Sonia Ghandi memimpin parti berkenaan. Bagi penganalisis politik di India membuat tanggapan Parti Kongres yang merudum kerana ianya seolah-olah warisan keluarga Ghandi. Kononnya!

Tetapi UMNO mempunyai barisan kedua selepas Pak Lah-Najib yang tak terlihat pun ciri-ciri seperti Parti Kongres di India. Di samping Pak Lah-Najib sudah bersedia Tan Sri Isa Samad, Dato' Wira Ali Rustam dan Tan Sri Muḥyiddin seolah-olah pelari trek di atas balapan menunggu giliran boton. Begitu juga barisan pimpinan MT UMNO sentiasa menanti peluang masuk ke balapan sama ada selaku pelari pilihan mahupun pelari yang ditunjuk oleh jurulatih dengan potensi sebagai seorang atlet.

Rumusan Dan Analisis

Tak menyangkut kepada spekulasi yang banyak diramal penganalisis politik, senario mutakhir UMNO memang ditentukan oleh kepimpinan Pak Lah-Najib. Selepas UMNO mengumumkan sayap keempatnya Putera UMNO, ianya dikatakan sebagai landasan merekrut remaja belasan tahun menyertai perjuangan UMNO. Dengan had umur bagi Pergerakan Pemuda UMNO ditetapkan sehingga usia 40 tahun, Putera UMNO seolah-olah membuka ruang kepada remaja lelaki terbabit dalam aktiviti politik seperti keperihalan Puteri UMNO sebelumnya.

Dato' Seri Najib tak banyak memberi komen mengenai penubuhan Putera UMNO yang dikatakan digerakkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda, Dato' Seri Hishamuddin. Beliau juga tak menampakkan sebarang reaksi ketika ura-ura penubuhan Veteran UMNO yang khabarnya dipelopori bekas Ahli Parlimen Larut Utara di Perak, Dato' Tajuddin Ali. Bagaimanapun beliau terpaksa mempertahankan isu PLKN yang dipeloporinya apabila berhadapan dengan pelbagai kritikan, termasuk kerenah jurulatih yang terbabit di kem-kem latihan.

Memang beberapa inisiatif Dato' Seri Najib sebelum ini juga dilihat menimbulkan kontraversi, tetapi tak diberi perhatian sangat oleh pengkritik-pengkritiknya mahupun penganalisis politik. Misalnya, isu 'darjah lompat' yang

diperkenalnya semasa menjadi Menteri Pendidikan (atau Menteri Pelajaran), memang kurang bermanfaat sekalipun matlamatnya memberi galakan kepada pelajar peringkat rendah mencapai tahap lebih cemerlang dalam akademik.

Konsep 'darjah lompat' itu diketepikan selepas beliau berpindah semula ke kementerian pertahanan. Dalam kerjaya politiknya, Dato' Seri Najib berpengalaman dalam tiga kementerian selaku menterinya, selain menjadi Menteri Besar Pahang pada 1982-1986. Apabila dibawa semula ke Pusat, Dato' Seri Najib dilantik menjadi menteri belia dan sukan sebelum dipindahkan kepada menteri pertahanan. Beliau kemudiannya menggantikan Dato' Dr Sulaiman Daud selaku menteri pendidikan, seterusnya beliau memperkenalkan 'darjah lompat'.

Semasa menjadi menteri pendidikan juga Dato' Seri Najib dikritik berikutan pelajar-pelajar sekolah rendah terpaksa memikul beban beg buku yang berat disebabkan jadual pembelajaran yang ketat. Beliau seolah-olah serasi dengan kementerian pertahanan, kerana tak terdapat kontroversi yang melibatkan polisi dan pelaksanaan dasar. Tetapi Dato' Seri Najib juga berhadapan dengan isu rampasan senjata di kem tentera di Grik oleh kumpulan al-Maunah yang menggemparkan negara.

Dalam isu pencerobohan kumpulan al-Maunah di kem tentera Grik di Perak, Dato' Seri Najib tak pula menjadi

sasaran pengkritik-pengkritik, tetapi Tun Dr Mahathir yang dijadikan target seolah-olah 'sandiwara'. Apalagi ketika itu politik antarabangsa dalam keadaan meruncing berikutan ancaman perang ke atas Iraq oleh pentadbiran George W Bush di Amerika Syarikat. Tak lama selepas tragedi pencerobohan di kem tentera itu diikuti pula penangkapan golongan militan yang berselindung di sebalik kumpulan pejuang Islam di bawah ISA.

Kejayaan pihak tentera menumpaskan kumpulan al-Maunah memang kecekapan yang sudah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Di bawah Dato' Seri Najib angkatan tentera Malaysia terbabit menyertai misi pengaman di bawah bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk di Bosnia-Hezgovina dan Somalia. Ketika menyertai misi pengaman di Somalia dikenali sebagai MALBATT pada 1993, tentera Malaysia membuktikan kemampuannya menyelamatkan tentera Amerika Syarikat yang dianggap perkasa apabila terperangkap dalam kepungan musuh pada Mei 1994.

Bagaimanapun kehebatan tentera Malaysia diperkecilkan oleh karyawan filem di Hollywood apabila mereka menerbitkan filem '*Black Hawk Dawn*' berdasarkan insiden di Somalia itu. Berikutan tayangan filem tersebut di negara ini media tempatan terus mengkritik filem berkenaan seolah-olah memperkecilkan peranan tentera Malaysia menyelamatkan tentera Amerika Syarikat. Dato'

Seri Najib yang prihatin dengan keluhan karyawan tempatan, turut memberikan komentar seolah-olah kesal dengan industri filem di Hollywood.

Justeru penulis mengirim surat peribadi kepada Dato' Seri Najib kerana menyesali sikap pengusaha filem Hollywood memperkecilkan peranan tentera Malaysia seolah-olah menonjolkan kehebatan tentera mereka. Bagi menonjolkan keperwiraan tentera Malaysia menyelamatkan tentera Amerika yang terperangkap, pengusaha filem di Malaysia perlu memainkan peranan, kerana mustahil bagi karyawan luar mahu mempertaruhkan wibawa tentera mereka. Di samping itu penulis sendiri mempunyai alasan kuat mengenai tak prihatinnya penerbit di Malaysia mempromosi keperwiraan anak tempatan.

Sebelum filem '*Black Hawk Down*' diterbitkan, penulis sudah terbabit menyiapkan manuskrip novel mengenai perjuangan MALBATT, di samping insiden tentera Malaysia bertarung nyawa menyelamatkan tentera Amerika Syarikat. Sebaliknya sehingga filem berkenaan ditayangkan di Malaysia, tak terdapat penerbit buku bersedia menerbitkan naskhah berkenaan berdasarkan pasaran yang lembab. Penulis sekadar mengingatkan tak perlu menyalahkan pihak industri filem di Hollywood, dalam masa industri penerbitan buku di Malaysia sendiri tak berminat dengan keperwiraan anak tempatan.

Memang Dato' Seri Najib tak menjawab surat berkenaan, tetapi seorang pegawai dari Kementah berpangkat kolonel menghubungi penulis seterusnya bertemu dengan brigedier jeneral (bersara). Kami berbual mesra di sebuah restoran eksklusif di Ampang dengan tak menyentuh langsung isu filem '*Black Hawk Down*' itu. Isu mengenai salah fakta filem terbitan Hollywood itu juga berakhir, dengan tak menimbulkan sebarang pro kontra yang berpanjangan. Keperwiraan tentera Malaysia memang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan sijil penghargaan PBB dan kerajaan USA, sebaliknya kurang diberi perhatian oleh industri penerbitan sama ada filem mahupun buku. Begitulah!


Kecekapan yang ditunjukkan angkatan tentera ketika menewaskan kumpulan al-Maunah, memang kehebatan yang sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Tetapi pengkritik-pengkritik Dato' Seri Najib lebih peka membangkitkan isu-isu negatif berbanding kejayaan tentera Malaysia di bawah kementeriannya. Beliau juga dikatakan mengirimkan pasukan khas tentera Malaysia ke Aceh pada Januari 2005 bagi membantu mangsa tragedi tsunami serta memulihkan semula prasarana di wilayah berkenaan.

Ketika berucap merasmikan persidangan serentak Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita dalam Perhimpunan Agung UMNO 2004, Dato' Seri Najib dilihat menyentuh agenda Melayu. Bukan sahaja ketuanan Melayu


menjadi fokus, tetapi pembabitan mereka dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial. Sebelum itu sekitar dekad 1980-an Tan Sri Abdul Samad Idris juga sering menekankan, ketuanan Melayu yang sekadar berpaksi kepada politik semata-mata akan menghadapi pasang surut, sekiranya bidang ekonomi, pendidikan dan sosial tak diberi perhatian.

Ketika memimpin Pergerakan Pemuda UMNO juga Dato' Seri Najib sering menyebut mengenai ketuanan Melayu. Huraian mengenai ketuanan Melayu memang sudah acapkali dibincangkan pada period pra kemerdekaan di bawah pimpinan Tunku-Tun Razak. Sudah tentu tak banyak perbezaan ketuanan Melayu yang dihuraikan ketika itu dengan versi di bawah Dato' Seri Najib apabila menyentuh agenda Melayu pada persidangan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita 2004 itu.

Agenda Melayu pada period Pak Lah-Najib dititipkan pula dengan semangat 'Islam Hadhari', selaras perkembangan semasa yang lebih bersifat global. Mudah-mudahan!



Listening



Thinking





Gambar: Ehsan daripada Yayasan Tun Abdul Razak

BIODATA

Dharmala N.S.

Dharmala N.S. merupakan sasterawan yang menulis dalam semua genre termasuk novel, cerpen, sajak, buku biografi, filem, drama TV dan teater, rencana dan terjemahan. Dua buah novelnya '*Jejak Pulang*' (1979) dan '*Juragan*' (1981) memenangi Sayembara Novel Yayasan Sabah-Gapena, sementara cerpennya '*Rakit*', '*Bubu*' dan '*Kasut*' pula memenangi Hadiah Cerpen Esso-Gapena bagi tahun 1981 dan 1982.

Cerpennya '*Haruan*' (Berita Minggu, 21 April 1974) memenangi Hadiah Sastera Nasional yang disampaikan oleh Perdana Menteri ketika itu Tun Abdul Razak Hussein. Bekas pengarang beberapa buah majalah dan akhbar tabloid Watan, beliau juga ialah *ghost writer* kepada bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Allahyarham Tan Sri Abdul Samad Idris. Antara buku-buku yang dihasilkan bersama Tan Sri Abdul Samad termasuklah *'25 Tahun Merdeka'*, *'Askar Melayu 50 tahun'*, *'Payung Terkembang'*, *'Melaka Tempa Sejarah'*, *'300 Pepatah'* dan beberapa lagi.

Di samping aktif dalam persatuan penulis di Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur sekitar dekad 1970-an dan 1980-an, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri Sembilan (1990 – 2003). Bagi

pengkritik-pengkritik sastera, Dharmala dianggap penulis pertama di Malaysia menghasilkan karya-karya kejiwaan binatang dan membawa tema adat perpatih menerusi novel dan cerpen-cerpennya. Shahnon Ahmad, Ramli Isin dan Sahlan Mohd Saman ketika menyorot karya-karya beliau pula memperkatakan gaya bahasanya.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Aziz Ishak; *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra;* Kuala Lumpur, 1956.

2. Senu Abdul Rahman; *UMNO 10 Tahun*; Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur; 1956

3. Amat Johari Moain; *Sejarah Nasionalisme Maphilindo*; Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur; 1969.

4. Laporan; *The May 13 Tragedy*; The National Operations Council, Kuala Lumpur; 9 Oktober 1969.

5. Subky Latiff; *Suka Duka Politik Tun Razak*; Amir Enterprise, Kuala Lumpur; 1976

6. Anwar al-Sadat (alih bahasa Ahmad Boestamam); *Pemberontakan Di Lembah Nil*; DBP, Kuala Lumpur; 1976.

7. Ibrahim Mahmood; *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*; Pustaka Antara, Kuala Lumpur; 1981.

8. Tan Sri Abdul Samad Idris; *25 Tahun Merdeka*; Pustaka Budiman, Kuala Lumpur; 1982.

9. Zakry Abadi; *Mahathir Dalam Dilema Melayu*; Gelanggang Publishing, Kuala Lumpur; 1992.

10. Mohd Asri Haji Muda; Memoir Politik Asri; Meniti Arus; Penerbitan UKM, Bangi; 1993.

11. Abdul Muluk Daud; *Antagonis Melayu*; Tastax Raya Sdn Bhd., Kuala Lumpur; 2002.

12. Akhbar Berita Harian

13. Akhbar Utusan Melayu/Utusan Malaysia

14. Majalah MASTIKA; Utusan Melayu.

15. Majalah SARINA; Amir Enterprise.



Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat TUN ABDUL RAZAK BAPA PEMBANGUNAN

(Kebenaran disebalik Perjuangan) – ***bukan penulisan buku biografi, tetapi perbincangan secara semi-ilmiah mengenai pemikiran dan pendekatan politik Tun Razak termasuk berkaitan pendidikan, ekonomi dan kebudayaan. Analisis yang dibuat adalah mengikut pandangan orang ketiga, kerana Tun Razak bukan sahaja terlalu singkat mentadbir negara; malah pergi dalam saat setiap rakyat di negara ini masih memerlukan perkhidmatan beliau.***

Allahyarham Tun Razak adalah seorang pemimpin yang loyal (setia) pada Parti yang diceburinya dan juga akur dengan pemimpin atasannya. Dalam beberapa aspek beliau amat toleransi terhadap Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin tinggi UMNO walaupun yang lain tidak senang dengan tindakan Tunku. Tolak ansur dan diplomasi beliau dalam menangani krisis dalaman merupakan sikap yang tidak mementingkan diri asalkan Parti dapat berdiri teguh dan rakyat terbela.

Banyak yang boleh dikutip dan dijejaki oleh ahli politik jika perbincangan buku semi-ilmiah ini dibaca dengan rasa minat terhadap khidmat juang peribadi seorang pemimpin yang tidak seharusnya kita lupa begitu sahaja. Kini dalam semua sorotan mengenai pendekatan politik Tun Razak pada period pra kemerdekaan dilihat hampir diwarisi dalam kerjaya politik Dato' Seri Najib sekarang.

Thinker's LIBRARY

ISBN 967-69-0667-0

9 789676 906670

RM25.00